



PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S
SPEECH [Col. 3]

MESSAGE FROM THE HOUSE OF REPRESENTA-
TIVES [Col. 40]

BILLS PRESENTED [Col. 42]

MOTION—

The Yang di-Pertuan Agong's Speech—Address of Thanks
[Col. 42]

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA (SENATE)

Official Report

THIRD SESSION OF THE FIRST PARLIAMENT
OF THE FEDERATION OF MALAYA

VOLUME III

SESSION 1961-1962

FEDERATION OF MALAYA
DEWAN NEGARA (SENATE)
Official Report

Vol. III

Third Session of the First Dewan Negara

No. 1

Monday, 1st May, 1961

The Senate met at Ten o'clock a.m.

PRESENT:

The Honourable Mr. President (DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED YASIN) S.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

„ the Minister of Justice (TUN LEONG YEW KOH, S.M.N.)
(Appointed).

„ TUAN HAJI ABBAS BIN HAJI MOHAMED (Trengganu).

„ ENCHE' ABDUL HAMID BIN MAHMUD, J.M.N. (Appointed).

„ ENCHE' AHMAD BIN SAID, A.M.N. (Perak).

„ ENCHE' ABDULLAH BIN ISHAK (Perlis).

„ ENCHE' ABDUL WAHAB BIN IDUS, P.J.K. (Negri Sembilan).

„ ENCHE' AMALUDDIN BIN DARUS (Kelantan).

„ ENCHE' CHAN KWONG HON, A.M.N., J.P. (Selangor).

„ ENCHE' CHEAH SENG KHIM, J.P. (Penang).

„ DATO' DR. CHEAH TOON LOK, J.M.N., J.P., DATO' MAHA
KURNIA (Appointed).

„ ENCHE' CHOO KOK LEONG (Appointed).

„ DATO' J. E. S. CRAWFORD, J.M.N., J.P., DATO' KURNIA
INDERA (Appointed).

„ ENCHE' DA ABDUL JALIL BIN HAJI AWANG (Trengganu).

„ ENCHE' HASHIM BIN AWANG, J.P. (Penang).

„ ENCHE' KOH KIM LENG (Malacca).

„ DATO' LEE FOONG YEE, J.M.N., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).

„ ENCHE' LIM HEE HONG, A.M.N. (Appointed).

„ ENCHE' MOHD. SALLEH BIN MOHAMED ARIFF (Malacca).

„ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL (Kedah).

„ ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., J.K.
(Appointed).

„ ENCHE' ATHI NAHAPPAN (Appointed).

„ ENCHE' S. P. S. NATHAN (Appointed).

„ NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N. (Appointed).

„ TUAN HAJI NIK MOHD. ADEEB BIN HAJI NIK MOHAMED
(Kelantan).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K.
(Appointed).

„ RAJA RASTAM SHAHROME BIN RAJA SAID TAUPHY (Selangor).

The Honourable DATO' SHEIKH ABU BAKAR BIN YAHYA, D.P.M.J., P.I.S., J.P. (Johore).

- " DATO' G. SHELLEY, P.M.N., J.P. (Appointed).
- " TUAN SYED AHMAD BIN SYED MAHMUD SHAHABUDIN, J.M.N. (Kedah).
- " ENCHE' T. H. TAN, J.M.N. (Appointed).
- " DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Appointed).
- " ENCHE' S. O. K. UBaidULLA, J.M.N. (Appointed).
- " WAN AHMAD BIN WAN DAUD, P.J.K., J.P. (Perlis).
- " DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- " ENCHE' YAP KHEN VAN, A.M.N., J.P. (Pahang).
- " ENCHE' YEOH KIAN TEIK (Perak).

ABSENT:

The Honourable ENCHE' A. M. ABU BAKAR, J.M.N. (Nominated).

IN ATTENDANCE:

The Honourable the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Malacca Tengah).

- " the Minister of TRANSPORT, ENCHE' SARDON BIN HAJI JUBIR (Pontian Utara).
- " the Minister of Health and Social Welfare, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- " the Minister of Labour, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- " the Assistant Minister of Education, ENCHE' ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- " the Assistant Minister of Rural Development, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- " the Assistant Minister of Commerce and Industry, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- " the Assistant Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang.)

PRAYERS

(Mr. President *in the Chair*)

TITAH UCHAPAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG (HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH)

Mr. President: Ahli² Yang Berhormat, saya suka hendak mema'alumkan kepada Dewan ini ia-itu Dewan ini pada 18 haribulan April, 1961, telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong di-Dewan Tunku Abdul Rahman. Duli Yang Maha Mulia telah mengeluarkan titah ucapan di-kedua² Parlimen. Saya telah menghantarkan satu salinan di-bagi kepada Ahli² Majlis ini dengan tujuan kenyataan persidangan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Yang Berhormat Ahli² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat:

Sa-belum Beta melanjutkan ucapan Beta, Beta suka melafadzkan keshukoran ka-hadzrat Allah Subha-nahu-wata'ala yang telah mengizinkan kita sakalian berkumpul pada hari ini mendengar ucapan

Beta atas perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini. Mudah-mudahan dengan taufik dan hidayah-nya dapat-lah kita bersama-sama menjalankan segala kerja² kita dengan sempurna.

Ini ada-lah pertama kali-nya Beta berucap kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian sa-bagi Yang di-Pertuan Agong. Maka oleh itu, Beta suka mengambil peluang ini berikrar bahawa Beta bersama-sama dengan Raja Permaisuri Agong akan memberi sa-penoh² perkhidmatan kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dan juga dengan sa-berapa daya upaya Beta dengan petunjok Allah Subha-nahu-wata'ala memelihara akan dasar² demokrasi dan pemerintahan yang berperlembagaan.

Sungguh pun ini ada-lah pertama kali-nya Beta berucap di-Parlimen ini tetapi Beta tiada-lah sunyi daripada mengikuti akan segala perjalanan dan perbahathan di-kedua² Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat ini. Beta suka juga mengambil peluang mengucapkan satinggi² tahniah kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian atas sikap yang waras terhadap kewajipan masing² di-dalam Parlimen ini. Ini ada-lah menunjokkan bahawa sungguh pun negara kita ini maseh muda lagi tetapi kita telah dapat memelihara 'adat pemerintahan sa-chara demokrasi yang terpuji.

Beta sangat² tertarik hati di-atas perasaan muhibbah yang bertambah² baik di-antara ahli² pehak Kerajaan dan ahli² pehak pembangkang, baik di-dalam Dewan ini mahu pun di-luar sungguh pun mereka itu mempunyai fahaman siasah yang berlain²an. Sikap yang sa-umpama itu sangat-lah elok dan menunjokkan bahawa kita chukup faham akan demokrasi sa-chara ber-Parlimen. Ini ada-lah satu sempena baik bagi negara kita pada masa yang akan datang.

Beta pada hari ini hanya-lah berchakap berkenaan dengan dasar² yang baharu sahaja dan tidak menyentuh dasar² yang sedang di-jalankan dengan sempurna-nya pada masa ini bagaimana yang telah di-terangkan dalam Dewan ini pada masa yang lalu. Ada-lah perkara yang besar dalam dasar Kerajaan Beta bagi penggal Parlimen yang akan datang ini ia-lah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua yang telah di-persetujukan oleh kedua²

Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat ini di-dalam persidangan-nya pada bulan Februari yang lalu. Dalam Ranchangan itu ada-lah tersebut dengan jelas-nya bahawa Kerajaan Beta bersama-sama dengan Kerajaan² Negeri dan Pehak² Berkuasa Tempatan serta dengan kerjasama daripada ahli² perniagaan sakalian ber'azam hendak menjadikan kemajuan masyarakat dan ekonomi di-bandar dan di-luar bandar itu supaya sa-imbang.

Beta sangat² sedar betapa susah payah-nya ra'ayat Beta terutama sa-kali mereka yang tinggal di-kampong² dan di-kawasan² luar bandar dalam usaha hendak meninggikan taraf hidup dan memberi pelajaran kepada anak² mereka itu. Ranchangan yang baharu sahaja di-luluskan itu ada-lah menjadi satu chabaran kepada kita sakalian. Kita hendak-lah menyambut chabaran itu dengan usaha yang berlipat ganda dan kerjasama yang bersungguh². Sa-sungguh-nya, semangat bersatu padu, setia yang tidak berbelah bahagi dan pengorbanan amat-lah di-kehendaki dalam usaha untuk menchapai taraf hidup yang lebeh tinggi.

Ranchangan² Kemajuan Luar Bandar telah siap di-susun dalam masa lebeh kurang enam bulan sahaja dengan berkat kerjasama pegawai² dan ahli² majlis meshuarat yang di-pileh di-daerah² menurut kehendak² yang di-tentukan di-dalam "Buku Merah". Ranchangan² itu telah di-semak oleh Kerajaan² Negeri melalui Jawatan-Kuasa Kemajuan Negeri masing². Dalam masa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini sedang di-sediakan, Kerajaan Beta tidak pula ketinggalan daripada menjalankan ranchangan² yang kecil untuk memenohi kemahuan² ra'ayat yang tinggal di-luar bandar. Oleh yang demikian jalan² kampong, jambatan², pusat² kesihatan, sekolah², bekalan² ayer dan balai² raya telah dapat di-adakan.

Ahli² Yang Berhormat sakalian akan berpeluang sa-kali lagi membinchangkan Ranchangan² itu pada masa menimbang-kan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan tahun 1961 ini yang akan di-kemukakan di-dalam persidangan ini kelak. Beta berharap Anggaran Perbelanjaan itu akan di-timbangkan dengan memandang ka-pada kebajikan dan faedah negara serta ra'ayat seluruh-nya. Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua ini akan

memakan belanja lebih daripada Lima Ribu Juta Ringgit yang akan di-keluarkan oleh pihak Kerajaan dan ahli² perniagaan. Kerajaan Beta yakin dan percaya bahawa ra'ayat akan sedia berusaha dan menyokong bagi kejayaan Ranchangan ini. Sa-bagaimana yang telah Beta sebutkan tadi, pelaksanaan Ranchangan ini amat-lah mustahak supaya ekonomi negara ini bertambah subur dan supaya tercapai darjah kehidupan ra'ayat yang menasabah. Tidak ada lain jalan bagi tiap² sa-orang ra'ayat negara ini mencapai kemajuan melainkan dengan bekerja bersungguh², berjimat chermat, berusaha dan berkorban.

Kerajaan Beta akan menerangkan chara² bagaimana ra'ayat yang tinggal di-kawasan² luar bandar boleh bekerja sama menayakan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar Kebangsaan ini. Bagi mencapai tujuan ini ra'ayat yang tinggal di-kampung² dan di-kampung² baharu hendak-lah mempunyai perasaan dan semangat yang baharu dan sedia berkorban bagi meninggikan taraf hidup mereka. Mereka hendak-lah sedar ia-itu ada satu sahaja jalan bagi mendapat kebahagiaan dan kema'amoran dan ini ia-lah dengan berjimat chermat dan bekerja bersungguh².

Sa-bagai permulaan bagi melancarkan perengkat yang kedua Ranchangan Kemajuan Luar Bandar Kebangsaan ini, Kerajaan Beta telah menubuhkan satu bahagian Pelajaran Dewasa di-dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sungguh pun pentadbiran Pelajaran Dewasa telah sa-hingga ini di-jalankan oleh pertubohan² sukarela dengan sangat² memberi puas hati tetapi pada pendapat Kerajaan Beta bahawa usaha kebangsaan hendak menghapuskan buta huruf itu tidak akan berjaya melainkan di-tadbirkan oleh Kerajaan sendiri. Kerajaan Beta suka hendak mengambil peluang di-sini menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada semua pertubohan² sukarela, khas-nya kepada Persatuan Pelajaran Dewasa atas jasa² dan kerja² yang chemerlang yang telah mereka buat pada masa yang lalu. Kerajaan Beta juga berhutang budi kepada sakalian yang telah mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit dalam pekerjaan yang sangat mustahak ini. Ada-lah di-harapkan pada menjalankan usaha ini, pertubohan²

sukarela itu akan terus bekerja bersungguh² dalam lapangan ini. Kerajaan Beta akan menubuhkan sa-buah Jawatan-Kuasa Penasihat Kebangsaan dan mereka yang telah mengambil bahagian yang besar dalam hal pelajaran dewasa ini akan di-minta menjadi ahli²-nya. Maka memang-lah tujuan Kerajaan Beta hendak memberi pelajaran kepada tiap² sa-orang ra'ayat supaya tahu menulis dan membaca bahasa kebangsaan serta menanamkan perasaan sedar akan kewajipan² dan tanggung-jawab mereka.

Dalam hal pentadbiran tanah, Kerajaan Beta dengan bantuan Kerajaan² Negeri telah dapat membuat beberapa perubahan yang baik. Pejabat² Tanah telah di-bahagikan kepada dua bahagian—satu untuk menyelenggarakan hal kemajuan dan lagi satu sa-mata² untuk menjalankan pekerjaan biasa hari². Dengan jalan ini dapat-lah di-segerakan kerja² berkenaan dengan pembahagian tanah. Pembahagian tanah² baharu kepada ra'ayat yang berkehendakkan-nya telah di-mulakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan oleh Kerajaan² Negeri. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya mengadakan dua puluh tiga ranchangan di-serata Persekutuan Tanah Melayu dan dengan ini dapat-lah kira² 8,000 keluarga di-beri tanah tempat kediaman. Kerajaan² Negeri, kechuali Kelantan dan Trengganu, telah juga mulai membuka tanah mengikut Undang² Tanah (Kawasan Penempatan Beramai²). Kejayaan dalam mentadbirkan hal ehwal tanah ada-lah bergantung kepada kebolehan kita mengadakan peratoran yang sama dan mudah. Oleh yang demikian, dengan tujuan hendak menyatukan chara mentadbirkan tanah, Kerajaan Beta akan mengadakan dengan sa-berapa segera-nya satu Undang² Tanah Kebangsaan. Kerajaan Beta tidak pula lupa menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh di-atas baik budi Kerajaan New Zealand kerana menghantarkan di-bawah Ranchangan Colombo Juru² Ukor Tanah yang berkelayakan untuk membantu Juru² Ukor Tanah kita.

Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan yang telah mengambil bahagian penting dalam usaha memajukan kawasan² luar bandar akan terus menggalakkan orang² kampong menubuhkan perusahaan kampong dan perusahaan

kecil dan juga akan mengutamakan perkara mengadakan kemudahan² bagi menyelenggara dan menjual barang² kampung. Ini ia-lah dengan tujuan hendak menambahkan pendapatan mereka itu.

Tiap² Kementerian yang berkenaan akan bekerja bersungguh² berusaha saddy upaya mereka bagi menjayakan tugas yang mustahak ini. Dalam lapangan pertanian, Kerajaan Beta akan sentiasa menggunakan bahan² kekayaan negara ini supaya kepinchangan kedudukan ekonomi penduduk² yang tinggal di-bandar dan di-luar bandar dapat dikurangkan. Dengan menggunakan benih² yang terpilih, chara² yang maju dan baja yang menchukupi, pengeluaran padi telah bertambah dengan banyak-nya. Pengeluaran beras bagi tahun 1960, dianggarkan sa-banyak 560,000 ton, ia-lah yang terbanyak sa-kali yang pernah di-perolehi. Angka ini menunjukkan bahawa beras yang di-keluarkan telah bertambah 32 peratus daripada tahun yang lalu. Perintah² am mengenai perkara menggunakan chara² pertanian yang baharu sedang di-keluarkan melalui Persatuan² Peladang. Persatuan² ini sedang menjalankan beberapa ranchangan termasuk perchubaan menanam padi dua kali sa-tahun, membahagi²kan baja dan menggunakan alat² jentera sa-lain daripada menubuhkan kumpulan² bagi menggunakan chara² pertanian yang baharu. Hingga masa ini, 120 buah Persatuan² Peladang telah di-tubuhkan di-seluruh Persekutuan ini. Ada pun kerja Persatuan² ini ia-lah menggalakkan peladang² supaya mengambil berat dalam ranchangan² yang tujuan-nya hendak meninggikan taraf hidup mereka. Ranchangan² itu akan di-jalankan dengan panduan pegawai² yang terlately dalam chara² pertanian yang baharu. Usaha² menambah lain² pengeluaran saperti kelapa sawit, kelapa buah-buahan, sayur-sayoran, rumput "rhea", kopi dan teh ada-lah juga di-galakkan supaya penduduk² negara ini tiada bergantung sa-mata² kepada getah. Berkenaan dengan perusahaan ikan, Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan undang² baharu untuk menggantikan undang² yang ada sekarang ini. Undang² yang baharu ini akan menyatukan peratoran² perikanan yang ada sekarang dan mengadakan peratoran lesen di-seluruh Persekutuan. Dalam

tahun ini perusahaan menternak ayam itek dan kambing akan di-luaskan lagi. Dengan tamat-nya Dharurat dan dengan ada-nya ranchangan² pembangunan luar bandar, pengeluaran binatang² ternak telah bertambah banyak. Oleh kerana memikirkan betapa mustahak-nya patut di-tinggikan ekonomi penduduk² negara ini dan dengan tujuan hendak mengurangkan kesusahan daripada angkara berhutang, kekurangan modal dan pengaruh orang² tengah, maka Kerajaan Beta sentiasa akan memperkuat, menggalak dan menubuhkan pergerakan sharikat kerjasama. Satu daripada sharat² yang utama bagi meninggikan kedudukan ekonomi penduduk² luar bandar ia-lah dengan menjayakan pergerakan sharikat kerjasama itu.

Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan, dasar Kerajaan Beta samemang-nya-lah dan maseh tetap juga bertujuan menggalakkan pengeluaran getah asli untuk menchukupi keperluan dunia yang maseh lagi kurang itu, dan juga untuk melawan getah tiruan. Penanaman sa-mula yang di-jalankan sa-chara beransor² di-ladang² getah, besar dan kecil itu, ada-lah satu tanda nyata yang membuktikan kejayaan dasar Kerajaan Beta dalam lapangan ini. Sabuah Jawatan-Kuasa Kerja Bersekutu untuk menimbangkan ranchangan² Kerajaan bagi menanam sa-mula di-masa hadapan telah pun di-tubuhkan.

Dan lagi amat-lah mustahak di-perelok dan di-jaga supaya mutu getah yang kita hantar keluar negeri itu sentiasa tinggi. Dengan sempurna-nya penyusunan samula bahagian penyelidekan dan bahagian kemajuan yang telah di-belanjakan dengan Kumpulan Wang Getah Tanah Melayu, ada-lah di-harapkan penyelidekan² akan dapat di-jalankan dengan lebeh giat dan kedua² pehak itu akan dapat bekerja dengan lebeh² rapat lagi. Ranchangan membaik-biakan benih getah yang di-jalankan oleh Pusat Penyelidekan Getah itu, telah menghasilkan beberapa benih jenis baik yang akan mengeluarkan lebeh banyak getah daripada yang sudah². Penyelidekan mengenai jenis² getah asli yang tinggi mutu-nya yang sesuai dengan tujuan² yang tertentu, telah menambahkan pengeluaran getah. Dengan tujuan hendak memberi kepercayaan kepada dunia atas tetap-nya pasaran getah kita

itu, suatu Pusat Pertukaran Getah akan di-susun dan di-tubuhkan dengan satu asas yang boleh di-terima oleh ahli² perdagangan antara-bangsa di-seluruh dunia, dan langkah² yang mustahak untuk mengadakan undang² dan perlembagaan sedang di-ambil, supaya Pusat Pertukaran Getah itu dapat di-jalankan sa-belum akhir tahun ini. Kerajaan Beta, bersama² dengan Kerajaan² yang bergantung kepada jualan keluar negeri barang² utama yang sedikit jenis-nya itu, selalu menarek perhatian kepada kesukaran² yang disebabkan oleh turun-naik-nya harga barang² itu dan juga mengingatkan betapa mustahak-nya di-chari jalan supaya harga itu tetap dan tidak mendatangkan bimbang. Dengan sebab itu, Kerajaan Beta memikirkan sangat-lah mustahak harga getah asli itu sentiasa ada dalam keadaan yang tetap dan Kerajaan Beta akan menyokong apa² jua langkah antara-bangsa yang menasabah bagi mencapai tujuan ini.

Walau pun harga bijeh pada masa ini sangat memuaskan hati tetapi Kerajaan Beta perchaya ia-itu jika di-pandang dengan pandangan yang jauh Perjanjian Timah Antara-bangsa yang baharu itu ada-lah sangat besar guna-nya bagi menetapkan pasaran bijeh timah dengan mendatangkan munafa'at kepada pehak yang mengeluarkan bijeh timah dan kepada pehak yang menggunakan-nya. Jika tujuan ini hendak di-chapai maka mustahak-lah negeri² yang menggunakan bijeh timah itu menyokong Perjanjian ini dengan bersungguh². Sa-sungguh-nya sangat-lah elok kira-nya Perjanjian yang baharu yang telah di-sahkan oleh Kerajaan Beta dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada 1hb July yang akan datang dapat berjalan dengan sempurna.

Berkenaan dengan perusahaan nenas, Kerajaan Beta akan menchuba dengan sa-berapa boleh, melaksanakan keputusan² yang tersebut dalam Kertas Perintah Nombor 19 Tahun 1960. Ada-lah di-harap dengan di-sempurnakan keputusan² itu keadaan perusahaan² pada 'am-nya akan bertambah baik. Dalam Rancangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua peruntukan bagi menubuhkan Kilang Kebangsaan Mengetin nenas telah di-sediakan. Langkah² telah di-ambil untuk menubuhkan sa-buah Badan Pusat Pasaran untuk menjaga supaya harga

pasaran nenas tin itu tetap dan dapat menandingi keluaran negeri² yang lain. Sa-buah Pusat Penyelidikan Nenas akan di-tubuhkan untuk menjalankan penyelidikan dengan lebeh giat lagi. Mengenai perusahaan kelapa, Jawatan-Kuasa Penasihat Kelapa yang di-tubuhkan pada tahun lepas sedang menimbang dengan teliti sama ada boleh atau tidak di-adakan ranchangan menanam sa-mula dan memulehkan kebun² kelapa di-kawasan² yang besar di-negara ini. Kerajaan Beta telah juga mengambil langkah menyusun sa-mula chara perdagangan kayu keluar negeri supaya perdagangan yang makin sa-hari sa-makin mustahak kepada ekonomi negara ini dapat berjalan dengan lebeh baik.

Dalam lapangan memajukan perusahaan ada tanda² menunjukkan bahawa ahli² perusahaan luar negeri dan tempatan akan terus menanam modal dengan lebeh banyak lagi di-negara ini. Dengan tujuan supaya perusahaan tiada di-buka pada satu² tempat sahaja Kerajaan² Negeri ada-lah di-galakkan membuka kawasan² perusahaan seperti yang ada di-Petaling Jaya. Kerajaan Persekutuan telah pun mengadakan suatu Kumpulan Wang untuk membantu Kerajaan² itu membuka kawasan² perusahaan. Satu penyata yang di-buat oleh sa-orang pakar Bangsa² Bersatu berkenaan dengan perkara memajukan usaha² penyelidikan sedang di-timbang oleh Kerajaan Persekutuan. Penyata ini antara lain²-nya menyebut tentang perkara menubuhkan sa-buah Ma'mal Kimia Negara, sa-buah Pusat Kaji Teknik Perusahaan, sa-buah Badan Taraan Persekutuan Tanah Melayu dan sa-buah Badan Penguji Negara. Dan lagi ada-lah di-chadangkan hendak menjadikan pusat² ini tempat menjalankan penyelidikan yang sa-lama ini di-jalankan di-luar negeri. Pada tahun ini langkah telah pun mulai di-ambil untuk menubuhkan sa-buah pusat bagi melateh kakitangan yang akan menjadi pengurus² dan penyelia². Dua orang pakar daripada Pertubuhan Buroh Antara Bangsa yang mula² telah pun sampai di-negara ini bagi memulakan ranchangan itu. Sa-buah sharikat yang di-anjorkan oleh Kerajaan bernama Sharikat Pemodalan Kemajuan Perusahaan Tanah Melayu Berhad, ia-itu sa-buah badan bagi memberi hutang kepada orang² yang hendak membuka

perusahaan telah mula menjalankan perniagaannya. Sharikat ini boleh memberi berbagai² kemudahan kepada penanam modal tempatan dan luar negeri. Kerajaan Beta akan terus berusaha supaya banyak perusahaan² di-buka berjalan dengan tetap di-negara ini.

Dalam lapangan perdagangan pula, perdagangan di-luar negara bagi tahun yang lalu ada-lah bertambah baik disebabkan baik-nya harga getah dan timah. Nilai harga barang² keluar dan masuk ada-lah lebih tinggi pada tahun 1960 daripada tahun 1959 dan perbandingan perdagangan keluar masuk dengan negeri² asing yang telah sedia menguntungkan negara kita ini makin bertambah baik dalam tempoh yang sama. Ada-lah hasrat Kerajaan Beta hendak menjalankan terus dasar yang luas mengenai perdagangan dan ekonomi yang sedia menjadi asas kema'amoran negara kita ini. Sa-lain daripada barang² yang biasa di-dagangkan ka-luar negeri, Kerajaan Beta berchadang juga hendak memajukan jualan di-luar negeri barang² yang di-buat di-kilang² yang baharu di-buka dan juga barang² buatan negeri ini yang belum lagi bermutu bagi di-dagangkan ka-luar negeri.

Dalam lapangan pengangkutan, Kerajaan Beta sangat mengambil berat dalam perkara hendak memperbaiki lagi kemudahan² di-pelabuhan, terutama sekali di-Port Swettenham untuk mengurangkan kesukaran² yang di-sebabkan oleh barang² yang keluar masuk di-situ makin sa-hari sa-makin bertambah. Dalam pada itu kerja membena pengkalan² di-Utara Selat Kelang, ada-lah berjalan mengikut bagaimana yang dijadualkan. Sementara itu kerja membena pengkalan di-Butterworth akan di-jalankan. Undang² sedang di-gubal pula bagi menubuhkan pihak berkuasa pelabuhan di-Melaka. Berkenaan dengan perusahaan pengangkutan jalan raya, Kerajaan Beta akan meneruskan dasarnya hendak menambah bilangan orang Melayu yang mengambil bahagian dalam lapangan ini. Pada masa ini perusahaan pengangkutan yang di-miliki oleh orang Melayu telah bertambah 300 peratus banyak-nya dan sharikat² bus ada-lah sa-makin bertambah banyak di-miliki oleh orang² Melayu, termasuk dua sharikat bus yang terbesar di-Persekutuan ini. Berkenaan dengan penerbangan

awam sa-buah pengkalan kapal terbang antara-bangsa yang baharu akan di-bena di-Kuala Lumpur. Usaha menchari tempat yang sesuai telah selesai di-jalankan maka sekarang sudah-lah dapat ditentukan tapak pengkalan itu. Kerja membuat jalan menuju ka-tempat itu akan di-mulakan tiada berapa lama lagi.

Kerja² membena bangunan² baharu, jalan² raya, pejabat² pos dan kerja memperluas dan memperelokkan kemudahan² talikom akan terus di-jalankan mengikut Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan usaha mengelokkan lagi bekalan² ayer di-kawasan² luar bandar akan di-utamakan.

Oleh kerana baik perhubungan antara pekerja² dengan majikan² maka banyak-lah pemodal² di-luar negeri menaruh kepercayaan untuk menanam modal di-negeri ini. Dengan tujuan hendak mengekalkan perhubungan yang baik di-kalangan pekerja² Kerajaan Beta berchadang hendak meminda undang² yang berkenaan dengan-nya. Undang² Mahkamah Perusahaan Tahun 1948 harus akan di-pinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Buroh champor tangan dalam sa-barang perbalahan sa-kira-nya di-fikirkan mustahak bagi faedah orang ramai.

Dalam lapangan pelajaran, Kerajaan Beta telah bersetuju dengan Penyata Jawatan-Kuasa Menyemak Sa-mula Pelajaran. Segala shor dalam penyata itu akan di-laksanakan dengan sa-berapa segera yang boleh dan Rang Undang² yang berhabit dengan-nya akan di-kemukakan di-dalam Parlimen dalam tahun ini juga. Dua perkara yang besar dalam hal pelajaran ia-lah menaikkan had umur berhenti sekolah dan memberi pelajaran yang perchuma di-sekolah² rendah. Mulai daripada tahun 1962 satu jenis sekolah yang baharu yang di-namakan Sekolah Pelajaran Lanjutan akan di-tubuhkan. Dalam sekolah² ini akan di-adakan kursus sa-lama dua tahun untuk murid² yang tiada dapat masuk ka-sekolah² menengah yang lain (termasuk Sekolah² Lanjutan Kampong) dan yang suka hendak melanjutkan pelajaran mereka sa-telah tamat belajar sa-lama enam tahun di-sekolah rendah. Ini akan berma'ana sa-rendah² umur berhenti sekolah akan menjadi 14 tahun

sa-lewat²-nya pada tahun 1963. Sungguh pun tujuan Kerajaan Beta ia-lah hendak menaikkan had umur berhenti sekolah hingga kepada 15 tahun tetapi oleh kerana masaalah pengurusan dan keewangan maka keputusan telah di-ambil ia-itu hendak menjalankan-nya dengan ber-ansor², dan hendak mengadakan kursus dua tahun di-sekolah pelajaran lanjutan pada masa pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua. Perkara hendak memberi pelajaran rendah perchuma dengan sa-berapa segera sedang di-timbangan, dan sama ada dapat atau tidak di-jalankan dalam tahun 1962 atau kemudian daripada itu akan di-ambil keputusan-nya masa menyediakan Belanjaan tahun 1962.

Mula² daripada awal tahun 1962 chara memberi separoh bantuan kepada sekolah² menengah yang tiada mengikut syarat² dengan sa-penoh-nya akan di-berhentikan. Maka terpuang-lah kepada sekolah² itu sendiri membuat keputusan sama ada hendak menjadi sekolah² yang mengikut syarat² dengan sa-penoh-nya dan mendapat bantuan yang penoh atau menjadi sekolah² yang bebas ya'ani tiada mendapat bantuan wang daripada Kerajaan tetapi maseh juga lagi kena mengikut syarat² yang di-kehendaki oleh undang². Kerajaan Beta berchadang hendak menjaga kepentingan penghidupan guru² yang layak di-sekolah² yang baharu menjadi sekolah² yang mendapat bantuan penoh mengikut dasar ini. Undang² Pelajaran yang baharu akan memberi kuasa menggantungkan perjalanan Pihak² Berkuasa Pelajaran Tempatan, dan menubuhkan sa-buah Lembaga Penasihat Pelajaran Kebangsaan dan Lembaga² Penasihat Pelajaran Negeri dan mengenakan serta memungut chukai pelajaran oleh Pihak Berkuasa Persekutuan. Sekolah² pertukangan menengah dan sekolah² teknik menengah mengikut chara baharu akan di-adakan. Sekolah² Lanjutan Kampong di-kawasan luar bandar yang memberi pelajaran² yang berguna untuk membuat sa-suatu pekerjaan di-kampong² akan di-tambah bilangan-nya. Latehan guru akan di-luaskan lagi untuk memenohi kehendak² sekolah² yang bertambah ramai bilangan murid-nya, khas-nya guru² untuk mengajar di-sekolah² lanjutan, dan mengadakan guru² yang terlatah untuk mengajar

bahasa kebangsaan. Persediaan² sedang di-buat untuk mengadakan pelajaran ugama Islam di-dalam semua sekolah² yang menerima bantuan yang mempunyai murid² berugama Islam tidak kurang daripada 15 orang. Kemudahan² akan di-tambah untuk memperolehi pelajaran dengan menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar, termasuk-lah pelajaran menengah. Usaha² akan di-buat untuk meninggikan mutu sekolah² kebangsaan dan semua darjah² aliran bahasa kebangsaan. Pelajaran yang menggunakan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa pengantar akan di-beri perchuma di-semua peringkat di-semua sekolah². Perundingan berkenaan dengan Tingkatan Gaji Yang Sa-rupa bagi guru² telah selesai di-jalankan dalam Majlis Kebangsaan Bersama bagi Guru² dan dalam penggal Parlimen ini Kerajaan Beta berchadang hendak mengambil langkah² yang mustahak bagi mengadakan Perkhidmatan Guru² Yang Sa-rupa. Kerajaan Beta dengan persetujuan pihak² berkuasa University berchadang hendak menubuhkan sa-buah University kebangsaan yang berkuasa sendiri di-Kuala Lumpur mulai daripada awal penggal University tahun 1962. Undang² bagi melaksanakan yang demikian itu akan di-kemukakan dalam Parlimen dalam penggal ini.

Kerajaan Beta akan terus memberi perhatian yang berat kepada kesihatan umum. Yang di-utamakan sa-kali ia-lah kesihatan luar bandar dan meluaskan lagi kemudahan² perubatan dan kesihatan kepada kawasan² luar bandar dengan tujuan hendak mengurangkan lagi angka kematian, khas-nya bagi kanak² dan ibu² yang bersalin dalam kalangan penduduk² luar bandar. Kerajaan Beta akan terus menjalankan usaha² bagi menghapuskan demam kura dan menchegeh penyakit batok kering, untut dan puru. Usaha memberi pelajaran berkenaan dengan kesihatan dan makanan khas-nya dalam kawasan² kampong akan di-utamakan. Rumah² sakit yang sempit dan yang buruk saperti yang ada di-dapati sekarang di-Kuala Lumpur, Seremban dan Kelang akan di-gantikan dengan rumah sakit yang baharu lagi moden. Rumah² sakit yang lain² akan juga di-perelokkan. Satu ranchangan latehan yang pesat bagi semua peringkat kakitangan teknik dan lain² akan di-jalankan untuk mengatasi

kekurangan kakitangan yang ada sekarang dengan sebab perkhidmatan itu telah di-perluaskan. Undang² akan di-adakan bagi mengawal jirim radio-active dan perkakas² X-ray, melesen rumah² tempat bersalin, menyatukan undang² Negeri berkenaan dengan kerantina dan menjauhkan penyakit². Rang Undang² menjadikan perbadanan Persekutuan Orang² Buta Tanah Melayu dan Persekutuan Palang Merah Tanah Melayu adalah termasuk juga dalam ranchangan undang² Kerajaan Beta. Pusat Penyelidikan Perubatan sedang di-susun sa-mula supaya ia akan menjadi sa-buah daripada Pusat² Penyelidikan yang terkemuka dalam dunia berkenaan dengan penyakit² negeri panas.

Oleh kerana memandangkan betapa mustahak-nya kedudukan bandar Kuala Lumpur ini maka pada 1 haribulan April tahun ini kuasa mentadbirkan-nya telah bertukar tangan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Maka ada-lah tujuan Kerajaan Beta hendak memajukan bandar ini hingga ia menjadi sa-buah kepala negeri yang berpadanan dengan taraf negeri ini dan yang boleh di-megah²kan oleh ra'ayat sakalian. Kerajaan Beta sedang berusaha juga membuat satu dasar jangka panjang bagi mentadbir dan memajukan Orang² Asli. Tujuan yang akhir ia-lah supaya Orang² Asli ini boleh menyesuaikan diri mereka dengan chara kehidupan di-negara ini dengan tiada pula merosakkan chara hidup dan kebudayaan mereka. Sementara itu Kerajaan Beta chukup sedar betapa mustahak-nya mengelakkan lagi keadaan masharakat dan ekonomi Orang² Asli itu dan wang telah di-untukkan bagi tujuan yang demikian dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua. Beta berharap lebeh banyak lagi Orang² Asli itu yang akan mendapat faedah daripada pentadbiran Kerajaan terutama sa-kali dalam lapangan pelajaran dan perubatan.

Dengan bermula-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua itu, mustahak-lah di-kekalkan kedudukan keewangan yang kukoh dalam negeri ini. Ini bererti bahawa Kerajaan dan orang² ramai hendak-lah membanyakkan lagi penanaman modal lebeh daripada yang sudah². Untuk melaksanakan ranchangan penanaman

modal ini mustahak-lah juga di-susun sa-mula peratoran chukai supaya bukan sahaja ia boleh menyediakan wang yang di-kehendaki bagi menjalankan dasar² Kerajaan bahkan juga ia boleh menjadi pendorong yang kuat bagi orang² ramai dan sharikat² untok menambah penanaman modal di-Persekutuan. Perkembangan ekonomi dan kemajuan perusahaan dalam negeri menyebabkan mustahak peratoran chukai itu di-kaji sa-mula, dan ada-lah tujuan Kerajaan Beta supaya pekerjaan ini di-jalankan oleh Penasihat Keewangan yang di-jangka akan sampai ka-negeri ini tiada berapa lama lagi.

Undang² yang mengelolakan perkara menjalankan perniagaan insuran di-Persekutuan, yang sedang terkandung dalam Undang² Sharikat Insuran Nyawa dan Undang² Sharikat Insuran Kebakaran, tiada memada² untok menjaga faedah orang² yang mengambil insuran dan untok menjamin bahawa sharikat² insuran mengambil bahagian yang chukup bagi menanggung perbelanjaan pembangunan negara dengan jalan menanam modal mereka dalam negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan undang² insuran yang lengkap untok mengawal perkara menjalankan semua perniagaan insuran di-Persekutuan. Sa-bagai langkah yang pertama, ada-lah di-chadangkan supaya di-ambil bekerja sa-orang Pesuruhjaya Insuran yang akan menasihatkan Kerajaan berkenaan dengan bentok undang² yang hendak di-adakan itu. Ia akan bertanggung-jawab menubuhkan pejabat yang mustahak bagi memerhatikan yang isi² kandungan undang² itu di-jalankan.

Pada masa Undang² Mata Wang, tahun 1960, di-timbangkan dalam Dewan ini, Kerajaan Beta telah menyatakan bahawa isi² kandungan Perjanjian Mata Wang yang di-tetapkan dalam Undang² itu hendak-lah di-sifatkan sa-bagai sementara. Chara² bagaimana Bank Negara Tanah Melayu boleh menjadi bertanggung-jawab untok mengeluarkan wang negara ini pada masa hadapan sedang di-timbangkan dengan halus-nya tetapi tiada-lah dapat hendak di-katakan bila masa-nya undang² yang mustahak itu akan dapat di-kemukakan dalam Parlimen. Ini satu perkara yang sangat mustahak bagi kita sakalian dan apa jua

langkah yang hendak di-ambil sayogialah di-fikirkan bukan sahaja dari segi taraf kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu bahkan juga perhubungan² ekonomi yang erat pada masa ini di-antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah tertubuh sa-lama 10 tahun dan telah menjadi satu alat yang menentukan bahawa pekerja² boleh mendapat sa-jumlah wang yang berpatutan pada masa mereka tua kelak. Akan tetapi pada masa ini Kumpulan Wang itu hanya memberi faedah kepada sa-bahagian pekerja² sahaja dan tujuan Kerajaan Beta ia-lah hendak meluaskan lagi faedah Kumpulan Wang itu kepada semua golongan pekerja² yang bergaji kurang daripada \$400 sa-bulan. Sunggoh pun demikian perkembangan ini hendak-lah di-fikirkan dan di-lakukan dengan chermat supaya dapat-lah di-kekalkan perjalanan yang lichen, sa-kali pun kerja² ini akan mem-beratkan pertadbiran.

Kerajaan Beta berhasrat hendak men-chedah dengan bersunggoh² supaya orang² tiada dapat mengelak daripada membayar chukai pendapatan. Dengan tujuan yang demikian, Undang² Chukai Pendapatan Tahun 1947, telah di-pinda pada tahun yang lalu oleh satu Undang² Parlimen yang memberi kuasa² baharu kepada Kerajaan. Supaya pekerjaan ini dapat di-jalankan dengan chergas-nya, Kerajaan Beta, telah berusaha menchari dan mendapat delapan orang pakar Chukai Pendapatan daripada United Kingdom mengikut Ranchangan Colombo, dan telah juga mengambil bekerja beberapa orang Pegawai Penyiasat yang ber-pengalaman daripada luar negeri untuk bekerja sa-chara konterek jangka pendek. Mereka ini-lah yang akan mula² menjadi ahli sa-buah kumpulan penyiasat khas dan kewajipan-nya ia-lah sa-mata² menchedah orang² yang mengelak daripada mem-bayar chukai pendapatan. Pegawai tersebut telah pun mulai menyandang jawatan mereka di-Ibu Pejabat dan di-pejabat² wilayah Chukai Pendapatan. Beberapa orang pegawai Tanah Melayu akan di-lateh menjalankan pekerjaan yang mustahak ini.

Maka jelas-lah bahawa Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua hanya boleh di-laksanakan dengan jaya-nya jika

negara ini berada dalam aman dan tenteram. Dengan hal yang demikian Kerajaan Beta ada-lah ber'azam hendak mengekalkan ketenteraman dan ke-amanan dan segala langkah yang sesuai ada-lah di-ambil. Oleh kerana Dharurat sudah tamat maka mudah-lah bagi Pasokan Polis menjalankan tugas ini. Kerajaan Beta memang sedar akan ada-nya lagi penjahat² kominis di-kawasan sempadan antara Negeri Thai dengan Tanah Melayu dan juga ada-nya anchaman² subversive dalam negeri ini dan untok menghapuskan kedua² perkara ini Kerajaan Beta telah mengambil langkah² yang sesuai. Kerja² yang di-jalankan untok mengurangkan bahaya daripada kongsi² gelap dan pencholek² ada-lah berjalan terus dan Kerajaan Beta berchadang hendak mengadakan satu undang² terhadap pencholek² itu. Bagi menyokong kerja² yang di-tugaskan kepada Pasokan Polis itu maka Angkatan Tentera ada-lah juga di-kuatkan lagi. Ranchangan² untok melengkapkan Ten-tera kita dengan alatan² yang baharu telah di-buat dan di-jangka akan dapat di-jalankan dalam tahun ini. Berkenaan dengan Tentera Laut pula usaha² bagi mengukuhkan tenaga kakitangan dan memberi latehan kepada kakitangan² teknik yang akan menjaga kapal² dan alatan² yang baharu akan di-utamakan dalam tahun ini. Kapal² Terbang yang baharu untok Tentera Udara akan di-beli juga. Apabila siap terbena Maktab Tentera Persekutuan di-Sungei Besi itu pada tahun ini, maka latehan² untok Angkatan Tentera akan di-jalankan dengan bersunggoh² lagi.

Dengan tujuan hendak mengingatkan tamat-nya Dharurat dan juga menun-jokkan betapa Negeri ini menghargakan pengorbanan dan jasa pasokan² ke-selamatan serta orang² lain yang meng-ambil bahagian, maka Kerajaan Beta berchadang hendak mendirikan sa-buah tugu menjadi lambang kemenangan Ang-katan Tentera kita melawan musuh dan juga kejayaan demokrasi mengalahkan faham kominis. Tugu ini akan di-dirikan bersama² dengan satu lambang peringatan yang sesuai sa-bagai kenangan bagi mereka yang telah mengorbankan nyawa-nya kerana tujuan yang mulia. Tugu ini akan di-dirikan di-kawasan yang indah dalam Taman Bunga Kuala Lumpur.

Tugu ini akan siap di-bena pada ulang tahun Hari Kemerdekaan 1962 dengan memakan belanja lebih daripada sa-juta ringgit. Tujuan Kerajaan Beta yang mengeluarkan lebih kurang separoh daripada jumlah belanja tersebut ia-lah hendak memberi peluang kepada ra'ayat negara ini menunjukkan penghargaan mereka kepada jasa orang² terkorban itu dengan jalan menderma untuk belanja mendirikan tugu itu ia-itu suatu kenangan di atas jasa Pasokan² Keselamatan kita, Pasokan² Tentera Commonwealth dan penduduk² negeri ini.

Dalam hal perhubungan antara-bangsa, Kerajaan Beta akan terus menjalankan satu dasar luar negeri yang bebas yang dibuat dengan tujuan hendak mewujudkan dan mengekalkan keamanan dan kema'moran dunia dengan berdasarkan asas² dan tujuan² Piagam Bangsa² Bersatu. Kerajaan Beta akan terus juga bekerjasama dengan semua negara² yang bersahabat dengan kita terutama sa-kali dalam lapangan ekonomi dan kebudayaan. Dengan hal yang demikian maka kita telah bersetuju hendak bekerjasama dengan Negeri² Thai dan Phillipina dalam lapangan ekonomi dan kebudayaan, di-Tenggara Asia. Kemajuan ka-arrah mencapai chita² ini telah di-perolehi dengan lawatan President Garcia dari Negara Phillipina di-iringi oleh Setia-Usaha Luar Negeri-nya dan juga Menteri Luar Negeri Thai ka-negeri kita baharu² ini. Persediaan² sedang di-buat untuk mengadakan perbincangan antara Menteri² ketiga² buah Negeri itu.

Ada beberapa masalah antara-bangsa yang sedang di-timbangkan oleh Kerajaan Beta. Satu daripada-nya ia-lah masalah Irian Barat. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum Perdana Menteri Beta telah menhuba hendak menyelesaikan perbalahan antara Republik Indonesia dengan Belanda dan menchari satu jalan yang aman lagi adil. Dalam masa lawatan-nya ka-Canada, Amerika Sharikat, United Kingdom dan Belanda baharu² ini Perdana Menteri Beta telah mengambil peluang memberitahu Kerajaan² Negeri itu betapa genting-nya suasana Irian Barat. Ada-lah di-perchayai bahawa Negara² yang berkenaan itu chukup sedar akan hal yang demikian dan sedang mengambil perhatian yang berat bagi kali yang pertama-nya.

Berkenaan dengan keadaan di-Congo Kerajaan Beta telah menyambut seruan Bangsa² Bersatu dengan menghantar tentera-nya, dan tatkala beberapa buah negeri lain menarek balek tentera² mereka kita telah berpegang tegoh kepada janji² kita dan telah menambah lagi askar² kita itu. Pasokan yang penghabisan sa-kali telah berlepas pada minggu yang lepas dan apabila mereka sampai di-Congo kelak maka pasokan kita di-sana akan menjadi satu beriged. Askar² kita yang berada di-Congo telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna dan telah di-puji oleh bangsa² lain serta juga oleh orang² Congo sendiri.

Ada pun nama baik negeri ini telah bertambah harum kerana kita tiada berganjak dengan perdirian kita terhadap dasar membedza²kan warna kulit atau "apartheid" itu. Afrika Selatan telah membuat keputusan hendak keluar daripada Commonwealth pada 31 haribulan May tahun ini apabila negara itu menjadi sa-buah republik. Kerajaan Beta akan terus mendesak Afrika Selatan sa-beberapa yang dapat sama ada di-dalam atau di-luar Bangsa² Bersatu sa-hingga Kerajaan Afrika Selatan mengubah dasar-nya yang keji itu. Kerajaan Beta berjanji hendak membantura'ayat Algeria dengan sa-daya upaya-nya supaya mereka boleh mencapai kemerdekaan dan dengan tujuan yang demikian Perdana Menteri Beta telah membincangkan dengan sa-penoh²-nya perkara itu dengan General de Gaulle dalam bulan June tahun yang lalu. Kerajaan Beta akan terus berusaha dengan sa-boleh²-nya supaya ra'ayat Tibet dapat sa-mula hak² kema'nusiaan dan kebebasan beribadat dan kebudayaan mereka. Kerajaan Beta dukachita melihat keadaan di-Laos dan kita sedia berkhidmat supaya negeri itu kembali aman. Berkenaan dengan Negeri China dan Formosa, sunggoh pun Kerajaan Beta berpegang tegoh kepada dasar tiada mengi'tiraf kedua² buah Kerajaan itu, kerana sebab² kita sendiri, tetapi Kerajaan Beta berpendapat bahawa masalah² antara-bangsa yang besar tiada akan dapat di-selesaikan jika Kerajaan Negeri China tiada mengambil bahagian bersama². Kerajaan Beta menegaskan bahawa Formosa hendak-lah di-i'tiraf sa-bagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka dan Negeri China hendak-lah

di-benarkan menjadi anggota Bangsa² Bersatu.

Sambil kita melaksanakan rancangan² hendak menjadikan pejabat² Kerajaan bekerja dengan lebih giat lagi, menguatkan lagi kedudukan wang negara ini, menjaga ketenteraman, menggalak dan mengekalkan tali persahabatan dengan negara² lain, Beta tidak akan lupa menyatakan sa-tinggi² penghargaan Beta kepada ra'ayat Beta yang sungguh pun terdiri daripada berbagai² kaum dan ugama, tetapi hidup dengan aman damai dan saling mengerti sa-bagai satu bangsa. Hal yang demikian ini boleh-lah di-megah²kan dan ada-lah menjadi sebutan dan tauladan kepada negara² lain. Kepada ra'ayat Beta yang berugama Islam, Beta suka hendak memberi sedikit nasihat ia-itu hendak-lah mereka bersikap saling mengerti dan menghormati ugama lain. Koran dan Rasulullah mengajar kita berbuat demikian. Kerajaan Beta sentiasa sedar yang Islam ada-lah ugama rasmi negara ini. Dengan yang demikian baharu² ini Kerajaan Beta telah mengadakan pertandingan membaca Koran bukan sahaja di-peringkat kebangsaan bahkan juga di-peringkat antara-bangsa dengan tujuan hendak menegakkan ajaran Al-Koran dan merapat serta mempererat tali persaudaraan negara² Islam di-dunia ini.

Dalam beberapa tahun sahaja sa-lepas merdeka, kita telah berjaya menchapai kemajuan dalam beberapa lapangan dan menjalankan beberapa usaha dalam lain² lapangan. Dalam tahun yang lalu kita telah menchapai kemajuan yang demikian juga dan nampak-nya dalam tahun ini pun kemajuan dan usaha² yang di-jalankan ada-lah bertambah² dan semua ini akan mendatangkan faedah kepada segala peringkat penduduk yang terdiri daripada berbagai² kaum. Ada pun kejayaan yang telah kita chapai pada masa yang lalu itu dan kejayaan yang di-harap akan kita chapai lagi pada masa hadapan sa-bahagian besar-nya bergantung kepada semangat bertolak ansor, bersefahaman dan berbaik² hati yang jadi amalan di-antara kaum² yang besar dalam negeri ini. Sa-sungguh-nya ini-lah satu keadaan yang di-dapati dalam sa-buah negeri yang aman dan sejahtera saperti negara kita ini. Jika sa-kira-nya kita boleh mengekalkan keadaan yang

sa-wmpama itu Insha' Allah pada tahun² yang akan datang pun dapat-lah Beta menyampaikan kepada Ahli² Yang Berhormat akan berita² kejayaan gilang gemilang yang di-chapai oleh negara kita yang di-kasehi ini.

The English translation is as follows:

Mr. President, Mr. Speaker, Honourable Members of both Houses of Parliament:

Before I address you, I should like to offer my thanks to God for His great beneficence which enables us to assemble today to hear the important aspects of my Government's policy for the coming session of Parliament. May God bless us that we may be able to perform our duties well.

Addressing you for the first time as Yang di-Pertuan Agong I pledge myself, with the Raja Permaisuri Agong, to serve the people of the Federation of Malaya and with God's guidance to uphold to the best of my ability the principles of democracy and constitutional rule.

Although this is my first address to Parliament I have always followed with interest the proceedings and the debates of both Houses. I should like to take this opportunity to congratulate you all on the mature attitude which you have adopted towards your duties in Parliament. You have shown that although our nation is young we have been able to uphold the high tradition of democratic government.

I am very much impressed by the increasing personal friendliness, in spite of differences of political views, between members of the Government and members of the Opposition both within and without the precincts of Parliament. Such conduct is most becoming and indicates the high standard of our concept of Parliamentary democracy. This augurs well for the future well-being of this country.

In this address I shall be speaking primarily of new policies and shall not take up your time by referring, except in passing, to many existing policies which have been fully explained to Parliament in the past and which, as is well known, are being steadily implemented at the present time. The key-note of my Government's policy for the coming session of Parliament is the Second Five-Year Plan which has been approved

by both Houses at their meetings in February. In that Plan it is clearly stated that my Government, together with the State Governments and Local Authorities, is determined to promote a balanced social and economic development in both the urban and rural areas in co-operation with private enterprise.

economic policy. This has greatly contributed towards our nation's prosperity.

As regards tin, I am glad to note that the Government has ratified the new International Tin Agreement which will come into force on the 1st of July. This important Agreement is a powerful instrument which will help to stabilise the price which will benefit both the consumers and the producers. However, it is a pity that some major consuming countries have not yet thought it fit to become participating countries to the Agreement. I sincerely hope that it will not be long when these nations will become partners to the Agreement.

Regarding international affairs, Malaya has become a shining example to the world not only in her racial harmony but also in her genuine efforts to fight for human rights and justice. I am indeed proud to be a citizen of this fair land (*Applause*). Our boys in the Congo have been highly praised by many countries and even by the United Nations Command for the display of patience, tact and bravery. All these are due mainly to our Government's independent foreign policy of "Let Justice Prevail".

Lastly, as regards apartheid policy of South Africa, I am sure I am voicing the opinion of all Chinese traders when I strongly urge our Government to continue its fight against this inhuman discrimination. (*Applause*).

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: Dato' President, Sir, I would like to associate myself with the speeches made by Honourable Members of this House on the motion "that a humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, to beg leave to offer His Majesty the humble thanks of the House for the Gracious Speech with which the Third Session of the Parliament has been opened."

I beg to offer, Sir, my humble and respectful thanks to His Majesty for the generous and illuminating Speech he made. Indeed this was acclaimed by all citizens of Malaya irrespective of colour, race and religion as the best thing of the year. To speak shortly, Sir, I should say that the Royal Address, which touched

on the Five Year Plan launched by the Alliance Government, is really a blessing bestowed on the ra'ayats in the rural areas throughout the country. No doubt it will be the central factor of the country's administration in the coming years, and I, as a member of this Honourable House, would implore all the various Parties now in existence in our country to drop their differences so as to enable the Government and the respective Government Departments to execute the proper and smooth running of the Plan. Because, only by this co-operation and the giving of full support to it, the success of the Plan will be ensured. This will also raise the standard of living of our brothers, sisters and others living in the kampong areas in our country.

I, as a Member for the State of Johore in this Honourable House, would like to express our grateful thanks to the Federal Government for the opening up of the land, which forms part of the scheme under rural development, as has been done in Kongkong, a locality about 25 miles from the township of Johore Bahru. This scheme covers an area of about 4,500 acres to be planted with citrus and other fruit trees, as well as rubber, and for the residential and administrative sites. This scheme, Sir, together with five other schemes in Johore, which will involve an area of about 13,500 acres, will benefit about 1,400 families and this will certainly, I reiterate, help to raise the standard of living of those needy persons which no other Government but the Alliance Government can achieve.

Here, in passing, I would submit that I do not agree with the contention uttered by one Honourable Member of the Dewan Ra'ayat that the Scheme was wrong. He criticised the Government when he said that rural development planning was not a positive step for the removal of poverty among the rural people. Had he known the actual facts or opinions everywhere in the country, he would not have uttered these, if I may be permitted to say, nonsensical remarks.

Sir, I would like now to submit a few short comments on the field of education.

I am very happy indeed to hear in the Royal Address that the Report of the Education Committee will be implemented as soon as practicable, and that a Bill to that effect will be introduced into Parliament shortly. There is no doubt, Sir, that education should form one of the primary and most important objects of the Government in pursuance of its policy in respect of the stability of its administration in the near future. I am happy to note that the Government has allocated \$6.5 million for the expansion of the University of Malaya in order to provide more accommodation and facilities to the students of the University in Pantai Valley. Sir, this is an excellent step taken by the Government to supplement the present inadequacy of our University in Malaya. At the present moment, Sir, I have been informed that on account of insufficient accommodation here students for the Medical Faculty are not accepted, and some of our students, because of this fact, were sent to study medicine outside Malaya, as even in Singapore where the Faculty exists it has only limited accommodation. Of course, those parents, who have the means to send their children outside Malaya for higher studies in the field of the medical world, would send them there. However, for those who are not able to do so, their children would have no other alternative but to get any job which may come their way in spite of their capability to get on otherwise. Therefore, Sir, I implore the Education Ministry to establish the Faculty of Medicine in the University of Malaya, Kuala Lumpur, at the earliest possible moment, not only for what I have stated just now but also on account of the fact that it is an open secret that we are in dire need of medical practitioners. Thank you.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk berchakap dalam perkara usul menguchapkan terima kaseh atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sa-sunggoh-nya saya sangat tertarek kapada ucapan² yang telah di-sampaikan oleh Seri Paduka Baginda di-Dewan Tunku Abdul Rahman baharu² ini yang di-antara-nya ia-lah

perasaan Seri Paduka Baginda itu sangat tertarek hati pada keadaan² yang bertambah baik serta saling mengerti di-antara anggota Parlimen di-dalam dan di-luar Dewan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-sunggoh-nya bagi saya belum-lah dapat menjamin benar² keadaan yang berlaku di-antara anggota Parlimen di-dalam atau pun di-luar bangunan telah pun sampai kapada benar² pengertian democracy berparlimen, oleh kerana itu bila di-kaitkan lagi kapada ucapan yang telah di-buat oleh Seri Paduka Baginda tentang sopan santon orang² timur. Nyata-lah maseh jauh lagi kerana maseh ada sindir menyindir, bagaimana pun itu tidak-lah di-kehendaki oleh kerana itu dalam soal ini sa-bagai orang² timur yang mempunyai budi pekerti dan sopan santon ada-lah mengharapkan dan terus mengharapkan supaya keadaan saling mengerti di-antara ahli² politik di-dalam dan di-luar Parlimen ini akan benar² menjadi kenyataan supaya kita dapat menjadikan contoh yang baik kapada dunia sa-bagaimana kita boleh membuktikan dengan kebudayaan dan adat resam, sopan santon orang² timur boleh membuktikan apa yang sa-benar-nya yang kita harapkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua yang menjadi perkara yang besar dalam titah Seri Paduka Baginda ia-lah soal Ranchangan Kemajuan Luar Bandar atau Ranchangan Kemajuan Lima Tahun Yang Kedua yang menelan belanja sa-banyak lima ribu juta ringgit dan seruan Seri Paduka Baginda supaya ra'ayat insaf dan sedar serta berjimat dan bersunggoh² dalam menchapai chita² ini. Saya perchaya saperti yang pernah saya katakan dalam Dewan ini berkali² bahawa ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu seluroh-nya sudah mengalami peperangan dalam masa pendudukan Jepun dan sesudah mengalami pemberontakan Communist yang ingin mena'loki negeri ini dengan niat untuk melaksanakan chita² Communism tentulah ingin kapada satu perubahan besar, perubahan yang boleh di-bawa kapada kema'moran yang sa-benar²-nya kapada seluroh ra'ayat baik di-bandar atau pun di-kamporg, dan saperti yang telah saya katakan bahawa negeri Kelantan juga, sifat saya sa-bagai

sa-orang Ahli dari negeri Kelantan, pernah mengatakan dan pernah juga menyebutkan tentang negeri Kelantan dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar. Saya boleh menjelaskan, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini telah berlaku perbahathan menyebabkan sepanjang yang saya dapati dalam akhbar² perkataan² yang ta' menyenangkan pendengar dari hal negeri Kelantan khusus-nya yang sa-olah²-nya tidak mahu menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan sa-bagai-nya. Maka biar-lah Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan bagaimana satu daripada Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang telah pun di-terima pada prinsip-nya oleh Kementerian Luar Bandar untuk di-laksanakan di-Kelantan ia-itu membuat sa-batang jalan raya yang menghubungkan di-antara Dabong dengan Jeli dalam jajahan Tanah Merah telah pun di-laksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan wang Kerajaan Kelantan sendiri, dan telah berpuluh² batu siap sampai pada masa ini, pada sa'at saya berchakap ini pun belum satu sen wang Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sampai ka-Kelantan untok membiayai atau membelanjakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-katakan bagi membuat jalan yang menghubungkan dari Dabong ka-Jeli itu. Ini ada-lah satu bokti yang terang bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, malah menunjukkan kerjasama dan mendahulukan wang Kerajaan Negeri mengerjakan sa-suatu yang boleh. Yang Berhormat Tun Abdul Razak dalam lawatan-nya baharu² ini telah mengatakan bahawa ini-lah dia Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Kerajaan Persekutuan sa-waktu beliau sampai ka-Dabong, sedangkan yang sa-benar-nya belum satu sen pun wang dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang sepatut-nya telah di-beri, tetapi malang-nya tidak sampai pada masa ini, dengan kerana itu nyata-lah bahawa tidak tepat benar kita di-tudoh² atau berulang² beberapa kenyataan² yang sengaja di-buat untuk mengelirukan dan menambahkan keroh-nya dalam suasana politik dalam Persekutuan

Tanah Melayu ini. Chuma saperti yang pernah saya katakan, Tuan Yang di-Pertua, soal tanah-lah yang menjadi satu sebab mengapa terjadi pergisiran di-antara Kerajaan² yang di-kuasai oleh PAS dengan Kerajaan Pusat yang di-kuasai oleh Perikatan, dan ini dalam ucapan Seri Paduka Baginda dengan tegas-nya menyebutkan bahawa semua Kerajaan² Negeri, kechuali Kelantan dan Trengganu. Ranchangan yang di-maksudkan itu ia-lah Ranchangan Penempatan Beramai². Kenyataan ini boleh di-faham sa-olah² negeri² itu yang di-kuasai oleh PAS tidak melaksanakan Ranchangan Pembukaan Tanah kapada ra'ayat.

Yang sa-benar-nya, ranchangan itu telah di-laksanakan semenjak dari Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat sa-lepas Pilehan Raya itu di-Kelantan pelaksanaan tanah telah di-jalankan. Dalam awal tahun 1960 kalau tak silap, beberapa orang di-kalangan ra'ayat negeri Kelantan daripada bekas² pasokan keselamatan telah di-berikan tanah oleh Kerajaan di-satu kawasan yang bernama Sungai Rek. Dan kemudian mereka di-beri lagi satu kawasan yang berdekatan dengan Sungai Sam yang berhampiran dengan Sungai Rek, jadi pelaksanaan itu telah berjalan semenjak awal tahun 1960 di-mana bekas² pasokan keselamatan telah pun mendapat kejayaan daripada penanaman mereka saperti padi, sayor²an, chuma getah sahaja terpaksa menunggu masanya untuk di-potong. Jadi tidak-lah benar orang yang mengatakan bahawa penderitaan dan kelaparan yang berlaku di-sana itu. Dan juga tidak benar bila ada yang mengatakan ia-itu bukan Kerajaan Persekutuan tidak mahu menolong mereka tetapi sa-mata² kerana Kerajaan Negeri Kelantan yang menghalang. Saya sangat merasa kesal tentang statement yang di-buat oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini yang mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan menghalang Kerajaan Pusat untuk memberi bantuan, itu tidak benar belum ada sa-barang rundingan atau rayuan daripada Persatuan bekas Pasokan keselamatan kapada kerajaan negeri dan tidak pula kerajaan Negeri menghalang apa².

Mengenai pembukaan tanah ini sahingga di-dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menegaskan untuk mengekualikan negeri Trengganu dan Kelantan. Saya rasa di-asaskan kepada bentok demokrasi yang kita amalkan dalam negeri ini tidak-lah mesti-nya sampai begitu sekali. Perbedzaan² yang berlaku di-antara kedua² buah negeri yang di-perintah oleh PAS dengan Kerajaan Pusat ditekan dengan sa-bagitu berat sa-hingga boleh menimbulkan salah faham di-kalangan ra'ayat, pada hal negeri kita ini mengamalkan bentok demokrasi. Partai² politik yang memasoki arena politik dalam negeri ini mempunyai dasar² dan tujuan² masing² untuk melaksanakan. Oleh yang demikian PAS satu Partai Politik yang mempunyai perogrem dan ranchangan² yang difikirkan baik untuk kepentingan ra'ayat. Kerajaan Pusat atas asas-nya menghormati negeri² yang berbedza faham, mengapa-kah perkara perbedzaan itu di-jadikan satu perkara yang besar. Apa-kah erti-nya demokrasi jika tidak mahu mendengar fikiran² orang lain. Satu Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat yang berasaskan demokrasi tidak-lah menjadikan satu alasan untuk menghantam sa-buah Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat untuk melaksanakan perogrem² dan dasar-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak melanjutkan perchakapan saya dalam masaalah tanah ini dan chuma hendak tahu mengapa-kah timbul-nya perselisihan faham di-antara Kerajaan² yang di-kuasai oleh PAS dengan Kerajaan Pusat. Masaalah tanah telah banyak kali di-ulang²kan dalam Dewan ini. Kemahuan ra'ayat Kelantan sa-jumlah lebih dari 54 ribu berkehendakkan tanah itu, jika menurut tempoh 10 tahun ranchangan pembukaan tanah F.L.D.A. tidak akan dapat memuaskan kehendak ra'ayat yang berjumlah sabanyak itu yang mengharap tanah. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, boleh-lah saya katakan dalam tempoh PAS memerintah di-Kelantan walau pun dengan chara yang paling sederhana kita telah dapat membuka tanah yang berjumlah 2,172 ekar termasuk ranchangan di-Sungai Rek yang diberikan kepada bekas pasokan kesela-

matan yang sa-luas lebih kurang 1,086 ekar, jadi jumlah-nya 2,172 ekar dan kita hendak membuka lagi berpuluh² ribu ekar. Tuan Yang di-Pertua, masaalah tanah di-Kelantan itu ada-lah masaalah yang tersendiri dan ra'ayat Kelantan itu di-bandingkan dengan kerajinan² mereka boleh-lah di-pertanggung-jawabkan dan boleh mengharap-kan natijah sebab² mereka sa-suai dengan perogrem yang di-jalankan oleh Kerajaan PAS sekarang ini.

Saya suka menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, kepada satu bunyi titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan tujuan hendak menyatukan chara masaalah tanah:

"Kerajaan beta akan mengadakan dengan sa-berapa segera satu undang² tanah kebangsaan".

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memikirkan akibat pelaksanaan undang² itu tadi apa yang saya dapat teka mungkin sedikit demi sedikit akan menarek semua kekuasaan negeri² yang mempunyai kuasa autonomy tentang pada masa ini, khusus-nya dalam perkara tanah. Ini membayangkan sa-olah² Malaya sedang menuju kembali kepada Malayan Union yang telah di-kuborkan dahulu dan boleh-lah saya katakan kalau benar, bahawa hantu Malayan Union itu telah kembali keluar dari kubor-nya untuk melaksanakan chita² mendiang tuan-nya itu.

Tuan Yang di-Pertua, telanjor saya berchakap dalam masaalah ini, masaalah Kemajuan Luar Bandar yang di-dalam ucapan titah Seri Paduka Baginda ada menyebutkan mengenai dengan menanam padi, pengeluaran padi untuk di-jadikan beras dan sabagai-nya. Saya chuba menyeru dalam Dewan ini bahawa keadaan yang sabenar-nya di-Kelantan itu sa-buah negeri berchuchok tanam yang ra'ayat-nya bekerja dengan rajin dan giat mengeluarkan perusahaan² mereka untuk kema'moran daripada dahulu sampai sekarang ini. Satu ranchangan untuk menanam padi dalam dua kali pada satu tahun ada-lah di-sambut baik dalam negeri Kelantan, maka itu-lah sebab-nya maka Kerajaan PAS di-Kelantan telah memasokkan satu ranchangan Kemajuan Luar Bandar

Kelantan untuk mengadakan satu ranchangan tali ayer di-kawasan Kemubu dalam daerah Pangkal Kalong, Kota Bharu satu ranchangan besar yang bermelion² ringgit belanjanya jika dapat di-siapkan akan membolehkan 52 ribu ekar tanah di-kawasan itu dan dapatlah menanam dua kali pada satu tahun. Akan tetapi sa-bagaimana yang saya ketahui dari bisekan² konon-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan menolak dan tidak akan melayan chita² untuk mengadakan Tali Ayer di-kawasan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat merasa kesal dan biar-lah saya menyeru dalam Dewan ini dan saya perchaya demi untuk kepentingan ra'ayat, Kerajaan Persekutuan akan menunaikan apa yang di-untukkan dalam ranchangan Kemajuan Luar Bandar di-negeri Kelantan.

Saya berasa hairan mengapa masalah satu Kementerian yang telah menjadi satu perkara yang sangat besar di-bicarakan tidak di-masokkan dalam Titah Seri Paduka Baginda itu, ia-itu masalah baja urea yang akan membolehkan petani² kita mendapat baja daripada keluaran negeri-nya sendiri yang tentu harga-nya akan lebih murah. Apa-kah ini ada sa-suatu yang menyebabkan tidak di-masokkan? Padahal Yang Berhormat Menteri Pertanian telah berper² benar mengatakan dan menyuruh ra'ayat dan sharikat kerjasama supaya bergotong-royong mengadakan modal untuk melaksanakan chita² itu.

Dalam Dewan Ra'ayat baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, tatkala menjawab segala ucapan² dari pihak pembangkang yang menimbulkan perkara ini ada terdengar jawapan yang mengatakan: tidak ada perselisihan faham diantara Menteri Pertanian dengan Perdana Menteri. Tetapi oleh kerana perkara ini tidak di-masokkan dalam Titah Seri Paduka Baginda, yang saya pandang masalah ini besar dan penting bagi ra'ayat, saya menduga jawapan yang di-beri dalam Dewan Ra'ayat itu mungkin tidak benar. Sebab di-luar Dewan ini saya ada terdengar sa-orang daripada Menteri pernah berkata ia-itu kita tidak akan boleh buat kilang baja urea dalam negeri ini kerana satu daripada benda atau material yang perlu

di-gunakan untuk tujuan yang tersebut ia-lah tahi besi, sedangkan kita tidak ada kilang memasak besi dalam negeri ini. Kalau ini menjadi satu sebab maka saya sangat hairan, kerana negeri ini sa-bagai negeri yang mengeluarkan bahan² mentah. Tuan Yang di-Pertua, di-Pulau Pinang ada kilang memasak bijih ia-itu Eastern Smelting. Negeri kita ini ada mengeluarkan besi, oleh itu tidak ada sebab mengapa tidak boleh di-ikhtiarkan supaya dalam negeri kita ini juga ada kilang memasak besi, dengan ada-nya kilang memasak besi akan keluar-lah tahi besi yang akan membolehkan baja urea itu di-buat dengan mudah dan tidak payah di-impot, dan menolong ra'ayat membeli baja dari perusahaan dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita hendak menyentoh sedikit dalam Titah Seri Paduka Baginda mengenai dengan beberapa ikhtiar telah di-jalankan dengan pesat untuk menjayakan ranchangan pengangkutan di-mana pelabohan Port Swettenham dan Butterworth akan di-elok dan di-chantekkan untuk memudahkan lagi perusahaan pengangkutan dan sa-bagai-nya.

Perkara ini telah saya sebutkan beberapa kali dalam meshuarat yang lalu, tetapi pada hari ini saya menitekberatkan ia-itu saya ingin Kerajaan menimbangkan seperti yang pernah saya bertanya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada-kah Kerajaan bertujuan hendak menukar nama Port Swettenham itu kepada satu nama yang lain. Saya tertarek hati benar apabila Port Swettenham itu akan di-jadikan satu pelabohan yang utama bagi Persekutuan Tanah Melayu, dan usaha² sedang di-laksanakan, saya ingin supaya nama itu di-tukar kepada nama yang lebih sesuai dan berchorak Malaya seperti nama yang telah saya bayangkan dahulu ia-itu Pelabohan Tun Perak sa-bagai memperingati nama sa-orang yang telah berjasa, ia-itu Tun Perak yang pernah menjadi Gabnor di-Klang zaman Kerajaan Melaka dahulu, kemudian telah di-pilih oleh Yang Maha Mulia Sultan Melaka menjadi Bendahara Paduka Raja atau menjadi sa-bagai Perdana Menteri kepada Kerajaan Melaka. Inilah yang saya harapkan supaya nama yang berupa Inggeris itu di-tukar kepada

nama yang berchorak Malaya dan memperingati sejarah tanah ayer kita kembali.

Dalam perkara pemodal dan buroh, Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda ada mengatakan:

"Undang² Mahkamah Perusahaan Tahun 1948 harus akan di-pinda untuk memberi kuasa kepada Menteri Buroh champor tangan dalam sa-barang perbalahan sa-kira-nya di-fikirkan mustahak bagi faedah orang ramai."

Tuan Yang di-Pertua, mengadakan satu pindaan undang² yang membolehkan champor tangan yang berkesan dari pihak Kementerian ada-lah sangat baik dan memang baik untuk muslihat ekonomi dan muslihat orang ramai. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang orang ramai ini siapa yang sa-benar-nya orang ramai yang banyak atau orang ramai yang sedikit? Dalam pelaksanaan-nya mungkin terjadi berbagai² dengan kalimah orang ramai ini, sebab sa-bagai sa-buah negeri berdasar liberal capitalist, biasanya undang² di-adakan lebeh banyak untuk melindungi kepentingan kapitalist daripada kepentingan buroh. Pada saya yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, tidak bersetuju ada-nya mogok, tetapi terpaksa menghormati hak dan senjata yang terakhir kepada buroh menggunakan mogok. Kalau dapat sa-boleh²-nya dalam Persekutuan Tanah Melayu ini jangan ada mogok, sebab mogok itu akan mengancham kedudukan dan perjalanan ekonomi, dan ada sa-tengah²-nya boleh menyusahkan kepada orang ramai itu sendiri. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, undang² yang bakal di-adakan ini saya harap biar-lah undang² yang merupakan satu undang² yang lebeh menetapkan sa-suatu yang tegas kepada pihak pemodal (capitalist) yang mana dengan jalan itu tidak ada sebab bagi kaum buroh untuk melakukan sa-suatu yang akan menimbulkan perkara² yang merugikan kepentingan negeri ini, di-kechualikan kalau memang sengaja ada anasir² yang bertujuan untuk menimbulkan kachau dan bukan kerana sa-mata² hendak membela nasib buroh.

Dalam Islam, Tuan Yang di-Pertua—Ma'afkan saya sebab menyebut Islam—pada perinsip-nya tidak menentang

pemodal², Islam tidak menghalang adanya kapitalis. Akan tetapi, Islam menegaskan beberapa ketentuan² yang menjadikan kapitalis harus memandang buroh itu bukan musuh-nya, bukan kuli-nya, melainkan ada-lah saudara-nya sendiri, maka dengan itu timbul-lah semangat persetiaan dan persaudaraan yang tidak akan menimbulkan keadaan² dan kejadian yang burok dan merosakkan ketenteraman atau merugikan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berpaling kepada masalah pelajaran. Mengikut Penyata Rahman Talib yang baharu di-buat itu had umur berhenti sekolah bagi kanak² pada masa yang akan datang di-jangka 15 tahun, tetapi dalam Titah Seri Paduka Baginda diturunkan menjadi 14 tahun. Jadi saya tidak tahu bagaimana chara-nya Kerajaan Persekutuan yang di-perintah oleh Parti Perikatan melaksanakan kerja² yang saperti ini. Berkait dengan Kementerian Pelajaran ia-itu perkara² yang berhubung dengan bahasa, tetapi nampak-nya pada kali ini Seri Paduka Baginda tidak menyentuh dalam perkara bahasa. Saya ingin benar jikalau soal bahasa di-sebut beberapa kali, sebab bertambah di-jirus ayer, bertambah di-baja maka bertambah chepat-lah pelaksanaan Bahasa Kebangsaan itu. Ini tidak ada di-sebutkan sama sekali apa yang telah terjadi kepada perjanjian kebudayaan di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Indonesia. Apa yang telah terjadi kepada tujuan dan niat untuk mengadakan Jawatan-Kuasa bersama hendak menyatukan ejaan antara Malaya dengan Indonesia. Tidak tersebut kerja² Dewan Bahasa sa-hingga sejauh mana telah berjaya dan ini-lah satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak sudah ketinggalan dalam ucapan Seri Paduka Baginda baharu² ini. Saya sangat mengharapkan saperti ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu yang pernah bersuara supaya soal bahasa ini tidak boleh di-tinggalkan dan di-kechil²kan. Soal bahasa ini hendak-lah di-jadikan soal yang besar dan soal yang utama di-antara perkara² yang di-utamakan, kerana banyak masalah² yang tidak ingin saya sebutkan untuk kepentingan negeri ini sendiri yang memerlukan

dengan seberapa segera ia-itu satu bahasa yang resmi, satu bahasa yang tunggal di-laksanakan dalam erti kata yang sa-benar²-nya. Mungkin Kerajaan akan menjawab—ya Dewan Bahasa ada dan sedang menjalankan tugas-nya. Sepanjang yang saya tahu tidak sebanyak mana kejayaan yang di-dapati oleh Dewan Bahasa, pada hal sudah bertahun² Dewan Bahasa itu telah ada daripada bangunan Young Road sampai-lah kepada bangunan yang baharu hendak di-dirikan sekarang ini dengan berjuta² ringgit, entah berapa tingkat hendak di-buat, tetapi hasil-nya belum sebanyak mana sa-bagaimana yang di-banggakan.

Saya teringat, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini yang pada suatu masa sa-orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini telah menyentoh tentang usaha mengeluarkan khamus Dewan Bahasa yang pengarang khamus itu di-katakan gaji-nya sampai \$1,000 sedangkan khamus itu sudah hampir lima tahun belum lagi keluar, erti-nya Kerajaan telah membayar sa-banyak \$30,000 tetapi khamus itu belum juga keluar, entah bila khamus itu akan di-keluarkan dan berapa tebal dan berapa harga-nya pula khamus itu, dan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu menyebutkan mungkin kerana tidak lancar-nya pengeluaran bahasa itu ia-lah dengan kerana ahli yang bertanggung jawab dalam perkara itu active dalam perkara² yang lain sa-hingga satu kali pernah ternampak bergambar bersama² dengan Pengerusi Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu. Dari apa yang telah berlaku besok lusa-nya, keluar kenyataan daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang menapikan perkara itu, kerana memang yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang bertanggung jawab atas maju mundor-nya Dewan Bahasa itu ia-lah Pengarah-nya yang sa-bagai captain dalam sa-buah kapal, bukan sa-bagai sa-orang pengarang yang kebetulan hanya menjadi Setia-Usaha yang menchatet segala sa-suatu yang diputuskan dalam Jawatan-Kuasa Istilah untuk membuat khamus itu, tetapi malang-nya akibat daripada kejadian dalam Dewan ini entah-lah agak-nya kerana hendak memajukan lagi Dewan

Bahasa pegawai yang di-kaitkan nama-nya itu telah di-singkirkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini. Kalau sa-kira-nya kerana gara² politik yang menimbulkan kelemahan Dewan Bahasa, maka nyata-lah benar, mungkin benar, kerana saya tahu dalam Dewan Bahasa terlalu banyak yang active dalam politik, bahkan Director-General, Director Besar, Pengarah Dewan Bahasa itu ada-lah sa-orang Jawatan-Kuasa Agong parti politik dalam negeri ini dan banyak lagi kaum suku sakat-nya yang termasuk dalam-nya itu yang semua-nya active dan pro kepada satu parti politik dalam negeri ini.

Baharu² ini, Tuan Yang di-Pertua, sa-orang pegawai baharu yang di-ambil dalam Dewan itu sa-bagai penyunting yang datang-nya dari Kelantan bekerja dalam Dewan Bahasa menunjukkan sikap-nya terang² sa-bagai orang yang paling active dalam politik, bukan sahaja beliau telah menjadi pengerusi dalam sa-buah majlis sharahan yang di-buat oleh para Menteri²-nya yang melawat ka-Kota Bharu baharu² ini, tetapi beliau itu telah membuat ulasan dengan panjang lebar menyentoh itu dan ini sa-bagaimana singa layak-nya. Jadi ini sudah nyata benar menyentoh politik. Jikalau ini-lah chara-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak yang Dewan Bahasa ini boleh berjalan dengan baik untuk hendak menunaikan hasrat ra'ayat negeri ini dan kehendak Perlembagaan yang mahukan pelaksanaan bahasa Melayu sa-bagai bahasa Kebangsaan dengan seberapa yang chepat, bukan lima tingkat bahkan kalau di-buat 100 tingkat sekali pun bangunan Dewan Bahasa itu, jikalau bagini-lah chara-nya pegawai² Dewan Bahasa, saya perchaya bahasa Kebangsaan tidak akan mendapat kesempatan untuk melaksanakan dalam tempoh yang sesingkat-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kaseh kepada Kerajaan kerana usaha² untuk membuat hospital menggantikan yang burok kepada yang baharu, tetapi sa-bagai Ahli dari Kelantan saya minta Kerajaan menimbangkan juga dalam ranchangan²-nya supaya di-Pasir Mas, Kelantan, di-bangunkan juga sa-buah hospital. Sa-buah district

yang penduduk-nya hampir 100,000 orang yang daratan-nya bersambung dengan Tanah Merah—dekat perhubungan erti-nya telah sampai hampir 150,000 orang lebih jumlah penduduk yang harus mempunyai sa-buah hospital, sebab tanah daratan yang menyambung di-antara Pasir Mas dengan Kota Bharu di-halangi oleh sungai Kelantan yang luas dan lebar itu. Saya boleh mencheritakan kepada Dewan ini bagaimana saya telah mengalami satu peristiwa bersama² dengan isteri saya di-Pasir Mas pada tahun 1953. Saya telah mendapat demam yang kuat sa-hingga ta' dapat bangun. Isteri saya mendapat penyakit cholera yang berjangkit pada masa itu. Pegawai Kesihatan dan Che' Sister di-Pasir Mas telah memeriksa dan menasihatkan kami berdua supaya masuk ka-Hospital Kota Bharu. Di-minta-lah ambulance datang dari Pasir Mas, maka datang-lah ambulance menunggu di-seberang Pasir Mas. Untuk menyeberang siapa pun ta' ada hendak menolong, melainkan mengharapkan pertolongan orang² yang bersama² menyeberang dalam motor-boat supaya tolong memapah² bawa sampai mendapatkan ambulance. Jadi kalau orang yang telah sakit seperti saya alami itu sendiri, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah berat penderitaan untuk menyeberang sekali pun ambulance menunggu di-seberang sana. Nampak-nya Kerajaan belum lagi melaksanakan rumah sakit di-Pasir Mas itu, kerana alasan entah apa juga, saya fikir seperti yang telah di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada saya dahulu dalam satu pertanyaan yang di-kemukakan dalam Dewan ini sechura bertulis tentang jambatan Pasir Mas ada-lah lebih baik jambatan Pasir Mas itu di-segerakan seberapa chepat yang boleh membuatnya, sa-hingga kalau ta' ada hospital ada-lah mudah bagi ra'ayat meneruskan perjalanan-nya dari Pasir Mas ka-Kota Bharu dengan tidak ada halangan apa².

Saya beraleh kepada masalaah dasar luar kita yang bebas. Ada banyak perkara yang saya akan sentoh, tetapi oleh kerana keadaan nampak-nya saya telah berchakap panjang, banyak perkara² yang telah saya sebutkan itu saya chuba ringkas²kan sahaja. Satu perkara tentang dasar luar kita yang saya

nampak seperti yang di-sebutkan dalam titah ucapan ini:

"Dalam hal perhubungan antara-bangsa, Kerajaan Beta akan terus menjalankan satu dasar luar negeri yang bebas yang di-buat dengan tujuan hendak mewujudkan dan mengekalkan keamanan dan kema'amoran dunia dengan berdasarkan asas² dan tujuan² Piagam Bangsa² Bersatu."

Alang-kah sedap-nya kita mendengar dan ada baik-nya jika di-amalkan betul². Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sangat-lah sulit untuk memahami apa-kah sa-benar-nya yang di-katakan dasar bebas seperti yang di-terangkan dan di-amalkan oleh Kerajaan dalam negeri ini. Sebab kita lihat apa yang berlaku di-Cuba sikap Kerajaan kita lebih banyak berdiam daripada berkata, terang² kejadian di-Cuba demi untuk kepentingan Capitalis dan demi untuk kepentingan pemudal maka Cuba menjadi anchaman dan Cuba boleh diserang oleh angkatan gurila sa-bagai sa-buah angkatan tentera yang besar dengan tentera armada-nya. Jadi ini ada-lah satu perkara yang kita harus champor tangan kalau kita betul² bebas dalam erti kata bebas yang sa-benar²-nya.

Kejadian yang berlaku di-Laos itu telah hampir² menimbulkan peperangan, mungkin Seato akan terkait, chuba lihat perang yang sedang berlaku di-sana, dan dalam satu ucapan Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Pertahanan mengatakan sa-kali pun peperangan di-Laos, Persekutuan ini tidak akan membenarkan di-jadikan pengkalan untuk menyerang Laos. Saya hairan perkataan itu boleh keluar dan bagaimana dasar itu dapat di-jamin terlaksana, bagaimana kata dapat diperkotakan selagi perjanjian pertahanan di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan British sa-bagai upah untuk menchapai kemerdekaan yang termaktub di-sana menyebutkan bahawa kepentingan British terjamin termasuk dalam segi tentera mengikut nasihat daripada pakar²-nya, bantahan Kerajaan Persekutuan itu akan di-dengar dan di-timbangkan, tetapi kerja-nya akan di-jalankan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak mengulas panjang, saya mahu mengatakan satu chontoh perbuatan ini ia-itu di-Suez Canal Inggeris

menempatkan tentera-nya. 10 ribu orang mengikut perjanjian dalam masa aman, tetapi dalam masa aman pun lebih daripada 10 ribu orang tentera-nya telah di-letakkan. Berlaku satu peristiwa dalam masa peperangan dunia yang kedua baharu² ini apabila Kerajaan Mesir tidak mahu bekerjasama dengan Inggeris, apabila tentera Jarman mula mendekati batas Mesir pada masa itu. Inggeris telah menghantar kereta kebal-nya mengelilingi di-Istana Abidin, mengepung Malek Faruk dan mengirim jeneral-nya memaksa Malek Faruk supaya mengangkat sa-orang lain Nahas Basha sa-bagai Perdana Menteri. Jadi ini-lah chara Inggeris bertindak jika sampai kepada keadaan dia perlu berbuat begitu. Jika belum apa² dia tidak bertindak dan kita kata tidak apa. Mesir telah memberi contoh bagaimana British menduduki di-negeri orang bertindak sa-hingga mengepung raja..

Dato' Sheikh Abu Bakar bin Yahya: On a point of order, Sir. Under Standing order 35 (1), it says here that—

"A Senator shall confine his observations to the subject under discussion and may not introduce matters irrelevant thereto."

May I have your ruling, Sir?

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan statement yang mengenai Laos, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai soal dasar luar negeri. Dalam perbahathan yang berlaku di-Dewan Ra'ayat timbul masaalah yang telah di-kemukakan oleh anggota pehak pembangkang mengenai soal Selatan Siam di-mana nasib orang² kita Melayu telah terancham dan di-ancham oleh kejadian² yang memang tidak dapat di-semunyikan. Tetapi dalam jawapan yang kita dengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan itu ada-lah soal yang telah di-bangkit²kan oleh Rashid Madin dan sa-bagai-nya yang saya pun tidak kenal lagi. Ini ada-lah satu masaalah negeri jiran kita yang kita tidak boleh champor tangan, kerana masaalah rumah tangga. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hanya timbul atau di-timbulkan oleh pehak pembangkang dari kalangan PAS, akan tetapi UMNO

sendiri dalam Kongres Pemuda UMNO di-Johor Bharu dan dalam *Berita Harian* ada tersiar bahawa dengan tegas-nya ia menyatakan perkara ini Kerajaan Persekutuan mesti champor tangan dan sa-orang daripada orang UMNO berchakap dalam Kongres itu terang² menyebut dan dia sendiri melihat bagaimana sa-orang Melayu di-tembak mati oleh tentera Siam, jadi bukan-lah ini anasir Kominis, saya tidak tahu-lah, tetapi UMNO sendiri telah mengemukakan perkara itu. Kalau ini dia mengatakan masaalah rumah tangga, bagaimana-kah pula dasar luar kita bila Kerajaan Persekutuan telah berusaha, dan Perdana Menteri telah champor tangan masaalah rumah tangga Afrika Selatan dan Afrika Selatan juga mengikut keterangan Perdana Menteri-nya ada-lah masaalah rumah tangga. Jadi jika soal Afrika Selatan soal yang di-katakan soal rumah tangga dapat di-champor tangan oleh kita, mengapa-kah masaalah yang berlaku di-Selatan Siam tidak dapat kita champor tangan. Pada hal satu perkara yang melanggar peri kemanusiaan yang patut benar kita mengambil berat oleh kerana dasar luar negeri kita bebas dan ingin melaksanakan keamanan dalam dunia sa-suai dengan Piagam Bangsa² Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak dapat berchakap panjang lagi dalam perkara² ini dan saya harap apa yang telah saya sampaikan itu nanti akan di-jawab dengan sa-baik²-nya.

Enche' Yeoh Kian Teik: Mr. President, Sir, I rise to associate myself with my Honourable and learned friend Dato' Thuraisingham in his sentiments in respect of His Majesty's Gracious Speech. His more able tongue has already described what I intended to say, Sir, and I would merely add my note of accord to his song of praise.

There are several points in His Majesty's Address, Mr. President, Sir, which have particular attraction for me from the State of Perak. There is, under the portfolio of the Honourable Minister of Transport, the improvement of port facilities in Port Swettenham. May I, Sir, request the Honourable Minister to look into the position of Lumut, which is a very important area and which, if

developed, will help to serve the Kinta Valley.

On the question of hospitals, Sir, may I request the Honourable Minister of Health to look into the position in the State of Perak. The District Hospital in Ipoh—I call it “District Hospital” because there are no first-class wards in that Hospital—needs a lot of improvements and extensions. Ipoh has a population of more than a quarter million people, Sir, and it deserves a much bigger and better hospital.

On the comments of the Honourable Minister of the Interior in the Lower House, Sir, I thank the Honourable Minister for his promise to send registration teams to the New Villages and small towns to enable the people there to change their identity cards at less expense and less inconvenience. I would, however, request the Honourable Minister to look into one point. Officials of the various M.C.A. Branches throughout the State of Perak had written to the Registrar-General for Citizenship forms and such letters were not even acknowledged. I do not wish to say anything against the Registrar-General as he is not in this House, Sir, but there must have been some *lacuna* in his Department that such letters were not attended to. I wrote a letter to the Registrar-General asking for his clarification, and this letter was also not acknowledged. Many of the citizens in the rural areas, in the kampongs and in the towns need these forms to obtain their citizenship papers, but, unfortunately, they have been unable to obtain them because these forms are not available.

Mr. President, Sir, there is one sentence in His Majesty's Speech which says: “You have shown that although our nation is young we have been able to uphold the high tradition of democratic government.” Our Prime Minister was severely criticised in the Lower House for having said in Jinjang New Village that he would suspend the Local Council Elections if there was any violence during the course of these elections. Mr. President, Sir, I thank the Prime Minister for taking such a firm attitude to protect the democratic rights of the citizens of this country. If the

citizens cannot express their wishes during any election, then it is better to withhold or suspend the election until such time when the citizens are able and have the chance to express their wishes. On this same subject, Sir, the Honourable Mr. D. R. Seenivasagam spoke in the Lower House, concentrating his attack on the M.C.A. Youth Section and associating the name of the M.C.A. Youth Section with the Wah Kee secret society.

Mr. President, Sir, prior to the 1957 Menglembu by-election, Ipoh and Menglembu were very peaceful places. There were no gangsters, no thugs and no secret society members. But what happened? Mr. President, Sir, the People's Progressive Party of which Mr. D. R. Seenivasagam is its Secretary-General came out and supported these undesirable elements, giving them free service; and when he was attacked for doing so by the Honourable Minister of Justice he said that as a member of the legal profession it was his right to defend whoever he liked. After his encouragement and support for these undesirable elements in 1957, Ipoh and Menglembu became different places. They are now infested with thugs and gangsters. And what did Mr. Seenivasagam do? Mr. President, Sir, two persons were charged with extortion and criminal intimidation of a well-to-do Chinese tobacco merchant. He was criticised for taking on the defence of these two persons and, in order to win votes, he promised the people that in future he would not defend such cases. Mr. President, Sir, the Honourable Mr. Seenivasagam is a member of the Bar and I do not think it proper that any member of this honourable profession should debase his professional integrity merely to win votes. But after making this promise to the electorate, what did he do? He obtained the services of other members of the People's Progressive Party who are members of the legal profession—I shall not mention any names, Mr. President, Sir, as I do not wish to attack anyone who has no chance to reply in this House. Then he gave a specific instance of an M.C.A. youth leader in Chendrong New Village. Chendrong New Village, Mr.

President, Sir, is about 16 miles from Ipoh. This person, whose name is Choong Kok Kee, at that time was the M.C.A. youth leader in Chendrong New Village—he is still the youth leader of that area. He was detained by the police and kept in custody for more than 50 days. And the persons who made the report against him were all officials of the People's Progressive Party branch in Chendrong New Village. An inquiry was duly held in respect of this person; an Inquiry Officer was appointed and he heard this case and in due course this person, Choong Kok Kee, was released. He was found not to be a member of a secret society. But what does Mr. Seenivasagam say in the Lower House? He says: "This person is a member of a secret society; he was charged with extortion" (which was absolutely false). And he says he can produce evidence to substantiate his allegations. Mr. President, Sir, I do not know the feelings of the other Members of the Lower House, but I for myself am thoroughly—if you will excuse the use of the word—disgusted with such procedure. When the Inquiry Officer held his inquiry, why did Mr. Seenivasagam, if he is a loyal and law-abiding citizen, not come forward with proof that this man was a member of a secret society and he was guilty of extortion? Why wait until the case was heard and this man was found innocent? Then he comes to the Lower House and says: "I have proof that this man is a member of a secret society." That I feel, Mr. President, Sir, is a form of oppression, because Choong Kok Kee has no chance to reply to the allegations made by Seenivasagam in the Lower House. And in addition to that, there has been no report made against Choong Kok Kee that he ever attempted to commit extortion. I have in my public rallies challenged Mr. Seenivasagam to come forward to repeat his allegations in the Lower House, and also to allege that the Officer holding the inquiry did not carry out his duties properly and that he was subject to pressure, or intervention as Mr. Seenivasagam said, by me in respect of this case. Then he mentioned the case of three accused persons who were charged with an offence in Menglembu. He said Mr.

Yap Yin Fah stood bail for them and I, or my firm, defended them and that after a long interval these three persons were discharged because the witnesses could not be found. Mr. President, Sir, obviously truth and Mr. Seenivasagam are strangers. These three persons were arrested, and Mr. Seenivasagam wanted the Lower House to believe that because they were released on bail, they intimidated the witnesses so that they could not be found and therefore the case had to be postponed and these three persons were discharged. The truth of the case, Sir, is that the prosecuting witness, a police officer who investigated this case, was taken ill. This police officer is still on the sick list and therefore he was unable to give evidence against these three persons. The wrong impression which Mr. Seenivasagam tried to induce the Lower House to believe was that there was criminal intimidation of the witnesses. That, as I said before, is absolutely untrue. Now these three persons' defence has been affected by Mr. Seenivasagam's speech in the Lower House. These persons, Mr. President, Sir, have only been charged with an offence. They have not been convicted, and I cannot understand why Mr. Seenivasagam, who is a member of the legal profession, cannot observe the elementary rule of law, that an accused person is presumed to be innocent until he is proved guilty. In this case, the case has not been heard and these persons have not been convicted, but according to Mr. Seenivasagam they are gangsters because they are charged with an offence.

Referring to his attack against the M.C.A. Youth, when he started his campaign in 1957 there was no criticism against the M.C.A. Youth because it was then inactive. But what does he say of the elders in the M.C.A.? He has no criticism other than to call them capitalists; the M.C.A. is a Party for the rich and, therefore, all the M.C.A. members are capitalists. Now that the M.C.A. Youth get support from the children of the working class, he has no name to give them except to call them thugs and gangsters. Mr. President, Sir, the aim and object of the M.C.A. is to give every young person an opportunity for taking part in politics, education,

physical and cultural activities, so that they can become good citizens of this country, and at the same time receive training to take over the leadership of the country when our older leaders leave us. Now, he has got no criticism to make against those poor youngsters except to say that they are gangsters. It is merely because these poor youths cannot afford big cars or dress the way that Mr. Seenivasagam does that they are gangsters!

I hope, Mr. President, Sir, that the people of this country will not be deceived by the wild allegations made by D. R. Seenivasagam in the Lower House, and I further hope that they will continue to give their support to this Association which encourages the youth to come out to take part in lawful activities.

There is, on this subject of gangsterism and thuggery, one point I would like to make, Mr. President, Sir, and that is the withdrawal of the Police Force from numerous New Villages and small areas throughout the country owing to end of the Emergency. I hope the Honourable the Minister concerned would look into this and reinstate the Police Force in those areas so that the citizens living there could have ample protection. (Applause).

Enche' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai sa-orang anggota yang menyokong chadangan yang telah di-bawa oleh Dato' E. E. C. Thuraisingham, untuk memberi ucapan terima kaseh di-atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka menambahkan ia-itu dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini, kira-nya kita halusi Ranchangan ini sa-telah di-jalankan kita dapati ia-nya akan memberi faedah yang banyak kepada ra'ayat dan penduduk² negeri ini. Dan bagi saya tidak hendak mengupas satu persatu di-atas ucapan Seri Paduka Baginda itu oleh kerana perkara yang di-titahkan itu ada-lah perkara² yang telah meliputi kehendak² dan kemahuan² ra'ayat di-semua lapisan di-negeri ini. Tetapi bagi saya hendak menjelaskan beberapa perkara yang telah di-bangkitkan di-dalam Dewan ini yang mana banyak kesilapan²

yang telah di-keluarkan menegor mengenai perkara² yang berkait dengan Pembangunan Luar Bandar bagi Negeri Kelantan. Dalam ucapan sa-orang anggota yang telah berchakap, ia telah lari dan terkeluar daripada apa yang sa-benar-nya, tetapi saya suka hendak menerangkan ia-itu sa-bagaimana ucapan-nya dalam Dewan ini, ia maseh tidak puas hati di-atas perhubungan baik di-antara ahli² partai siasah dalam negeri ini terutama-nya Ahli Parlimen atau pun pegawai² Kerajaan. Saya rasa ucapan ini ada-lah satu ucapan yang benar. Chontoh-nya saya dapat beri dalam Dewan ini ia-itu umpama-nya satu daripada chontoh yang menunjokkan ahli² daripada partai pembangkang ia-itu partai PAS tidak mempunyai perhubungan baik, manakala Tun Abdul Razak, dalam lawatan-nya ka-Kelantan telah menerima sambutan yang hangat dan sambutan yang baik daripada kalangan ra'ayat sendiri dalam negeri Kelantan, akan tetapi sa-balek-nya partai pembangkang atau Kerajaan Kelantan daripada partai pembangkang ia-itu Menteri Besar Kelantan sendiri tidak datang menyambut Tun Abdul Razak, chuma di-hantar dua orang pegawai rendah daripada pegawai Pejabat Setia-Usaha Kerajaan untuk menyambut Tun Abdul Razak. Pada hal masa melawat Tun Abdul Razak ada-lah memangku jawatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan Trengganu, Menteri Besar Trengganu sendiri datang menyambut Tun Abdul Razak, tetapi manakala sampai di-Jerteh chuma dua orang pegawai daripada Pejabat Setia-Usaha Kerajaan yang menyatakan bahawa mereka berdua ada-lah wakil daripada Kerajaan Negeri Kelantan, manakala Menteri Besar itu sendiri tidak dapat hadir. Pada masa yang sa-umpama ini hal ini telah timbul dan ini ada-lah menjadi satu chontoh bagaimana yang di-katakan oleh anggota yang datang daripada Kelantan sendiri ia tidak puas hati di-atas perhubungan baik di-antara partai pembangkang dengan partai kerajaan. Dan ini-lah satu chontoh yang saya nampak di-sebabkan oleh sentiment politik. Mereka sanggup menghinakan Pemangku Perdana Menteri yang

datang daripada satu kerajaan yang pernah mendapat sambutan yang baik daripada Kerajaan² luar negeri di seluruh dunia. Tetapi bagi Kerajaan negeri mereka sendiri mereka chuba hendak menghinakan dan merendahkan kebesaran yang ada pada sa-orang Pemangku Perdana Menteri itu. Bukan itu sahaja bahkan manakala Tun Abdul Razak berangkat ka-Kelantan, telah dikeluarkan satu perintah kepada Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar supaya tidak menemui Tun Abdul Razak, jadi ma'ana-nya tidak di-benarkan Tun Abdul Razak berunding dengan Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar. Bukan itu sahaja bahkan datang pula beberapa perintah lagi untuk merombakkan ranchangan² sambutan yang di-buat oleh ra'ayat, penduduk² di-Ulu Kelantan sa-hingga pintu gerbang yang di-sediakan untuk menyambut Tun Abdul Razak di-perentahkan supaya di-rombak tidak di-benarkan di-buat di-tengah jalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah satu contoh yang dapat saya katakan dan bukan itu sahaja bahkan sa-chara sulit di-beri tahu kepada Ahli² Dewan Negeri supaya jangan menemui Tun Abdul Razak.....

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang di-sampaikan itu terpaksa saya menjelaskan bahawa itu tidak benar dan sa-benar-nya Tun Abdul Razak datang ka-Kelantan itu ada-lah sa-bagai Menteri Pertahanan dan bukan sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dan perkara itu tegas dengan bersurat.

The Assistant Minister of the Rural Development: Tuan Yang di-Pertua, bahawa Tun Abdul Razak di-hantar ka-sana di-samping melawat sa-bagai Menteri Pertahanan, Yang Berhormat itu juga akan melawat berbagai² Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar atas sifat-nya sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menjelaskan di-sini. Satu surat pada 28 haribulan di-tulis tangan sampai di-Kelantan pada 30.3 yang menyatakan bahawa Tun Abdul Razak sa-bagai Menteri

Pertahanan akan datang melawat ka-Camp Ashkar Melayu dan apa yang di-katakan oleh Menteri Muda itu tidak benar, kerana sa-sudah di-telegram oleh Kerajaan pada 30 haribulan bertanya ada-kah Tun Abdul Razak datang sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, ini tidak menjawab. Kemudian di-terima dari Trengganu sampai ka-Kelantan pada pukul 4.00 petang 1-4-61, pada hal Tun Abdul Razak telah sampai pada pukul 12.00 tengah hari 1-4-61.

Enche' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah sa-bagai satu contoh. Ahli Yang Berhormat ini berkata bahawa telegram yang menyatakan Tun Abdul Razak datang sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, sampai pada pukul 4.00 petang. Tetapi Ahli Yang Berhormat itu lupa bahawa wakil kerajaan datang menyambut Tun Abdul Razak pada pukul 8.00 pagi lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jadi berma'ana-lah sa-belum telegram itu sampai Kerajaan sudah tahu Tun Abdul Razak datang kerana Pembangunan Luar Bandar, itu-lah sebab-nya di-hantar wakil Kerajaan. Kalau sa-kira-nya telegram itu terlewat sampai-nya kenapa di-hantar wakil-nya pada pukul 8.00 pagi untuk menyambut Tun Abdul Razak?

Enche' Amaluddin bin Darus: Sa-tahu Kerajaan dengan rasmi-nya Yang Berhormat itu datang di-Kelantan sa-bagai Menteri Pertahanan dan itu memang telah di-buat sambutan dan memang Kerajaan Kelantan juga berharap beliau juga melawat sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar dan itu-lah yang saya katakan kedatangan message pada pukul 4.00 petang 1-4-61 itu tetapi masa itu sudah terlewat dan sudah terlambat

Enche' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peratoran tiap² tegoran itu tidak boleh di-buat sharahan.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu di-buat sa-olah² Kerajaan negeri Kelantan menghina²kan maka terpaksa-lah saya menjelaskan dalam Dewan ini. Menteri Besar Kelantan sendiri telah juga telegram meminta Tun Abdul Razak dan

rombongan-nya supaya di-jamu makan di-rumah-nya. Akan tetapi malang-nya di-jawab bahawa mereka tidak bersedia hendak menerima jamuan makan itu.

Enche' Nik Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berchakap perkara itu sebab saya tahu, saya datang dari Kelantan sa-bagaimana juga Senator Yang Berhormat itu. Dan segala programme Tun Abdul Razak itu saya tahu dan telah di-sampaikan kepada Kerajaan bukan sahaja surat yang di-hantar oleh Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar dari Kementerian tetapi sa-belum daripada itu lagi telah di-beri tahu pihak tempatan. Tetapi sa-bagaimana yang saya kata kedatangan Tun Razak ka-Kelantan telah mendapat penghinaan daripada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Sa-lain daripada itu, barangkali Ahli Yang Berhormat yang menegor saya dalam perchakapan ini tidak faham apa-kah maksud dan perjalanan atau chara manakah Pembangunan Luar Bandar ini berjalan. Saya terpaksa jelaskan ia-itu Pembangunan Luar Bandar ini ada-lah satu kaedah baharu untuk menjaga dan menjalankan kemajuan negeri ini. Jadi telah menjadi peratoran bagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ia-itu mana² Menteri, mithal-nya, Tun Abdul Razak yang menjadi Pengerusi yang tertinggi dalam Pembangunan Luar Bandar ini manakala ia melawat sa-suatu negeri itu, hendak-lah menjadi kewajipan Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar negeri itu memberi sambutan dan menunjokkan kerja² yang telah di-buat; tidak mesti di-beritahu sa-minggu atau sa-bulan terlebih dahulu. Telah menjadi tanggungan dan telah menjadi peratoran bagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar pada sa-tiap masa, sa-tiap ketika pihak yang bertanggung jawab dan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar seperti Tun Abdul Razak yang menjadi General itu boleh melawat mana² negeri, dan check kerja² yang berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar dengan tidak termesti memberi tahu yang beliau ia-lah Menteri Pembangunan Luar Bandar, sa-lain daripada menjadi Menteri Pertahanan dan Pemangku Perdana Menteri. Pada fikiran saya Yang Berhormat Senator ini patut

mempelajari Ilmu Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini supaya mengetahui chara² dan pergerakan ranchangan ini, dan directive telah pun di-beri kepada Kerajaan Kelantan tentang Pembangunan Luar Bandar yang menjadi tanggung jawab bagi Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar pada tiap² negeri bukan sahaja negeri² Kelantan dan Trengganu tetapi juga lain² negeri. Apabila General Pembangunan Luar Bandar hendak melawat, menasihati dan melihat apa² kemajuan di-luar bandar, melainkan Selangor mithal-nya, maka Jawatan-Kuasa Pembangunan Luar Bandar tiap² negeri itu hendak-lah bekerjasama dan menunjukkan kemajuan² yang di-buat itu dengan tidak payah mengambil masa 10 hari, sa-bulan sa-belum daripada itu. Beliau menjadi General Pembangunan Luar Bandar yang harus di-hormati dan di-terima oleh semua negeri dengan baik.

Oleh itu jelas-lah kepada Dewan ini ia-itu sambutan kepada Tun Abdul Razak itu telah di-ator dengan bagitu baik dan di-ketahui oleh umum. Itu-lah sebab-nya Ahli² Dewan Undangan Negeri Kelantan sempat dan ada peluang pergi ka-kampong mencheritakan supaya dapat menahan ra'ayat daripada menyambut Tun Abdul Razak.

Perkara yang kedua yang saya suka hendak jelaskan ia-lah perkara yang di-suarkan oleh Yang Berhormat itu mengenai ranchangan memberi tanah kepada bekas Pasokan Keselamatan Negeri Kelantan. Itu ada-lah satu daripada jasa² Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang telah di-buat oleh Kerajaan PAS di-Kelantan. Saya suka hendak menerangkan tentang perkara itu, barangkali Ahli Yang Berhormat itu bukan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan, jadi ia tidak mengetahui apa kerja yang di-buat oleh Kerajaan, kerana perkara tanah itu ada-lah di-bawah tanggungan Tuan Haji Nor yang menjadi wakil Menteri Besar untuk memegang kuasa mentadbirkan hal tanah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua,....

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Dalam ucapan saya tadi saya tidak mengatakan soal pembukaan tanah itu

satu soal luar bandar. Saya tegaskan pemisahan satu pehak luar bandar dan satu pehak lain kerja pembukaan tanah.

Enche' Nik Hassan: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tadi berkata bekas Pasokan Keselamatan telah mendapat tanah dalam tahun 1960, ia-itu masa Kerajaan PAS memerintah; itu terang sa-kali, dan perkara tanah ada-lah perkara yang besar bagi ra'ayat. Saya suka hendak jelaskan ia-itu Senator Yang Berhormat itu bukan Ahli Kerajaan, ia tidak mengetahui ranchangan Kerajaan Negeri. Kalau ia mengetahui dan tahu bila ranchangan tanah itu berjalan? Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat mengetahui dalam masa Kerajaan Perikatan memerintah dalam masa 1958 dahulu ia-itu sa-belum Pilehan Raya tahun 1959, dan PAS memerintah Kelantan lebih kurang bulan June telah mengambil keputusan memberi tanah kepada bekas Pasokan Keselamatan, dan daripada keputusan itu-lah tanah² itu telah di-sukat; apabila datang Pilehan Raya tahun 1959, bekas Pasokan Keselamatan masuk ka-dalam tanah itu—bukan tahun 1960. Ini berma'ana ranchangan itu telah disusun dan di-ator serta tanah di-sukat dalam tahun 1958 ia-itu masa Kerajaan Perikatan memerintah atau sa-belum Pilehan Raya tahun 1959. Tetapi perkara itu di-bawa, di-chedok ka-dalam Dewan ini pada hari ini.

Ada satu contoh lagi saya suka bangkitkan supaya Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak di-kekirukan, dan tidak mudah di-chedok apabila Yang Berhormat itu mengatakan tidak ada satu sen pun wang Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-belanjakan di-Kelantan untuk membuka Jalan Dabong. Saya sendiri telah berhubung dengan pehak yang berkenaan di-Ulu Kelantan, dan saya di-beritahu Kerajaan Perikatan-lah yang menghantar jurutera khas daripada Kuala Lumpur kerana hendak membuka Jalan Dabong itu, dan tidak ada satu sen pun wang daripada Kerajaan Negeri untuk membeli jentera kerana hendak membuka Jalan Dabong. Jentera yang di-gunakan itu ia-lah jentera yang memang sudah ada di-Kelantan dan telah pun di-gunakan semenjak Kerajaan Perikatan memerintah dahulu,

tetapi di-nyatakan kepada ra'ayat bahawa Jalan Dabong itu tidak ada satu sen pun masuk wang Kerajaan Persekutuan. Memang benar Kerajaan Perikatan tidak memberi wang kepada Kerajaan Negeri; tetapi membayar gaji jurutera ada-lah memakai wang, dan wang itu ada-lah wang daripada Persekutuan. Jadi ini-lah satu contoh ia-itu membuat jalan itu ada-lah memakai jurutera dan jentera. Sa-belum saya datang bermeshuarat di-sini saya telah berhubung dengan pehak yang berkenaan dan saya dapati ada pegawai² yang menjalankan kerja membuat Jalan Dabong itu ada-lah pegawai² khas yang di-hantar untuk membuka Jalan Dabong itu. Ini satu contoh lagi bagaimana chara dan usaha-nya untuk mengelirukan Dewan ini, dan bukan dalam Dewan ini sahaja tetapi chara ini juga dia mengelirukan orang² di-luar.

Sa-lain daripada itu, kita telah dapat mendengar daripada Yang Berhormat yang mengatakan satu ranchangan tali-ayer yang besar hendak di-buka kerana hendak menanam padi dua kali sa-tahun di-satu tempat di-Kelantan ia-itu di-Kemubu. Kata-nya, ranchangan ini Ranchangan PAS. Saya terperanjat mendengar ucapan-nya itu. Tetapi sa-balek-nya, ia menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya membuat tali-ayer itu dengan wang Kerajaan Persekutuan. Ini berma'ana ranchangan ini ada-lah Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-chadangkan supaya Kerajaan Persekutuan menjalankan-nya, bukan Kerajaan Negeri, atau dengan lain² perkataan ini ranchangan Perikatan, bukan ranchangan Kerajaan Negeri. Ini satu contoh lagi untuk mengelirukan Dewan ini.

Setahu saya dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-untokkan bagi Kelantan, Kerajaan Kelantan telah menhadangkan beberapa million ringgit, tetapi sa-bagaimana yang saya tahu segala isi yang di-chadangkan untuk di-belanjakan bagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar Negeri Kelantan itu bukan-lah berupa wang yang hendak di-belanjakan oleh Kerajaan Kelantan itu, bukan berupa project² untuk kemajuan ra'ayat, chuma wang itu di-belanjakan kepada perkara² kecil sahaja, manakala project² yang

besar ada-lah semua-nya di-serahkan kepada Kerajaan Perikatan yang memakan belanja lebih kurang berbelas² juta ringgit. Ini-lah chara susunan-nya Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-buat untuk negeri Kelantan. Ini-lah chara-nya yang di-susun bagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-hantar kepada Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu, saya suka terangkan lagi supaya tidak menjadi kekeliruan bagi Dewan ini. Ada di-keluarkan satu kenyataan angka lebih kurang 21,000 ekar tanah telah di-bahagikan kepada ra'ayat, ma'ana-nya ra'ayat Kelantan telah menerima tanah, telah ma'amor, ta' payah Kerajaan Persekutuan tolong. Saya rasa na' ketawa kechil, kerana saya tahu lebih kurang 1,000 orang telah di-kumpulkan ka-dalam hutan rimba dengan tidak ada satu ranchangan susunan yang terator sa-hingga mereka itu bawa kapak, bawa beras, bawa barang² masuk ka-hutan yang berbatu² jauh-nya ka-Kelantan sa-hingga ada sa-tengah²-nya demam dan mendapat berbagai² penyakit. Saya mendapat tahu dari puncha yang sah, di-satu kawasan sahaja di-hantar 500 orang, tinggal baki-nya 70 orang, yang beratus² lebih-nya itu telah lari keluar.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, soal dalam negeri Kelantan mengenai perkara semacham itu sengaja di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk mengelirukan dalam Dewan ini. Saya boleh terangkan dengan jelas-nya semasa Dewan Ra'ayat bersidang, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada bertalipon di-Kota Bharu bertanya kepada C.L.M. dan dengan tegas perkara itu telah di-jawab oleh C.L.M. success—berjaya, dan jangan-lah chuba dalam Dewan ini Ahli Yang Berhormat itu hendak mengelirukan, kerana orang² Kelantan yang balek itu ia-lah kerana hendak mengambil bekalan. Mereka tidak balek meninggalkan tempat tanah itu sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dalam Dewan ini. Apa yang sa-benar-nya kita tahu kejayaan telah nampak terbayang dalam Ranchangan Pembukaan Tanah Negeri Kelantan.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, saya ada terima satu surat—satu surat yang di-keluarkan oleh Ketua Jajahan Ulu Kelantan sendiri. Surat circular ini telah di-hantar kepada tiap² orang yang menerima tanah itu, memberi tempoh. Dalam surat itu ada menyebutkan sa-kira-nya kamu tidak balek ka-kawasan itu pada 27 haribulan April, 1961, maka kamu tidak lagi di-sifatkan berkehendakkan tanah itu, dan Kerajaan akan menarek balek semua tanah² itu. Surat itu di-tanda tangani oleh District Officer Ulu Kelantan dan di-hantar kepada tiap² orang yang lari daripada kawasan tanah yang di-beri itu. Surat ini di-buat dengan chara gestetner—roneo dan di-bagi²kan kepada orang yang menerima tanah itu. Beratus² orang telah menerima surat itu dan surat itu telah sampai ka-tangan saya sendiri. Saya tengok sendiri, ada tanda tangan District Officer Ulu Kelantan yang memberi tahu sa-kira-nya mereka tidak balek pada 27 haribulan April, 1961, ka-hutan rimba tempat mereka itu, maka mereka di-sifatkan tidak lagi mahu tanah. Ini terang dan nyata—bertulis.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, ini bertambah mengelirukan. Di-tangan saya ada fact pada mula-nya ranchangan itu di-bawa erti-nya orang² yang telah tetap masuk ka-dalam tanah itu ada seramai 1,366 orang. Yang telah kita siasat ia-lah orang² UMNO yang berulok² hendak tengok, boleh-kah tidak Kerajaan PAS membuka tanah. Mereka tidak mahu masuk dan kita memilih dua orang pada tiap² satu orang erti-nya reserve satu orang. Itu-lah sebab-nya di-keluarkan siaran itu. Kalau orang itu tidak mahu juga reserve akan di-gantikan tempat itu. Jadi jangan-lah chuba Ahli Yang Berhormat itu hendak mengelirukan dalam Dewan ini, kerana saya tahu apa yang sa-benar-nya dalam perkara itu.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua.

Mr. President: Jangan berchakap terkeluar banyak daripada membahathkan ucapan terima kaseh ini. Saya fikir lebih baik-lah kita berbalek kepada yang asal.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Ya, Dato' Yang di-Pertua, saya terpaksa menerangkan supaya menghilangkan kekeliruan. Jadi itu-lah kira-nya, ta' ada siapa yang dapat tahu yang mana ahli UMNO, yang mana tidak ahli UMNO, sebab ahli UMNO itu tidak ada tertulis di-dahi-nya.

Mr. President: Saya fikir sudah chukup-lah, kita telah terkeluar jauh daripada perbahathan ini.

Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Itu-lah dia keterangan yang saya boleh berikan kepada Dewan ini bagi mengelakkan kekeliruan dalam Dewan ini dan juga bagi orang ramai, saya keluaran kenyataan ini dan kenyataan ini sah serta ada bukti-nya sa-bagaimana yang saya katakan tadi—bersurat—yang di-keluarkan dan di-istiharkan kepada orang ramai dalam negeri ini. Jadi itu-lah dia chara dan pergolakan yang saya rasa. Perasaan berbaik² yang sa-umpama di-sebutkan itu mustahak dan patut-lah Ahli Yang Berhormat itu balek memperbaiki Kerajaan-nya supaya perhubungan baik itu dapat di-adakan dengan baik, dan supaya ra'ayat Kelantan tidak menjadi mangsa pergolakan parti siasah sa-bagaimana yang ada pada hari ini. Kalau boleh biar-lah perasaan berbaik² saperti yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh di-perbetulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri. Datang ka-Kelantan menemui Menteri Besar dan anggota² Kerajaan-nya, nasihatkan mereka, kerana mereka ta' boleh di-betulkan dalam Dewan ini. Mereka mesti balek membetulkan anggota² Kerajaan Negeri Kelantan.

Enche' T. H. Tan: Mr. President, Sir, I rise to associate myself with the motion of the Honourable Dato' Thuraisingham that this House offers its humble thanks to His Majesty for His Gracious Speech with which He opened the Third Session of this Parliament.

The Royal Address contains many exhortations to the people of the Federation of Malaya. I sincerely hope that His Majesty's call for devotion and sacrifice for the fulfilment of the Government's Second Five-Year Plan will receive loyal and enthusiastic support. It is not enough, Sir, that the Federal and

State Governments should plan and provide the funds for development; it is also necessary for the people to give their utmost co-operation to make the development plans successful. The landless who are now given a new lease of life in the development areas should consider it their bounden duty to spare no efforts to make the new development areas an example of progressive and harmonious communal life.

Mr. President, Sir, His Majesty stated that the Federal Government, together with the State Governments and local authorities, is determined to promote a balanced social and economic development in both urban and rural areas in co-operation with private enterprise. In this particular context, I do not really know the precise definition of "private enterprise". By common usage, however, it is understood that private enterprise means public participation in business and industry. For such participation, the citizen usually finances his project with loans from the banks. If the reference to "private enterprise" in relation to development implies such financing, then I would urge the Government to reconsider the restrictions imposed on banks limiting to 60 per cent use of deposits for loans. I understand that in only a few other countries does such a restriction exist and most of those countries are already highly industrialised. I can say without fear of contradiction that the Government can rest assured that bankers by tradition and practice will not take undue risks in giving loans. The restriction I have referred to places local banks at a disadvantage compared with the foreign banks. With perhaps only one exception, the local banks do not have large deposits. On the other hand, foreign banks, established many decades ahead of the local banks, not only have large deposits but have also enjoyed the additional advantage of holding huge Federal Government funds. I urge that the restrictions on local banks should not only be revised, if not removed, but the Federation Government should give the local banks a just and fair share of Government funds on deposit. Such a re-distribution of Government funds would place more

money at the disposal of the local banks, so that private enterprise can be adequately financed.

While on the subject of bank deposits, I would also like to refer to the ceiling of 4 per cent which the Central Bank in the Federation allows all banks to pay on fixed deposits. I wonder what is the justification for this ceiling, as it is being openly advertised in our newspapers that deposits placed in the Finance Companies here in Malaya and in banks in Australia and South Africa will normally earn 6 to 6½ per cent. I am not urging the people of Malaya to deposit their money with banks abroad, but I ask the Government to give earnest consideration to this matter in fairness to the people and the local banks.

Sir, the Royal Address also makes reference to adult education. I welcome the move that the Government is making to put adult education on a national basis rather than leave it to the voluntary organisations as in the past. I feel, however, that credit should also be given to the Malayan Public Libraries Association, whose adult education classes in the new villages contributed so much to taking the minds of the inhabitants off dangerous idle thinking. I may add that the use of the funds entrusted to the Malayan Public Libraries Association has never been questioned. I feel that the tribute paid in His Majesty's Address to the Adult Education Association should also have been shared with the Malayan Public Libraries Association which at one time was closely co-operating with the M.C.A.

Sir, the Government's aim of making every citizen in this country literate in the National Language should be fully endorsed by this House. Education generally fosters civic consciousness and a working knowledge of the National Language will undoubtedly create a national consciousness. The role that adult education can play in this matter is obvious.

Sir, His Majesty's Government is to be congratulated on its decision to introduce a new type of post-primary school known as Sekolah Pelajaran

Lanjutan or Continuation School. This is a practical device to absorb those who cannot get admission into secondary schools and to get them off the streets and their young minds off mischief. As many Continuation Schools as possible are to be established throughout the country within the shortest possible time. Sir, I would go further and suggest that it should be the official policy that no one should be allowed to go abroad for studies unless he has acquired a competent knowledge of our National Language, because, as I have said, I consider such knowledge vital to the creation of a national consciousness. In the fullness of time it should not be necessary for Malaysians to go abroad to further their education, especially of the academic type. I realise, however, that for a long time to come, it will be necessary for our young men and women to go overseas for technical training.

Mr. President, Sir, His Majesty refers in his speech to our land development which is part and parcel of our development scheme. It is to be noted with regret that the co-operation of the Kelantan and Trengganu State Governments has not been forthcoming for this scheme. I appeal, for the sake of the people of those two States, to the Governments of Kelantan and Trengganu to reconsider their attitude and to give the utmost co-operation in Federal Government land development schemes. The two States should not, in spite of their bigotry, deprive the peoples of Kelantan and Trengganu all the benefits of land development. As long as the Kelantan and Trengganu Governments will not give land for massive development by the Federal authority and as long as they oppose the use of loan funds for development purposes, it is no use for Kelantan and Trengganu M.P.s bleating in either House that the two States are not getting their fair share of Federal development funds. The crux of the matter would appear to be that the Kelantan and Trengganu Governments want the Federal Government to accept their own schemes for development, so that their Party may get the credit, whereas acceptance of the Federal scheme will give credit to the Federal Government. They want to be able to

say to the people that the P.M.I.P. Governments of Kelantan and Trengganu have done this, that and the other. They do not want any credit to go to the Federal Government. If this continues to be the attitude towards what is in essence a Federal scheme, then it is obvious that the fault is entirely their's.

Mr. President, Sir, it will be a step in the right direction for a Rubber Exchange to be set up in Kuala Lumpur. This is the logical thing to do. But such an exchange will find it hard to operate without up-to-date communications facilities. The proposed acquisition of the Cable and Wireless installation at Penang will help to solve the problem. Sir, if Malaya is to be the hub of trade in South-East Asia, we must have the facilities to offer, such as the latest communications facilities, low interest rates on loans, swift clearance of cargo at our ports, and so on. Talking about interest rates, I am told that the interest charged by the Malayan Industrial Development Finance Corporation is much too high compared to those of the other banks. If this is correct, the M.I.D.F.C. can hardly serve its purpose. I hope the Government will look into this.

Sir, it is welcome news that it is proposed to introduce legislation to create a Port Authority at Malacca. I do not recall having heard anything about a Port Authority for Port Swettenham, which seems to be a more urgent matter. No time should be lost in creating a Port Authority for Port Swettenham if Government means to clear up the mess there and persuade ships to continue to use the port. The situation at Port Swettenham has become so bad that the ships of the Far-Eastern Freight Conference will in future discharge Port Swettenham cargoes either at Singapore or Penang to avoid undue delay. Mr. President, Sir, our present Government can hardly be held responsible for the mess at Port Swettenham, because it was not the former Colonial policy to develop Port Swettenham but to use Singapore as the main Malayan port. But I urge the Federal Government to create a Port Authority at Port Swettenham. It is one sure way of seeing that the port is developed and managed

properly. Co-operation with the Malayan Railway could be so devised by the Port Authority that the railway will not suffer if the port passes out of its control.

Mr. President, Sir, I am glad to note that in the Royal Address special mention is made on the menace of secret societies and kidnappers. All welcome the legislation to punish kidnapping. I will deal fully with the subject when the Bill comes before this House.

Sir, the proposal to build a monument to commemorate the sacrifice of our armed forces and the civilian population in the attainment of victory over communist insurrection should be supported by all Malaysians. I hope when the Fund is open, donations to it will be generous.

In the course of the debate in the Lower House, Opposition Members attacked the Ruling Party for using youths in elections. Sir, I do not wish to import the Dewan Ra'ayat debate into this House, but I cannot resist saying that in launching their attack, the Opposition was merely assuming the role of the accused turning Crown evidence. All I would add is that the M. C.A. Youth Section is a well organised and well behaved body of young men and women whose aim is to render community service and train themselves to accept the rightful civic responsibilities.

Finally, I would like to refer to the foreign policy of our Government. Our nation has made its weight felt in international affairs as the champion of human rights. We are pursuing a policy of economic and cultural co-operation with Thailand and the Philippines and we have got up the simple argument that if Formosa is in the United Nations, so should Communist China. We have championed the cause of Tibet, and we have created an awareness in the great Powers of the dangerous situation in West Irian. Our foreign policy, in short, Sir, has given us a stature far, far beyond our young years as an independent nation. This augurs well for the future

and credit must be given to our National Leader, Tunku Abdul Rahman, and his Cabinet. They have shown to the whole world that this young nation can use power and wield influence without losing its head. (*Applause*).

Dato' Dr. Cheah Toon Lok: Mr. President, Sir, I wish to associate myself with the motion moved by my eloquent and learned friend Dato' Thuraisingham "that a humble Address be presented to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, to beg leave to offer His Majesty the humble thanks of the House for the Gracious Speech with which the Third Session of the Parliament has been opened."

Sir, just now we have heard a very moving and eloquent speech given by the Honourable Mover of the motion, and we have also heard the various comments in support made by other speakers. However, it is in the nature of human beings always to forget the blessings that they have and to remember the blessings that they want. They have forgotten sometimes the humble people at the desks who have brought the blessings to this country: our Prime Minister who has created a foreign policy that has won the admiration of the world; our Minister of Finance who has stabilised our monetary value until today (*Applause*)—the Malayan dollar is one of the highest in the world; our Minister of Health and Social Welfare who has made hospitals better than the hospitals we had during the colonial days, but to this I may say that we can still improve and make our hospitals better if our Doctors are more adequately paid; our Minister of Commerce and Industry who has created a new industrial development at Petaling Jaya to give employment to our people and our workers who have kept the wheels of industry moving; our Minister of Transport who has given so much life to our communications that today even in the kampongs you find cars moving about to give all the facilities of transport and a good life to all the citizens of this country; our Minister of Labour who has given peace to this country—look at our neighbouring country where there are strikes and look at the Persekutuan Tanah Melayu

where we have no strikes and our labours are very contented; our Minister of Works, Posts and Telecommunications has given all the facilities to our papers and communications so that even today, when we come in the morning, we are able to see the latest news and offer our comments; then we have our Minister of Agriculture who has improved our padi strain—till today people even in my State have increased their padi production.

Then there is our Minister of Education who has brought in a new education policy, a policy that is going to make a new nation of this country, to create a national consciousness, to make the people aware that they belong to one nation; that they have His Majesty the Yang di-Pertuan Agong; that they all owe loyalty to this country that gives them protection and birth; that they have also rights in this country and that those rights must be manifested in a proper way; and if there is injustice, they have got to fight injustice; if there are thugs and gangsters, they should support law and order and see that justice is done.

Then there is the Minister of the Interior who has done all his best to prevent subversion in the country and until today Malaya is one of the most peaceful countries in the East, but there I wish to draw the attention of the Minister to a certain section of the Enactment which, through his power, could allow students who have been away from Malaya for more than five years to return to the country. I think that Enactment is out of date, because even our students sent abroad by State Governments cannot come back within five years if they take up medicine, and if they leave the country, after five years they automatically cease to be citizens of this country.

Lastly, but not the least, there is our Minister of Justice who has created a good record, a record that is making our law Courts one of the best in the Far East. I must say that our Judges are incorruptible; no one can buy our Judges with money, but I am sad to have to ask the question that, for their integrity in the work they have done in

this country, what have they got? I think they have got a salary less than that paid to a specialist in the medical service, and I do not think that that salary is adequate to maintain a Judge in his proper dignity and to prevent him from temptation. In other countries, the salary of a Judge is equivalent to the salary of a Cabinet Minister, but not in our country. I think it is time that we should divorce our Judiciary from our Public Service. It should be a separate part and the salary schemes should not be judged from the salary schemes of the Clerical Service, but the different salary scheme of the Judges.

Now, Sir, I come to that part of the Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong which reads as follows:

"I am very much impressed by the increasing personal friendliness, in spite of differences of political views, between members of the Government and members of the Opposition both within and without the precincts of Parliament. Such conduct is most becoming and indicates the high standard of our concept of Parliamentary democracy. This augurs well for the future well-being of this country."

I was there when His Majesty spoke for over an hour. Therefore, I was surprised when the debate on the Royal Speech was on, a Member of the Lower House should forget his decorum and dignity as a member of the Lower House to attack another political party particularly—to attack a party of which I am the leader—and most of the facts presented are false. It is very distressing to see a member of the learned profession of law lowering himself to such a level to win political stature, to win votes, by discrediting his profession—I do not think that a medical man would do that (*Laughter.*)

We try in this new age in Malaya to teach the youths civic consciousness; and may I tell the House that when I came to office, I found a very suitable, young and energetic member of our Committee to organise our Youth Section. He is no other than the Honourable Mr. Cheah Theam Swee, who has become the leader of the Youth Movement of the M.C.A. which Youth Movement is different from the other youth movements in this country. Sir, to become a member of the M.C.A.

Youth Movement is not easy; you have to affirm first your loyalty to His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, to affirm your loyalty to this country; you have to affirm your loyalty to the M.C.A. and you have got to abide by all the rules; and last but not least you have to be a Federal Citizen.

I am surprised that these people should have attacked our Youth Organisation. Our youths have been trained in civic matters and their leaders are sent to the Morib Centre to get the best training, so that they can form the nucleus of the Youth Movement for the whole of this country. Further, we have to defend ourselves today. I say so because when I was campaigning in Alor Star strong arm methods were used against our people, against our women folks—and, I repeat, that is why we have got to have a very strong Youth Movement to see that this sort of thing is not done. Even recently at Bedong, when there was a by-election, gangsters and thugs were sent to the town to intimidate our people and we had to send our youths from Selangor by the truckful—also from Kedah and from Penang—to protect our voters, so that they could come out from their houses to vote. Intimidation was so strong that even housewives had to shut their doors—they could not come out to vote because they were afraid. May I suggest to the leader of the Peoples' Progressive Party that he is lucky today that there is the M.C.A. Youth Section to protect him (*Laughter*)? We are civic conscious, we are the people who are trying to form a new nation, and I hope he will not bring allegations against our Party when the Leader is in the Upper House and cannot answer him.

Finally, Sir, I would like to end my speech by quoting from the Speech of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong:

"The achievements of the past, and still more the achievements which we hope to accomplish in the coming years, will depend in a large measure upon the maintenance of that spirit of tolerance, understanding and goodwill between the main racial groups in this country which is so characteristic of this happy land of ours. If these qualities which have served us so well in the past can continue into the future, then, with God's help, I see no reason why I should

not be able in the years ahead to come before you again with the same message of glorious fulfilment and sober confidence."

I hope that this message will sink into the heads of the Opposition leaders. Thank you. (*Applause*).

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Dato' Yang di-Pertua, saya suka hendak berchampur pada hari ini berchakap dengan sahabat saya dalam Dewan ini. Dalam saya menyokong usul yang di-bawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Dato' Thuraisingham pada pagi ini tadi berkenaan dengan ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 19 haribulan April yang lepas. Baginda ada bertitah dan dalam titah-nya itu baginda ada menyatakan yang ia suka mengambil berat lagi tentang hal ehwal orang² Asli ia-itu kaum saya dari segala segi terutama tentang segala pelajaran, kehidupan, bantuan² yang akan di-tambah lagi. Sangat menarek perhatian saya dan saya ucapkan ribuan terima kaseh tentang ucapan Duli Yang Maha Mulia itu. Saya takut orang² saya bertambah bodoh lagi, kerana baharu² ini apabila chukop masa-nya Parti PPP yang umur-nya 3 tahun, saya nampak sendiri dalam bandar Ipoh, dia panggil orang² saya lebeh kurang sa-bagai yang di-taksirkan dalam surat khabar ada dua tiga ratus orang, tetapi saya nampak ada dalam dua tiga puluh orang. Saya takut bagini: Orang² saya ini, saya katakan di-ibaratkan macham kerbau, takut kalau chochok hidong di-buboh tali (*Ketawa*). Sungguh pun orang² saya sememangnya, kalau orang yang kuno² itu memang ada lobang hidong-nya—buboh tali sahaja, barangkali sahabat saya Yang Berhormat Dato' dari Pahang, dia tahu perkara itu (*Ketawa*). Jadi saya nampak hal ini yang orang² ini berlagak, sepatutnya Ketua PPP elok-lah orang² yang sudah sepatutnya bodoh bagitu, orang² yang miskin di-buboh-nya dalam kenderaan. Ini di-suroh-nya berjalan kaki dengan membawa buloh sumpit dan lagi terbuka peha²-nya—pakai chawat. Jadi itu-lah yang saya takutkan, dan saya menuntut kepada Kerajaan Persekutuan ini elok-lah mengajarkan lagi, menambahkan pelajaran mereka supaya jangan di-kuno²kan orang. (*Tepok*).

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong ucapan terima kaseh di atas titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah saya rasa, dalam titah-nya itu memberi kita satu lambaran baharu dalam perkara membangunkan negara kita yang baharu merdeka ini kedepan sa-tapak lagi. Saya rasa pada keseluruhan-nya titah ucapan itu ada-lah mengandungi banyak perkara² yang penting dan insha' Allah dapat dilaksanakan dengan kerjasama segala gulongan ra'ayat negeri ini dan ia-nya akan memberi faedah yang chukop baik dan besar pada ra'ayat dan negeri ini. Chuma satu sahaja yang saya rasa ketinggalan dan ini-lah yang saya rasa patut di-ambil berat benar² oleh pehak yang berkenaan ia-itu perkara, yang telah di-bangkitkan juga oleh Yang Berhormat Enche' Amaluddin dalam perkara penggunaan Bahasa Kebangsaan. Dalam perkara ini nampak-nya tidak di-bangkitkan dalam titah ucapan ini dan sa-bagai sa-orang, yang saya rasa, telah berkali² berchakap sama ada di-Dewan ini atau pun waktu saya berada dalam Dewan Undangan dahulu, berkenaan dengan perkara pelaksanaan Bahasa Kebangsaan ini. Saya rasa tidak-lah boleh sama ada sechra langsung, atau pun tidak langsung di-tinggalkan, dengan tidak di-sebutkan langsung, dan sebab itu-lah saya mendesak dengan sekuat²-nya supaya perkara ini di-ambil pandangan yang berat dan saya perchaya dari mana gulongan juga dan dari mana badan politik juga ada-lah menyokong tuntutan² yang tidak pun berbangkit salah faham antara satu sama lain dengan kita.

Tetapi dalam perkara ini saya terdengar tadi Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus ada membangkitkan berkenaan dengan ucapan saya pada masa yang sudah dalam perkara Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau merasa kurang senang oleh sebab konon-nya akibat daripada perchakapan saya dahulu telah menyebabkan sa-orang daripada anggota PAS yang bekerja dalam Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-berhentikan. Saya sendiri terkejut apabila mendengar perkara itu oleh kerana saya tidak-lah

bertujuan sa-kali² perkara politik itu di-bawa²kan pula dalam perkara men-chari kehidupan. Jadi ini-lah satu perkara yang saya rasa mustahak saya betulkan dan juga mustahak kekeliruan yang saya nampak memang berkali² di-amalkan oleh yang berhormat itu, di-betulkan sa-bagaimana juga yang telah di-betulkan oleh Yang Berhormat Nik Hassan tadi.

Saya mendapat tahu bahawa orang yang berkenaan ini memang-lah telah di-berhentikan mulai daripada 1-5-61. Tetapi ini tidak-lah kena mengena langsung dengan perkara yang saya bangkitkan itu kerana apa yang saya tahu beliau ini telah di-ambil sa-chara contract sa-lama 3 tahun dan habis tempoh-nya pada 31hb January. Tetapi dengan kebaikan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ia telah memberi notis sa-lama 3 bulan ia-itu untuk membolehkan beliau ini, dalam tempoh 3 bulan tadi, menchari lain² pekerjaan di-luar. Maka dengan sebab itu-lah saya dengan kuat-nya menafikan bahawa pemberhentian orang ini tidak ada kena mengena dengan ucapan saya itu dan itu ada-lah di-sebabkan oleh sudah habis contract.

Saya harap tidak-lah kekeliruan yang di-bangkitkan oleh Enche' Amaluddin tadi menjadi satu perkara politik pula.

Dalam perkara Pembangunan Luar Bandar dan juga kemajuan² kapada negeri² di-Tanah Melayu ini, saya rasa tempat saya datang ia-lah negeri Trengganu—negeri ini ada-lah sangat mustahak sa-kali menerima ranchangan² kemajuan ini. Maka itu-lah sebab-nya saya rasa statement yang saya baca dalam Utusan Melayu ada mengatakan pehak Kerajaan Persekutuan bersetuju hendak mengadakan jambatan dalam negeri ini di-Jerteh, di-Dungun dan di-Bukit Kuang. Dan saya harap ranchangan itu akan dapat di-jalankan dengan sa-berapa segera. Chuma satu yang saya nampak ketinggalan di-sini, ia-itu hendak-lah di-buat sa-buah jambatan supaya dapat menggantikan peri di-Sungai Marang. Jadi saya desak-lah dengan kuat-nya supaya peri itu di-gantikan dengan jambatan.

Saya percaya dengan kerjasama Kerajaan Pusat dengan memberi

bantuan yang bagini akan memberi faedah yang besar kapada ra'ayat dan juga kapada Tanah Melayu seluroh-nya, kerana daripada hasil jalan raya, lalu lintas, akan memberi keuntongan dan hasil yang berlipat ganda yang memberi faedah kapada Tanah Melayu seluroh-nya. Saya juga menarek pandangan bukan sahaja dengan perkara peri di-Negeri Trengganu yang h e n d a k di-gantikan dengan jambatan, sa-bagaimana kenyataan Kementerian Kerja Raya baharu² ini, tetapi satu perkara yang menyebabkan rasa tidak puas hati orang² di-sana ia-lah berkenaan dengan chara perjalanan peri itu. Pertama sa-kali ia-lah keadaan peri di-Losong; mengikut surat khabar di-dalam tempoh yang akhir ini ada beberapa kejadian² yang boleh mengakibatkan kematian. Bahkan baharu² ini saya dapat tahu beberapa buah kenderaan yang naik peri itu telah tenggelam kerana peri itu bochor. Nasib baik juga orang² yang di-dalam peri itu dapat di-selamatkan. Maka perkara ini saya harap-lah dapat satu pandangan yang sunggoh² daripada Menteri yang berkenaan. Oleh kerana dengan chara kerosakan ketenggelaman yang bagini ada-lah bukan sahaja membahayakan orang² yang datang ka-sana tetapi juga membawa akibat yang chukup besar terutama nyawa orang².

Satu lagi ia-lah chara atau keutamaan menggunakan peri. Saya tidak-lah hendak membedza²kan memberi keutamaan kapada Ahli² Parlimen dan juga orang² yang mustahak dapat priority menggunakan peri lebeh dahulu. Apabila mereka itu ada perkara² yang mustahak saperti hendak pergi meng-hadhiri meshuarat dan lain²-nya. Dan juga mereka memberi keutamaan kapada pemerintah atau kapada raja² atau kapada Menteri² yang datang melawat. Tetapi apa yang saya harap mendapat perhatian jangan-lah oleh sebab hendak memberi keutamaan itu kadang² boleh melampau² dan ini membangkitkan satu chara tidak puas hati dan di-benchi oleh ra'ayat kapada pehak yang berkenaan. Mithal-nya dua tiga bulan yang lalu peri Kemaman telah di-berhentikan daripada berjalan dari pukul 12.00 tengah hari sampai pukul 3.00 petang, oleh sebab dapat tahu

ia-itu Yang Teramat Mulia Raja Muda Trengganu hendak bertolak ka-Kuala Lumpur daripada Trengganu dan saya dapat pada hari yang lain peri Kemaman ini juga di-berhentikan daripada pukul 12.30 sampai pukul 1.00 lebeh kerana perkara yang sa-bagini juga. Saya tidak-lah hendak membangkitkan perkara memberi keutamaan kapada Raja Muda atau kapada Menteri² atau Tuan-ku, tetapi apa yang saya kluatirkan ia-lah memberhentikan-nya dengan masa yang panjang sa-bagitu pada hal orang yang di-tunggu itu pula tidak mahu lalu, boleh jadi beliau singgah di-Rest House makan minum dahulu. Jadi bagini saya rasa melampau² lama menggunakan masa memberhentikan peri itu dan akan mengakibatkan beberapa buah motokar sampai dua jam dan tiga jam menunggu kerana peri tidak di-jalankan.

Apa-lah salah-nya jika satu tindakan atau chara yang dapat menyenangkan ra'ayat dapat di-jalankan dengan betul? Dan saya harap mendapat tahu siapakah yang berhak boleh memerintahkan peri itu berhenti, Polis-kah, Pegawai Daerah-kah atau Jurutera Kerja Raya-kah? Sebab saya kata bagitu ia-lah apabila saya tanya, mereka itu tidak tahu siapa yang berkuasa; yang menanggung derita ia-lah ra'ayat sakalian.

Dalam perkara ini saya suka menta'kek atau menguatkan ia-itu janganlah berbangkit kekeliruan mengatakan yang saya ta' suka keutamaan di-berikan kapada Raja² dan Menteri²—tidak. Tetapi saya harap keutamaan itu di-beri pada masa-nya, dan tidak-lah sampai dua tiga jam dengan membazir dan sia² bagitu sahaja.

Yang Berhormat Enche' Amaluddin ada berchakap tentang Titah Seri Paduka Baginda ia-itu Baginda berasa sukachita melihat kebaikan dan kemasraan di-antara Ahli² Parlimen sakalian. Pada fikiran saya perkara itu memang mustahak di-perangsanng dan di-perkuatkan lagi supaya dengan chara itu-lah sa-buah negeri yang pemerentahan demokrasi berparlimen dapat berjalan dengan baik. Tetapi apa yang saya muskilkan ia-lah dalam ucapan-nya beliau telah menunjokkan sa-olah²

kita daripada pehak parti pemerintah chuba hendak mengadu-lumbakan di-antara Ahli² Parlimen. Padahal daripada pengalaman² dan chontoh² yang terang saya nampak memang banyak daripada Ahli² Parlimen, daripada parti pembangkang-lah yang chuba membuat berbagai² chara untuk menjauh dan membangkitkan pertelengkahan di-antara Member of Parliament.

Di-Kuala Trengganu mithal-nya, kalau saya tidak salah sa-bulan yang lalu, sa-orang Member of Parliament—saya sebutkan nama-nya ia-itu Yang Berhormat Enche' Zulkiflee bin Muhammad, Timbalan Yang di-Pertua Agong PAS.—beruchap di-padang Maziah; satu daripada ucapan-nya ia-lah berkenaan dengan perkara Selatan Siam. Saya tidak mahu berchakap tentang dasar sama ada kita patut masok champor tangan di-atas hal itu, atau tidak, tetapi di-atas chara beliau itu berchakap, dengan terang beliau membangkitkan perasaan kemarahan dan benchi-membenchi di-antara kita sama² kita. Beliau telah berkata memang Tengku Abdul Rahman tidak bersetuju kita champor tangan tentang hal Selatan Siam. Sebab apa? Sebab ibu Tengku orang Siam. Ini kata² Enche' Zulkiflee bin Muhammad yang tidak boleh di-napikan. Dan saya chabar ahli PAS. yang ada dalam Dewan ini Yang Berhormat Haji Abbas mithal-nya, boleh bangun menidakkan perkara itu. Kerana beribu² orang mendengar yang Enche' Zulkiflee bin Muhammad telah mengatakan sebab Tengku Abdul Rahman tidak mahu champor tangan tentang hal Selatan Siam ia-lah kerana ibu-nya orang Siam. Padahal Enche' Zulkiflee bin Muhammad tidak sedar di-Trengganu sa-hingga orang yang "paling tinggi" di-negeri Trengganu itu ibu-nya siapa? Orang Siam. Jadi ini bukan sahaja membangkitkan kemarahan antara orang berpolitik tetapi membangkitkan kemarahan di-berbagai² kalangan di-sebabkan kata² yang chelupar bagitu. Saya rasa ini-lah yang mustahak di-ketahui ia-itu banyak ucapan dalam Parlimen ini bukan main manis, bukan main bagus, tetapi apabila keluar telah berpaling tadah; manis di-luar, pahit di-dalam. Itu-lah chara-nya.

Yang Berhormat Enche' Amaluddin tadi pula menyatakan tidak puas hatinya kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyatakan dalam perkara kemajuan luar bandar ini "Trengganu dan Kelantan" tidak menjalankan ranchangan pembukaan tanah, yang pada pandangan-nya tidak mustahak di-sebutkan. Saya rasa perkara ini ada-lah satu perkara yang nyata, satu perkara yang memang besar faedah-nya kepada ra'ayat. Jadi memang sa-wajar dan mustahak Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengeluarkan Titah yang sa-benar-nya terjadi, ia-itu "Kerajaan² Kelantan dan Trengganu" tidak menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar dalam perkara pembukaan tanah. Dan ini saya memang tahu sebab dengan terang² di-perchakapkan oleh Menteri Besar Trengganu. Kerana dalam masa rapat umum yang di-hadhiri oleh Enche' Zulkiflee bin Muhammad tadi juga, Menteri Besar itu terang² mengatakan, "Kita tidak dapat menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini. Sebab, mithal-nya, emak saya menjual gambar di-Jerteh kata-nya, kalau Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini diterima, Kerajaan hendak buat rumah tiga tingkat di-Jerteh pada masa ini, emak saya terpaksa pergi ka-darat, lari ka-hulu dan ka-hutan." Ini chakap beliau. Satu hujah yang bagini saya tidak tahu hendak fikirkan, tetapi ini-lah chakap yang terang kita boleh timbangkan sendiri ia-itu perchakapan yang dikeluarkan oleh Menteri Besar Trengganu, Enche' Daud Samad.

Sudah-lah bagitu, dari puncha yang bertanggonng jawab di-Trengganu, mithal-nya, telah beberapa kali diadakan meshuarat Pembangunan Luar Bandar peringkat negeri, yang Pengerusi-nya mesti-lah Menteri Besar, dan pada bulan yang lepas meshuarat diadakan waktu malam, Menteri Besar-nya jangkakan hendak hadir—di-chari pun tidak jumpa. Ini-lah keadaan yang mesti jangan di-kelirukan, ia-itu bukan sahaja Kerajaan yang di-sebutkan tadi tidak menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, tetapi terang² tidak menyokong keseluruhan Pembangunan Luar Bandar ini dengan bukti² yang Menteri Besar Trengganu

telah beberapa kali tidak hadir dan tidak mengambil peduli meshuarat Ranchangan Pembangunan Luar Bandar peringkat negeri di-Trengganu.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada satu perkara yang saya harap dan minta perhatian yang besar daripada Kerajaan Persekutuan ia-itu negeri Trengganu ia-lah sa-buah negeri yang tidak mempunyai perkhidmatan keretapi. Perkara ini telah saya bangkitkan dalam masa Majlis Meshuarat Undangan dahulu, dan Enche' Da Jalil juga telah membangkitkan pada masa yang lalu. Jadi saya nampak jikalau Kerajaan bersedia hendak mengadakan lapangan kapal terbang yang baharu dan berbagai² lagi yang memakan belanja berpuluh juta ringgit, maka saya rasa mengadakan satu jalan keretapi ka-Trengganu ada-lah juga satu perbelanjaan sa-banyak itu boleh-lah juga di-jalankan.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 2.30 p.m.

(Mr. President in the Chair)

THE YANG DI-PERTUAN AGONG'S SPEECH

Address of Thanks

Debate resumed.

Question again proposed.

Enche' Abdul Hamid bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri memberi pandangan dengan sepenohnya di-atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam persidangan Parli-men yang baharu lepas dan saya dapati dalam ucapan Baginda ada-lah mengandongi semua perkara yang mana kita semua telah membacha dan faham, dan beberapa orang Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini telah pun memberi ucapan tahniah di-atas ucapan Baginda itu. Saya rasa sepatut-nya-lah kita Ahli² Dewan ini memberi ucapan tahniah setinggi²-nya kepada ucapan Baginda itu. Dalam beberapa perkara yang terkandung dalam ucapan Baginda itu, saya suka memberi pandangan saya yang berat sekali ia-itu dalam hal pelajaran. Dalam ucapan Baginda

ada menerangkan bahawa pada tahun hadapan pelajaran perchuma akan di-jalankan pada semua sekolah² rendah di-Persekutuan Tanah Melayu. Ini adalah satu chita² idaman ra'ayat yang lama berkehendakkan supaya pelajaran anak² mereka yang dahulu-nya di-beri dengan perchuma hanya di-Sekolah² Melayu sahaja, dapat di-berikan di-sekolah² yang lain. Maka sudah sampai masa-nya, patut bagi Kerajaan kita melaksanakan ranchangan memberi pelajaran dengan perchuma pada tahun hadapan itu, mudah²an dengan permulaan ini akan membawa kejayaan yang tinggi bagi pelajaran semua ra'ayat kita di-seluruh Persekutuan Tanah Melayu.

Yang kedua, berkenaan d e n g a n bahasa penghantar. Bahasa penghantar akan di-jalankan juga pada tahun hadapan dengan menggunakan bahasa Kebangsaan sa-bagai bahasa penghantar bagi semua sekolah² rendah, walau pun tidak di-jalankan dengan serentak. Kita perchaya pada akhir-nya Bahasa Kebangsaan akan di-jadikan bahasa penghantar bagi semua sekolah² Kerajaan dan sekolah² yang mendapat bantuan daripada Kerajaan dalam negeri ini.

Yang ketiga, dalam ucapan Baginda ada menerangkan, tahun hadapan juga guru² Melayu akan di-hantar bukan sahaja kepada sekolah² Kerajaan, tetapi akan di-beri juga kepada sekolah² yang mendapat bantuan. Ini satu dasar yang telah pun di-shorkan oleh Kerajaan Perikatan dalam negeri ini dan ini adalah satu kenyataan yang terang dan nyata dasar kita yang telah kita putus-kan, dan akan di-laksanakan. Lagi satu perkara yang saya perchaya boleh memberi akibat yang lebih baik pada negeri ini ia-itu-lah dasar hendak menjalankan Adult Education atau Sekolah Dewasa yang berupa kebangsaan. Pada masa yang lampau sa-benar-nya telah ada sekolah² dewasa di-merata² tempat, tetapi saya perchaya dengan langkah yang dahulu itu tidak dapat memberi kesimpulan kepada ra'ayat negeri ini yang sa-bahagian besar daripada-nya ada-lah buta huruf. Ini satu keinginan Kerajaan dan sangat patut serta menasabah kerana democracy dalam negeri ini tidak dapat berjalan dengan baik dan betul sa-kira-nya ra'ayat jelata di-kampong tidak tahu membaca dan

menulis. Kita tidak dapat menanti sa-hingga anak² yang ada pada hari ini dua tiga puluh tahun akan datang baharu democracy akan dapat berjalan. Dalam negeri kita ini dua pilihan raya telah berlaku dan kita dapati undi-nya yang kebanyakan tidak mengikut aliran fikiran-nya sendiri, tetapi maseh ada jalan pengundi² itu di-suruh mengikut kata² ajaran orang. Saya perchaya jikalau sakira-nya berjalan dengan betul-nya ranchangan sekolah dewasa pada masa yang akan datang ini boleh kita menchiptakan negeri kita ini menjadi satu negara democracy, aman dan ma'mur. Bagitu juga perkara yang besar telah berbangkit terutama sekali di-Pantai Timur tegas-nya negeri saya, Kelantan, berkenaan dengan murid² yang keluar darjah enam, pada hal umur-nya maseh kechil. Perkara ini menjadi satu soal jawab yang besar sekali, tetapi mengikut ucapan Baginda, umur budak² sekolah akan di-tambah daripada 12 tahun di-naikkan menjadi 14 atau 15 tahun. Ini ada-lah memberi satu pertolongan yang besar kepada kanak² sekolah, dan ini menunjukkan yang Kerajaan kita sentiasa memerhatikan, sentiasa memandangi, sentiasa menyiasat kedudukan² di-kampong², bukan sahaja bila kita tahu, kita terpaksa membuat dasar, kita terpaksa menjalankan dasar untuk memberi kesenangan di-bagi kepada ra'ayat.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih banyak kepada pihak Kementerian yang berkenaan yang telah membuat ranchangan-nya bagi menunaikan kewajipan yang sangat² di-kehendaki oleh ra'ayat. Bersabit dengan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, itu ada-lah satu ranchangan yang tepat dan jitu, ia-itu ranchangan yang di-kehendaki oleh seluruh ra'ayat dalam negeri ini yang kita akan siapkan untuk kebajikan dan kemasharakatan yang mustahak dalam ranchangan itu. Dalam ucapan Baginda mengatakan bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu telah berjalan dengan baik, terator di-seluruh Tanah Melayu, kechuali di-dua buah negeri di-Pantai Timur. Hal ini sunggoh mendukachitakan saya, kalau sakira-nya dua buah Negeri itu tidak menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, saya perchaya

itu bukan-lah niat, bukan-lah chita² Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak mahu menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar di-kedua² buah negeri itu. Dua buah negeri itu ada kuasa autonomy—kuasa memerintah sendiri dan kuasa pusat ada-lah memberi nasihat, memberi pertolongan kepada negeri itu untuk menjalankan ranchangan²-nya. Jadi dengan sebab itu, terpaksa-lah negeri itu terlebih dahulu membuat kemajuan, membuat dasar menjalankan ranchangan², kemudian akan mendapat bantuan daripada pihak Kerajaan Pusat. Sakira-nya negeri itu tidak membuat ranchangan-nya sendiri, tidak membuat plan, tidak menunjukan jalan yang ia hendak buat, tentu-lah pihak Kerajaan Pusat tidak dapat hendak menimbangkan bagaimana chara-nya hendak memberi bantuan kepada kedua² buah negeri itu. Jikalau sa-kira-nya ada fikiran yang mengatakan pihak Perikatan atau pihak Persekutuan Tanah Melayu tidak hendak memberi pertolongan kepada kedua² buah negeri itu, maka ini ada-lah satu perkara yang liar tidak menasabah, tidak patut.

Kedatangan rombongan Tun Abdul Razak baharu² ini ka-Kelantan sa-bagai Pemangku Perdana Menteri dan pada ketika itu juga sa-bagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, juga sa-bagai Menteri Pertahanan dan termasuk tiga empat orang Menteri² yang lain—kedatangan beliau ka-sana, saya nampak ada-lah mendapat sokongan yang penoh daripada ra'ayat di-mana sahaja ada perhimpunan maka penoh sesak dengan ra'ayat jelata datang terutama di-Padang Maziah penoh dengan perhimpunan ramai sa-bagai pertama kali ia datang ka-sana pada hari itu. Berbagai² poster di-hadapkan kepada Menteri² yang melawat itu. Poster² itu berbunyi: "Ra'ayat Kelantan menyokong penoh Ranchangan Pembangunan Luar Bandar". Jadi di-sini nampak dan nyata kalau sakira-nya kedua² buah negeri itu belum berjalan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, bukan-lah berma'na ra'ayat di-kedua buah negeri itu tidak mahu kepada ranchangan ini, tetapi tentu-lah halangan yang timbul di-antara dua kuasa—Pusat dan Negeri itu. Daripada apa yang saya tahu, bukan

saya menyokong Yang Berhormat Nik Hassan yang telah berchakap tadi oleh kerana saya datang dari satu kawasan, tetapi saya tahu benar, Tun Abdul Razak pergi tidak mendapat sambutan daripada Kerajaan Negeri Kelantan. Mereka tidak menyambut—saya tidak faham, apa-kah sebab-nya, tetapi saya perchaya kerana Kerajaan tidak menyebutkan, tidak memberi perhatian yang penoh terhadap lawatan Tun Abdul Razak, boleh jadi di-antara Negeri dengan Pusat berlainan faham dalam kemajuan Luar Bandar. Dengan berlainan faham ini, tentu-lah sulit bagi pihak Kerajaan Pusat menimbangkan bantuan wang.....

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat itu langsung tidak berkait dengan perkara usul terima kaseh, dan kenyataan yang di-beri itu nyata-lah berlawanan apa yang saya sebutkan itu. Kerajaan Kelantan ada-lah menyokong Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, dan tidak ada kena-mengena dengan ucapan yang di-buat oleh Yang Berhormat itu.

Enche' Abdul Hamid bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap di-atas ranchangan Kemajuan Luar Bandar tepat dan terang Kemajuan Luar Bandar dalam negeri Kelantan tidak akan berjaya kalau tidak dapat sokongan yang penoh daripada Pusat. Oleh sebab saya tahu benar² berkenaan dengan ranchangan Kemajuan Luar Bandar di-Kelantan itu dan juga ranchangan hendak memberikan tanah kepada ra'ayat. Mana boleh hendak memberi sahaja tetapi tidak ada satu² pelan bagaimana hendak memberi kepada ra'ayat itu dan juga memberi bantuan kepada ra'ayat yang hendak membuka tanah itu. Pada masa penjajah dahulu apa ra'ayat hendak di-berikan, dan Kerajaan memberikan tanah kepada ra'ayat itu ikut ra'ayat hendak. Kalau dahulu boleh terbang sendiri maka sekarang terbang-lah sendiri, kalau dahulu buat rumah sendiri, sekarang buat-lah rumah sendiri, kalau dahulu demam kepialu sekarang demam kepialu-lah tidak ada siapa yang hendak mengambil perhatian.

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya suka

menjelaskan ia-itu ucapan itu patut-lah di-bawa kepada State Council negeri Kelantan bukan-nya dalam Dewan ini. Apa yang di-buat oleh Kerajaan Kelantan ada-lah mempunyai dasar²-nya sendiri bukan-lah buat semberono sahaja. Boleh juga saya tegaskan jangan di-kata mereka itu di-hutan kena demam kepialu kerana semua perawatan ada-lah di-lengkapkan dengan chukup bagi orang² yang masok di-dalam hutan itu.

Enche' Abdul Hamid bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap apa yang di-terangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak benar sa-kali². Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak membenarkan ia bangun, kerana saya berchakap tidak kena mengena dengan dia (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya ranchangan Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus berkata ra'ayat mahukan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar dan saya kata pun ra'ayat mahu Ranchangan Kemajuan Luar Bandar, mereka mahu saya pun mahu. Tetapi apa yang telah jadi, Kerajaan Kelantan tidak membuat Ranchangan Kemajuan Luar Bandar supaya Kerajaan Pusat mengambil pengetahuan dalam perkara ini. Kita tidak dapat mendesak Kerajaan Pusat dan kita mesti-lah mengikut peratoran. Mithalnya Kerajaan Pusat atau F.L.D.A. yang akan memberi bantuan wang dalam ranchangan untuk membuka tanah di-Kelantan. Tetapi itu ada syarat²-nya. Kalau hendak berhutang dengan cheti sa-kali pun ada syarat²-nya. Kalau hendak berhutang membeli motokar pun ada syarat-nya. Kerana F.L.D.A. tentu-lah ada mempunyai syarat² kerana hendak menyelamatkan wang² pinjaman itu supaya jangan bertabor di-beri ka-lain tempat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi pada hari ini saya berdiri di-sini memberi sokongan kepada Ranchangan Kemajuan Luar Bandar yang saya nampak ra'ayat Kelantan mahu. Jika sa-kira-nya pihak Kerajaan Kelantan tidak mahu menerima bantuan daripada pihak Persekutuan dengan mempunyai syarat² yang di-buat oleh F.L.D.A., maka pihak Pusat patut memberi satu Ranchangan Kemajuan Luar Bandar ia-itu ranchangan yang mustahak yang patut di-buat di-kampung² seperti jalan² raya

yang ada menembus jalan besar, ra'ayat mahu jambatan² kecil untuk menyambungkan kampung dengan jalan besar, dan ini ada-lah menjadi mustahak bagi Kerajaan Persekutuan memberi pertimbangan yang sa-harus-nya. Kerana Kerajaan Kelantan tidak akan dapat membuat-nya kerana Kerajaan ini kekurangan wang. Dia mahu buat tetapi tidak ada wang, kerana hasil 3 melion tetapi belanja 14 melion, jadi macham mana hendak menjalankan kerja²-nya. Kerajaan Pusat hendak menolong, tetapi Kerajaan negeri itu tidak mahu mengikut syarat² yang di-buat oleh Kerajaan Pusat.

Berkenaan dengan memberi bantuan kepada satu kampung baharu, RIDA telah memberi bantuan sa-banyak \$12,000, membuat satu jambatan; dahulu wang itu tidak chukup berkehendakkan lagi \$273 ribu, kita pergi berjumpa dengan RIDA tidak chukup estimate dan minta pula kepada Kerajaan Negeri tidak mendapat jawapan lagi, sedangkan orang ternanti² sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya suka berchakap berkenaan dengan apa yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, satu, berkenaan dengan tanah, ranchangan membuka jalan di-Dabang. Ranchangan ini saya telah berjumpa dengan State Engineer bertanya dan dia mengatakan bahawa lebeh kurang tujuh ratus atau lapan ratus ribu ringgit hendak membuka jalan itu. Semua benda² ini hendak-lah pihak negeri buat dahulu; apabila negeri telah buat berma'ana negeri itu mahukan jalan itu dan pada masa itu baharu-lah dapat Federal memberi bantuan, jadi sekarang kita tidak boleh salahkan Federal kerana dalam tiap² perkara State itu hendak-lah membelanjakan dahulu. Sa-kira-nya jalan² sudah dibetulkan neschaya Kerajaan Pusat akan menghantarkan wang yang di-janjikan. Chontoh-nya chuba kita lihat di-Ayer Lanas orang² di-sana berkehendakkan paip ayer, beberapa lama masa-nya dan akhir-nya pihak Pusat menghantarkan wang 180 ribu ringgit untuk membuat paip ayer di-Ayer Lanas. Tetapi apabila wakil² daripada PAS pergi di-sana ia m e n g a k u itu ada-lah ranchangan mereka. Ini ada-lah satu perkara yang

menjadikan salah faham di-pehak saya, pehak Perikatan yang boleh menjadikan keuntungan bagi pehak politik. Dalam Islam mengatakan bahawa sa-satu perkara yang kita beri itu kita tidak boleh mengaku nanti tidak ada pahala. Jadi Rancangan Pembangunan Luar Bandar bagi membuka jalan di-Dabang itu ada-lah rancangan dan bantuan Kerajaan Pusat. Kedua rancangan di-Sungai Grik sa-bagaimana yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat tadi berkenaan dengan rancangan membuka tanah bagi bekas² Pasokan Ashkar atau Pasokan Keselamatan, di-situ tidak ada siapa yang memberi bantuan dan tidak ada siapa yang pergi melihat, yang menolong-nya ia-lah FLDA dan dia ada beri pinjaman wang sa-banyak 70 ribu ringgit dan baharu-lah orang² di-situ bernapas. Kerajaan Pusat hendak memberi bantuan tetapi hendaklah ada bersyarat dan syarat² itu Kerajaan Negeri tidak mahu menerima kerana bantuan² itu mesti-lah melalui jalan² yang di-setujui oleh Kerajaan. Oleh itu tidak dapat-lah hendak mengatakan pehak mana yang bersalah, pehak mana yang patut bertanggungjawab bahawa orang² di-sana itu tidak mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya dukachita mendengar ucapan Yang Berhormat Enche' Amaluddin bin Darus tadi mengatakan pehak Kerajaan Pusat telah membuat rancangan bersangkut dengan Undang² Tanah-hendak menyatukan Undang² Tanah sa-Malaya dan rancangan itu ada-lah satu chara hendak mencentralisekan wang tanah dengan State, jadi semua-nya akan menjadi hak Pusat. Saya sangat tidak puas hati berkenaan dengan pendapat itu. Kita tahu negeri kita itu kechil chum^a 50 batu persegi sahaja. Chadangn kita hendak memajukan semua tempat² menjadi satu tempat yang boleh keluar semua kekayaan bumi-nya untuk mendapat kema'amoran kepada semua ra'ayat, sebab itu patut-lah Undang² Tanah di-serupakan. Tetapi itu ada-lah kekuasaan bagi tiap² negeri, itu ia, dan dalam Perlembagaan pun ada mengatakan bahawa hal tanah itu ada-lah kuasa-nya di-tangan Kerajaan Negeri. Chita² pehak Kerajaan Pusat sa-benar-nya ia-lah hendak menyatukan

hal tanah bukan-lah hendak merampas, tetapi hendak menyempurnakan bagi negeri² yang belum sempurna.

Sa-perkara lagi, berhubung dengan Dewan Bahasa dan Pustaka yang mana saya terpaksa berchakap, saya rasa sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu Dewan Bahasa ini, kemajuannya, tentu-lah kita tidak dapat sukat, melainkan kita selideki, menyiasat, melawat, pereksa dan bertanya satu persatu kerja²-nya saperti buku² dan sa-bagai-nya. Jadi tuduhan Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan tidak nampak satu bekas dan jasa sa-lama Dewan Bahasa dan Pustaka itu di-buka sa-hingga hari ini tentu-lah saya berasa dukachita. Kita mengeluarkan wang beratus ribu ringgit kerana memajukan Dewan Bahasa ini, tetapi Member of Parliament sendiri tidak tahu apa yang di-buat dan apa jasa² Dewan Bahasa itu. Jika orang luar dari Parlimen dan orang luar negeri mengetahui, tetapi kita sendiri tidak tahu hal² dalam Dewan Bahasa tentu-lah kita malu, apa-tah lagi bagi kita Ahli² Parlimen. Saya mengshorkan kepada Ahli² Yang Berhormat Dewan ini melawat dan bertanya tentang Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya berasa mashghol apabila Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, sa-orang Pegawai Tinggi UMNO. Saya bukan membela dia, tetapi sa-suatu jawatan itu, di-letakkan kepada sa-saorang, setelah kita fikirkan, ia ada-lah layak. Pengarah Dewan Bahasa, dahulu orang lain ia-itu Ungku Aziz, yang menjadi "founder" Dewan Bahasa dan Pustaka walau pun sa-kejap tetapi jasa-nya tidak boleh di-lupakan sampai bila².

Sekarang saya hendak berchakap tentang Hal² Luar Negeri. Sa-bagaimana yang di-terangkan, dasar Luar Negeri kita bebas, ma'ana dasar bebas itu kita tidak terikat, kita boleh sokong mana² negeri dalam dunia ini. Tetapi kita mesti ingat, walau pun kita sokong dasar negeri² luar tentu-lah dasar yang kita sokong itu sa-chuchok dengan pendirian Kerajaan dan sa-chuchok dengan negeri kita yang kechil ini dan sa-chuchok pergantungan kita kepada dunia ini. Kalau Russia berfahaman lain, Indonesia berfahaman lain dan India berfahaman lain, kita tidak boleh mengikut

mana² negeri pun, melainkan dasar itu benar² boleh membena kedudukan negeri kita yang kecil ini. Negeri kita kecil seperti pelandok, boleh dipijak²kan oleh gergasi dunia. Kalau kita tidak pandai meletakkan diri kita di-mana kita patut ada, nescaya hanchor-lah negeri kita yang kecil ini, di-mana di-duduki oleh berbagai² bangsa dan ugama.

Saya puji Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sebab dalam memilih dasar luar negeri beliau sungguh bijaksana; apa yang di-buatnya itu berjaya, kejayaan-nya itu-lah yang kita panggil bijaksana. Mithal-nya, negeri lain menarek balek askar-nya dari Congo seperti Indonesia, Masir, tetapi Malaya berkata; sa-kali kita menyokong Bangsa² Bersatu kita sokong sa-lama²-nya. Hasil dari penyokongan kita itu telah mendapat pujian, sekarang baharu nampak; dasar kita bebas untuk memberi kebajikan dan mengharumkan nama negeri ini. Itu-lah erti-nya bebas, bukan-lah erti bebas itu orang keluar kita pun keluar, dasar itu kita panggil dasar "pa' turut". Tidak-lah berma'ana apabila kita berbaik dengan Amerika, British dan Eropah Barat, kita tidak bebas—saya tidak berfikir begitu—bebas kita itu, kita boleh kata apa yang kita hendak kata. Sekarang saya hendak memberi satu contoh tentang dasar bebas kita itu ia-itu Afrika Selatan adalah sa-buah negeri Commonwealth, tidak ada sa-buah negeri pun dalam Commonwealth yang berani menentang dasar Apartheid seperti yang di-buat oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, sa-hinggakan negeri itu menarek diri dari menjadi anggota Commonwealth. Walau pun ia anggota Commonwealth, kita berani bertindak, biar ia keluar, asalkan orang lain selamat. Kalau kita terikat tentu-lah kita tidak berani buat; Kerajaan Inggeris pada masa itu tidak berani mengambil tindakan ka-atas Afrika Selatan itu, tetapi kita berani, berani kita itu kerana benar itu sebab kita berjaya.

Sa-lain daripada itu berhubung dengan negeri China. Dasar luar negeri kita mengaku supaya Negeri China masuk dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu, tetapi kita menyokong supaya Formosa

juga mendapat kedaulatan menjadi sa-buah Kerajaan, kita tidak boleh berkata Negeri China negeri besar dan Formosa negeri kecil tidak boleh jadi dua buah Kerajaan. Amerika berbahasa Inggeris dan British berbahasa Inggeris tetapi mereka menjadi dua buah Kerajaan. Itu sebab kita menyokong Formosa supaya menjadi satu Kerajaan walau pun penduduk-nya 10 juta tetapi ada mempunyai satu dasar pemerintahan kebangsaan yang sesuai dengan orang² Formosa; memang patut di-aku sebagai satu Kerajaan memerintah di-pulau itu. Manakala negeri China pula yang mempunyai penduduk 650 juta itu patut masuk ka-dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu supaya suara mereka dapat di-dengar dan hal yang berlaku dalam dunia ini pula dapat mereka memberi fikiran mereka, dan apa yang berlaku dalam pemerintah Negeri China itu dapat orang lain berbahath sama. Kalau dasar kita tidak bebas tentu-lah kita tidak berani membawa ranchangan itu, sebab Amerika tidak bersetuju Negeri China masuk ka-dalam Pertubohan Bangsa² Bersatu. Kita berchakap perkara yang benar walau pun kawan kita tidak bersetuju. Oleh itu, saya menyokong penoh Dasar Luar Negeri kita yang sa-chuchok dengan kedudukan negeri kita dan mendatangkan munafa'at kapada ra'ayat.

Bagitu juga berthabit dengan hal Cuba yang mana Ahli Yang Berhormat itu suroh kita champor tangan menyokong. Saya tidak bersetuju dengan fikiran beliau itu sebab kita tidak mempunyai muslihat dan perhubungan dengan Cuba seperti ekonomi dan lain². Jadi apa yang berlaku dalam negeri itu mana yang boleh kita beri pandangan dalam Bangsa² Bersatu, kita beri. Bukan mudah kita hendak menyokong sa-suatu negeri sa-belum kita tahu isi dan keadaan politik negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka berchakap tentang ulasan Enche' Amaludin tadi yang mengulas keterangan Tun Abdul Razak yang mengatakan tentera British dan Commonwealth yang ada di-Malaya tidak boleh di-hantar berperang ka-lain negeri. Saya tahu tentang perjanjian itu sebab saya dahulu Ahli Majlis Meshuarat Undangan. Dalam

perjanjian itu memang tidak ada menyebutkan Tentera Commonwealth yang ada di-Malaya ini boleh di-gunakan untuk melanggar atau menyerang mana² negeri. Dalam perjanjian itu ada disebutkan bahawa askar itu di-gunakan untuk mengawal negeri jajahan ta'alok British seperti Singapura, Brunei dan Sarawak. Tetapi berthabit dengan negeri Laos itu ada-lah negeri luar, jadi mengikut perjanjian askar Commonwealth yang ada di-sini tidak boleh di-gunakan menyerang ka-sana, dan kita memang ada mempunyai suara, kalau kita tidak bersetuju, kita boleh kata tidak setuju, apabila kita kata tidak bersetuju tentu-lah tidak boleh di-gunakan. Jadi saya tidak bersetuju mengatakan tentera British itu kuat dan ia boleh buat apa yang ia suka. British sahabat kita, kita berhubung dengan British sebab kemajuan kita walau pun ia mena'alok kita dahulu atau pun menjajah, tetapi bila sudah menjadi sahabat, kita harus berbaik², kita boleh kahwin dengan orang Inggeris seperti yang kita lihat dalam surat khabar sa-malam (*ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tentera Commonwealth yang ada di-Malaya tidak akan mengubah dasar yang ada dalam Perjanjian itu, sejak dari tahun 1957-1960 ia-itu 4 tahun lebeh tidak ada satu kekacauan pun dalam negeri ini. Kalau mereka buat kacau tidak ada siapa yang boleh mengubah, melainkan kita semua. Salagi mereka dudok dengan baik dan sa-lagi mereka memberi jaminan keamanan bagi negeri kita daripada serangan luar negeri, sa-lama itu-lah kita boleh bersahabat dengan mereka. Negeri² Jepun dan Inggeris ada-lah negeri² yang besar dan kuat tetapi Tentera Amerika ada di-sana, mereka tidak membuat kacau. Tentera Commonwealth yang ada dalam negeri ini tidak menjadi apa² pada kita sa-lagi kita dengan mereka berhubung rapat, sa-lagi kita tidak ada perselisihan faham dan sa-lagi ra'ayat negeri ini tidak bergaduh di-antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kian-lah ucapan saya untuk memberi sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kepada Titah

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Enche' Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ada-lah turut sama memberi sokongan penoh kepada usul yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Thuraisingham kerana memberi ucapan terima kaseh kepada ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa pembukaan Parlimen yang baharu sudah. Uchapan baginda penoh mengandongi berbagai² dasar yang penting bagi membayangkan jalan² yang akan di-lalui oleh Persekutuan Tanah Melayu bagi masa ini dan bagi masa yang akan datang ini. Dalam ucapan baginda yang panjang lebar itu di-antara perkara² yang penting ia-lah soal pembangunan negara ia-itu soal Pembangunan Luar Bandar dan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua yang telah pun di-anggarkan m e m a k a n belanja lebeh kurang lima ribu juta ringgit. Baginda sangat berharap kepada semua pihak untuk berusaha berlipat ganda dan memberi kerjasama yang bersungguh² bagi melaksanakan dan menyambut segala rancangan yang di-buat itu supaya mendapat kejayaan² yang sempurna yang akan tercapai chita² negara kita bagi hendak menaikkan taraf hidup ra'ayat negeri ini supaya lebeh tinggi. Menilik kepada kerjasama yang di-peroleh oleh Kerajaan pada peringkat sekarang ini, ada harapan besar bahawa semua rancangan² itu akan dapat di-jayakan dengan sempurna-nya bagi masa yang akan datang ini. Dengan yang demikian itu satu gambaran yang nyata telah terbayang bahawa Tanah Melayu ini telah di-bawa oleh Kerajaan bagi menuju satu kejayaan yang lebeh aman, berbahagia dan ma'amur, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa chukup churiga manakala melihat pihak² Parti Pembangkang yang ada dalam negeri kita pada masa ini di-mana pendirian parti mereka itu ada-lah bermuka² atau pun jelas saya katakan bermuka dua. Dalam Dewan² meshuarat—Dewan Ra'ayat atau pun Dewan Negara ini, mereka menyetujui rancangan ini dengan memberi sokongan di-atas Rancangan Pembangunan Luar Bandar umpamanya, tetapi pada masa di-luar Dewan ini

dalam rapat² umum, atau pun dalam perjumpaan mereka itu terus mengkeritik Ranchangan Luar Bandar ini dan menudoh bahawa Ranchangan Luar Bandar ini tidak memberi faedah kepada ra'ayat dan lain² lagi. Bukti dapat saya katakan, ini barangkali kita maseh ingat beberapa masa yang sudah ia-itu Enche' Zulkiflee bin Muhammad telah berchakap di-satu tempat di-negeri Pahang dalam rapat umum yang di-adakan di-sana bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu ada-lah menjadi sia-sia dan tidak menguntongkan pada ra'ayat, dan baharu² ini Enche' Ahmad Boestamam telah beruchap dalam Congress Front Socialist di-mana telah menudoh Kerajaan yang telah melaksanakan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, mengadakan jalan² raya, jambatan², ayer perigi dan sa-bagai-nya. Ini ada-lah semata² menguntongkan tengkolak² sahaja, sedangkan ra'ayat jelata ada-lah tertekan dengan berat-nya.

Enche' D. R. Seenivasagam beruchap dalam kampung baharu orang² China telah menda'ayahkan bahawa Ranchangan Pembangunan Luar Bandar yang di-lancharkan oleh Kerajaan pada masa ini ada-lah itu untuk kampung² Melayu semata², manakala kampung² baharu yang di-dudoki oleh orang² China, kata-nya tidak di-masokkan dalam ranchangan itu. Ini tidak-lah patut kata-nya, kerana chukai² yang Kerajaan perolehi dengan banyak-nya ada-lah datang daripada orang² China. Beliau itu pernah juga menegaskan dalam perjumpaan² ra'ayat yang kata-nya jangan-lah perchaya pada janji² Kerajaan hendak memberi tanah, kerana itu ada-lah gula² semata², akan tetapi pada masa ini di-tempat saya sendiri ada di-antara ketua² PPP di-tempat itu telah mengutip nama berpuloh² orang, dengan memakai list dan list itu di-hantarkan kepada Pegawai Jajahan bagi meminta tanah. Orang yang hendak champor ka-dalam list itu ada-lah di-kenakan bayaran di-antara 20-30 ringgit. Apakala Tuan Pegawai Jajahan memberi tahu kepada mereka bahawa chara pengeluaran tanah tidak lagi mustahak memakai list semacham itu, maka ketua PPP itu pun membuat hiboh dengan mengatakan Kerajaan Perikatan telah membohongi dan tanah

yang di-katakan hendak di-keluarkan kepada orang ramai itu ada-lah satu janji atau pun perkara palsu semata².

Sa-lain daripada mereka hendak menutup kesalahan mereka yang mengutip wang sa-chara haram itu maka sa-balek-nya mereka menudoh Kerajaan dan mereka chuba hendak menghanchorkan segala ranchangan Pembangunan Luar Bandar dan ranchangan pengeluaran tanah di-tempat itu. Chara² pehak pembangkang membuat perpeganda yang sa-demikian itu, Tuan Yang di-Pertua, meski pun berterang² mereka mengajak ra'ayat membantah ranchangan² Pembangunan Luar Bandar itu, akan tetapi mereka dengan tidak sa-chara langsung telah menarek ra'ayat supaya jangan perchaya kepada ranchangan Kerajaan itu. Dan sa-terus-nya supaya jangan memberikan kerjasama di-atas ranchangan² Kerajaan itu. Maka dengan yang demikian mereka berharap segala ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu akan gagal. Tudohan saya ini ada-lah menjadi sa-makin kuat lagi kebenaran-nya, Tuan Yang di-Pertua, manakala kita mengikuti sa-panjang persidangan Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara ini di-mana kita dapati tidak ada sa-orang pun daripada pehak Pembangkang itu menyuarakan sokongan dan akuan-nya atau mereka turut memberikan kerjasama-nya dalam menjayakan ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini. Sa-takat ini ada-lah ternampak dengan terang dan jelas bahawa pehak Pembangkang dalam negeri kita ini lebeh mementingkan meslihat politik mereka daripada muslihat ra'ayat di-negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, hendak-nya dalam masa kita bergerak hendak melancharkan pembangunan negara patut-nya-lah semua partai siasah walau apa faham pun dalam negeri ini sesuai dengan kehendak titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dapat memberikan kerjasama bagi menjayakan kemajuan² untuk kema'amoran negara kita.

Dewan ini daripada pagi hingga ka-petang ini kita telah mendengar bagaimanakah Kerajaan bagi dua buah negeri ini ia-itu Kelantan dan Trengganu yang telah di-kechualikan oleh Seri Paduka Baginda di-dalam ucapan-nya

dalam soal pembukaan tanah. Kita telah juga mengetahui bahawa dua buah negeri itu tidak mahu mengikut peratoran ranchangan yang telah di-sediakan oleh Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian bantuan² yang hendak di-beri oleh Kerajaan Pusat telah terbantut. Dengan tidak chukup-nya keewangan bagi negeri itu sendiri tentu-lah ranchangan² Pembangunan Luar Bandar bagi negeri itu tidak akan dapat di-tunaikan dan adalah menjadi angan² sa-mata². Alang-kah malang-nya nasib ra'ayat Trengganu dan Kelantan yang telah menjadi kurban politik partai yang memerintah negeri itu yang mereka itu mengharap-kan pada satu masa dahulu mereka mendapat ne'emat, tetapi telah menjadi sa-balek-nya pada masa ini. Pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, kemalangan nasib ra'ayat Trengganu dan Kelantan itu ia-lah menyebabkan yang di-antara-nya pada pendapat saya ia-lah dengan sebab degil-nya pemerentah di-negeri itu. Dengan kedegilan mereka itu daripada menerima ranchangan yang di-susunkan oleh Kerajaan Pusat ini, oleh sebab mereka takut bahawa pengaruh politik mereka di-negeri itu akan merusut manakala ranchangan² yang di-buat oleh Kerajaan Pusat itu jaya maka tentu-lah ra'ayat di-sana itu akan mengenang Kerajaan Pusat. Kedua, ia-lah kelemahan² yang ada berlaku di-dalam perjalanan pemerentahan kedua² buah negeri itu. Soal kelemahan yang berlaku dalam negeri itu memang-lah tidak asing lagi daripada pengetahuan ramai seperti berlaku-nya kebochoran² rahasia Kerajaan itu pada masa yang lalu.

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah perkara ini bersangkut paut dengan.....

Enche' Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ada berkaitan dengan hal ini kerana saya hendak menerangkan sebab² kedua buah negeri itu tidak dapat memberikan tanggungjawab-nya dalam soal ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, pada masa baharu² ia memerintah beberapa perkara yang berlaku di-sebabkan kelemahan-nya, h i n g g a Menteri Besar itu sendiri memberi amaran kepada pegawai² Kerajaan supaya berhenti kerja atau pun.....

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tidak bersangkut paut dengan perbahathan ini.

Enche' Ahmad bin Said: Jadi itu semua-nya, Tuan Yang di-Pertua, adalah menunjukkan bahawa kelemahan yang ada berlaku dalam negeri itu. Oleh yang demikian itu ada-lah merugikan ra'ayat di-kedua² buah negeri itu. Maka saya berharap-lah, Tuan Yang di-Pertua, supaya kedua² Kerajaan itu akan dapat membetulkan pemerentahan-nya dapat menerima ranchangan² yang telah di-ator oleh Kerajaan Pusat supaya dapat Kerajaan Pusat memberi bantuan bagi melancarkan pelaksanaan ranchangan² itu. Jadi ra'ayat dapat-lah merasa ne'emat dan tidak-lah terniaya bagaimana yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, manakala mengikut perbahathan sa-bagaimana dalam persidangan Dewan Ra'ayat baharu² ini saya berasa terkejut manakala mendengar Tuan D. R. Seenivasagam yang telah mendatangkan tuduhan² yang sangat kejam terhadap MCA ia-itu menudoh MCA membiakkan kumpulan kongsi gelap terdiri daripada pemuda² samsing². Tuan Yang di-Pertua tuduhan yang seperti itu memang kena pada tempat-nya jika di-letakkan pada PPR itu sendiri ia-itu partai yang di-anjorkan oleh Tuan D. R. Seenivasagam itu. Tuduhan pihak PPR itu ada-lah satu dua perkara sahaja tetapi ada sa-puloh dua puloh perkara yang membolehkan atau menzahirkan ada-nya PPR di-Perak itu boleh mengembangkan kumpulan kongsi gelap yang membiakkan samsing² di-sana. Tuan D. R. Seenivasagam telah menyebut bahawa Senator Enche' Yeoh Kiam Teik dahulu menjadi peguam dengan beberapa orang yang berkaitan dengan kongsi gelap itu. Malangnya, Tuan D. R. Seenivasagam sendiri tidak mahu menyebut yang diri-nya sa-bagai peguam telah menolong dengan perchuma lebeh daripada berpuluh² dan beberapa banyak kes² churi dan pechah rumah. Tuan D. R. Seenivasagam itu tidak sedar bahawa di-mana tempat yang di-tubuhkan chawangan PPR itu kumpulan² kongsi gelap di-tempat itu bertambah dan dengan sebab itu-lah kongsi² gelap itu telah menjadi berani

untuk mengugut, memukul dan membunuh kerana menchari wang. Enche' D. R. Seenivasagam ada menyebutkan bahawa satu tempat di-Perak Ketua Pemuda MCA telah tertangkap kerana ada berchampur dengan kongsi gelap, akan tetapi Enche' D. R. Seenivasagam itu terlupa mengingatkan bahawa kebanyakan pegawai² PPR itu ada-kah semua-nya bersih daripada berchampur dengan kongsi gelap itu.

Saya sendiri tahu ada pegawai yang memimpin chawangan PPR di-satu tempat dalam negeri Perak itu ada-lah terdiri daripada tokoh "bintang tiga" dan bekas orang yang di-tahan daerah. Kejadian² berlaku pada banyak tempat dalam negeri Perak ada-lah menunjukkan dengan jelas-nya bahawa PPR telah di-champori oleh kumpulan² gangster.

Pada suatu masa yang lalu dalam satu rapat umum yang di-adakan oleh Parti Perikatan di-bandar Ipoh di-mana Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman sedang membuat ucapan telah di-kachau oleh geng jahat. Manakala dalam rapat umum yang di-adakan oleh PPR tidak berapa hari sa-lepas itu satu kachau pun tidak berlaku—dan tidak pernah berlaku. Kita tidak pernah mendengar kereta besar Enche' D. R. Seenivasagam di-lontar dengan batu oleh sa-siapa dalam bandar Ipoh walau pun di-mana letak-nya, tetapi kita pernah mendengar bahawa penduduk² di-Menglembu telah berkurong pada malam hari kerana takut samseng, maka di-tempat ini-lah konon-nya menjadi kubu PPR yang kuat di-Perak.

Di-tempat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, manakala tertuboh-nya chawangan PPR, yang mana dahulu-nya tidak ada atau pun tidak besar pertubohan² geng, tetapi pada masa ini telah menjadi heboh, dan banyak mengganas dan beberapa case telah berlaku seperti pemukulan, membunuh dan sa-bagai-nya. Ada satu perkara ia-itu pemuda MCA sendiri telah menjadi kurban yang dahshat. Enche' D. R. Seenivasagam, Tuan Yang di-Pertua, membawa perkara tuduhan ini ka-dalam Dewan Ra'ayat pada masa ia-nya dan pemimpin agong PPR itu sedang bertanding dalam Pilihan Raya Majlis Bandar Ipoh di-mana pilihan raya itu

ada-lah akan menentukan hidup atau mati-nya PPR itu bagi masa yang akan datang; tentu-lah sangat bergoyang kedudukan Enche' D. R. Seenivasagam sekarang ini, apa lagi di-dengar khabar bahawa banyak daripada penyokong² nya dalam bandar Ipoh itu telah berpaling tadah, pisau yang ia sendiri menajami-nya itu harus akan memakan-nya balek.

Saya harap pihak Kerajaan akan dapat mengawasi dengan chermat-nya supaya parti² siasah dalam negeri ini sama ada apa parti sa-kali pun tidak menggunakan kongsi gelap itu menjadi kegunaan dan faedah politik mereka.

The Minister of Transport (Enche' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab pertanyaan Yang Berhormat Enche' Amaaluddin berkenaan dengan nama Port Swettenham. Yang sa-benar-nya, Kerajaan belum ada chadangan atau chita² sebab Kementerian saya pada hari ini sedang sibok hendak menjalankan ikhtiar supaya barang² boleh di-punggah dengan banyak dan mema'amorkan-nya dahulu. Dan apabila sampai waktu nama Port Swettenham itu hendak di-tukar, chadangan nama yang sesuai kita akan kemukakan, tetapi jangan-lah Klang hendak di-bawa sampai ka-Perak.

Yang kedua, sahabat saya Yang Berhormat Enche' T. H. Tan menyatakan berkenaan dengan barang² yang patut sampai di-pelabuhan Port Swettenham sekarang ini telah di-edarkan di-pelabuhan Singapura dan Pulau Pinang dengan kehendak saudagar² kapal. Yang sa-benar-nya, pihak ini telah berunding dengan saya supaya kapal² yang datang dari seluruh dunia itu tidak lagi menunggu dengan lama di-pelabuhan Port Swettenham. Kita berusaha dengan sa-berapa daya memunggah barang² itu dan juga bagi pihak keretapi memberi tambang istimewa kepada barang² yang di-turunkan di-Singapura dan Pulau Pinang supaya dapat di-punggah dengan lekas dan di-bawa naik ka-keretapi dan dapat di-sampaikan barang² itu ka-tempat yang tertentu. Jadi yang sa-benar-nya, pihak kapal seluruh dunia ini memberi kerjasama dengan

Kementerian saya dan saya menguchapkan terima kasih. Sa-lain daripada itu, pihak Kementerian saya dan juga pihak yang berkuasa pelabuhan telah membelanjakan beratus ribu ringgit untuk membanyakkan pembinaan jambatan yang membolehkan barang² itu di-punggah dengan lekas, dan Insha Allah akhir bulan May ini dan sebelum akhir tahun ini banyak lagi barang² akan di-punggah dengan segera.

Berkenaan dengan sa-buah Surohanjaya Pelabuhan Port Swettenham itu, Kementerian saya telah mengambil keputusan dan telah pun melantek sa-buah Jawatan-Kuasa yang di-pengerusikan oleh Raja Mohar, Setia-Usaha Kementerian Perdagangan dan Perusahan, dan pegawai² lain serta wakil dari pelabuhan untuk memberi pandangan dan pengakuan yang mu'tamat supaya pihak Kerajaan dapat menimbang dan menyiapkan sediakan chara, peratoran dan undang², sebab kita hendak jadikan pelabuhan yang bebas yang tidak lagi bersangkut-paut dengan keretapi. Saya ucapkan terima kasih di-atas nasihat Enche' T. H. Tan itu, dan saya harap apabila ada chadangan yang baik boleh-lah di-hantar kepada Kementerian saya supaya dapat ditimbang.

Sekarang saya hendak menjawab tentang perkhidmatan keretapi ka-Trengganu yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat Ungku Muhsein. Ahli² Yang Berhormat kedua² Dewan ini dan orang ramai barangkali sa-tengah²-nya ada menerima pertanyaan daripada Surohanjaya 3 orang pakar dari India—dengan ihsan Kerajaan India meminjamkan pakar² ini untuk menyiasat dari segala segi hendak membaiki dan meluaskan ekonomi serta membena keadaan perkhidmatan keretapi di-Tanah Melayu. Oleh itu, saya minta sabar sementara pakar² yang terkenal ini membuat keputusan² dan pengakuan² yang akan di-kemukakan kepada Kementerian saya, saya tidak dapat membuat apa² keterangan sekarang, sebab dari segi penyiasatan kita yang telah lalu hendak membuat jalan keretapi ka-Trengganu itu tidak ekonomi. Tetapi kalau Surohanjaya ini mengatakan kita patut mengadakan jalan

keretapi ka-Trengganu kita akan timbangkan perkara itu sa-mula. Walau pun begitu saya suka menerangkan kepada pihak² pantai timur Kementerian saya tidak akan “anak tirikan atau pileh-kasih”. Kita bukan hanya hendak memberi jalan keretapi bahkan perhentian kapal terbang juga kita akan ada ka-Trengganu, peruntokan-nya telah di-adakan sa-banyak \$130,000 untuk buat “rumah control”, ia mempunyai air-port kecil; ini akan memakan beberapa bulan lagi kerana musim tengkujuh kerja itu tidak dapat di-buat. Walau pun keretapi tidak sampai ka-sana, kapal terbang bukan jentera satu tetapi jentera dua akan sampai. Insha Allah, kalau Ahli² Yang Berhormat baik Dewan Ra'ayat mahu pun Dewan Negara kalau naik keretapi atau motorkar lambat dalam sedikit masa lagi boleh naik kapal terbang (*Tepok*).

Enche' Da Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil sedikit peluang dalam ucapan terima kasih di-atas Titah di-Raja dalam pembukaan Parlimen yang baharu lalu, dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang telah memberi jaminan bahawa kalau keretapi itu belum lagi dapat di-buat sekarang, tetapi di-chadangkan untuk membuat padang kapal terbang, ini saya rasa ada-lah satu keadilan yang di-beri oleh pihak Perikatan. Tuan Yang di-Pertua, saya berasa jemu mendengar perbalahan tentang Ranchangan Pembangunan Luar Bandar antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam Dewan ini. Ini berlaku di-Dewan Ra'ayat dan juga di-merata² tempat. Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini di-biar berpanjangan nanti sa-olah² Dewan yang mulia ini akan menjadi tempat bagi kempen politik. Saya tidak gemar bahawa Dewan yang mulia ini di-jadikan tempat kempen politik, bagi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar, seperti di-Bangsa² Bersatu telah jadi gelanggang politik antara kuasa barat dengan kuasa timur. Tetapi walau macham mana sekali pun, saya rasa ada-lah menjadi kewajipan saya untuk menerangkan kepada Dewan ini dan juga untuk menghapuskan kekeliruan

daripada apa yang di-katakan oleh beberapa Ahli² Yang Berhormat yang telah berchakap terlebih dahulu daripada saya. Sa-benar-nya Kerajaan Trengganu bukan-lah tidak menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu bahkan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar bagi negeri Trengganu telah pun berbulan² lamanya di-hantar untuk pertimbangan Kerajaan Pusat, tetapi sampai sekarang belum mendapat ketentuan sama ada ranchangan itu di-terima atau tidak. Sa-banyak 196 juta ringgit, kalau saya ta'salah, peruntukan yang di-minta oleh Kerajaan Trengganu daripada Kerajaan Pusat untuk pembangunan Ranchangan Kemajuan Luar Bandarnya bagi lima tahun yang kedua yang di-tentukan, dan ini-lah yang di-katakan belum dapat ketentuan lagi itu. Soal yang menjadi perselisihan dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar ini ia-lah soal dasar tanah. Dasar tanah pusat ini-lah yang menjadi perbezaan yang menimbulkan kata² bahawa negeri Trengganu atau pun negara PAS tidak menerima Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu. Yang sa-benar-nya dasar tanah ini-lah yang tidak di-terima oleh PAS. Saya rasa perselisihan itu bukan satu perkara yang besar, kalau-lah sechara perundingan dapat di-adakan, dan semua-nya, ini akan dapat di-selesaikan dan segala kesulitan akan dapat di-atasi. Dalam soal tanah Kerajaan Persekutuan mahu bahawa tanah² yang di-minta untuk Ranchangan Pembangunan Luar Bandar itu mesti-lah di-serahkan bulat² kepada Kerajaan Persekutuan, sedangkan kita mengetahui bahawa kuasa yang ada pada negeri itu hanya-lah atas tanah saja. Jadi kalau tanah ini di-serahkan kepada Persekutuan, apa-kah yang ada kuasa yang tinggal kepada negeri itu? Maka sebab itu-lah negeri itu mempertahankan hak yang telah terjamin dalam Perlembagaan bahawa hak tanah itu ada-lah hak negeri, Kerajaan Negeri sedia menerima FLDA dengan syarat seperti yang telah di-lakukan terlebih dahulu seperti Ranchangan Chalak atau Ranchangan Ayer Lanas, erti-nya ranchangan itu di-buka dengan nasihat pakar² yang di-hantar dari Persekutuan, tetapi kuasanya hendak-lah tinggal dalam kuasa Negeri, bukan-lah di-rampas bulat² dari

Negeri. Ini-lah yang menjadi soal yang besar. Saya rasa kalau rundingan itu di-jalankan dengan baik, tentu tidak ada perselisihan seperti yang ada pada hari ini. Saya harap pihak Kerajaan Persekutuan boleh membuat perundingan untuk mendapat ketentuan supaya perselisihan yang tidak memberi erti kepada ra'ayat—tidak akan memberi keuntungan kepada sa-siapa pun ini dapat di-selesaikan dengan aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, antara negeri² dalam Tanah Melayu ini, negeri Trengganu-lah negeri yang paling mundur sekali. Maka sudah sa-harus-nya-lah pula Kerajaan Persekutuan memberi sa-banyak² bantuan kepada negeri Trengganu itu agar dengan bantuan itu baharu-lah kemajuan negeri Trengganu itu dapat naik, dan dengan naik-nya kemajuan itu maka dapat-lah ra'ayat jelata negeri itu bertanding dalam kemajuan² dengan negeri² di-pantai barat. Mustahil, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah perbezaan dalam kemajuan ini maseh tinggal berkekalan seperti sekarang ini, mustahil saya rasa ra'ayat jelata negeri Trengganu akan berpuas hati dengan perjalanan Kerajaan Persekutuan, kerana mereka itu mengangap diri-nya di-anak-tirikan. Sa-bagai contoh, negeri Trengganu maseh kekurangan sekolah², bukan sa-haja Sekolah² Menengah, tetapi juga Sekolah Rendah yang juga kekurangan. Tetapi Kerajaan Persekutuan tidak begitu mengambil berat dalam masa-lah persekolahan ra'ayat di-Trengganu itu. Saya mendapat tahu bahawa sa-buah sekolah Post School Certificate akan di-adakan di-pantai timur, tetapi akan di-adakan di-Kuantan, pada hal sekolah itu untuk kegunaan bagi ra'ayat pantai timur termasuk Kelantan dan Trengganu. Kalau sekolah itu untuk di-pantai timur seluruh-nya, saya rasa sa-harus-nya klas itu di-adakan di-Trengganu, kerana di-situ menjadi pusat—pertengahan—di-antara Kuantan dan Kelantan, tetapi nampak-nya sengaja Kerajaan Persekutuan mengadakan di-Kuantan. Ini saya rasa mengechiwakan perasaan ra'ayat jelata di-negeri itu.

Bagitu juga dalam soal Pejabat Perubatan yang telah berkali² di-nyatakan bahawa negeri Trengganu maseh

kekurangan doctor², jururawat², staff nurse, maka ini juga maseh belum mendapat perhatian daripada Kerajaan Persekutuan. Sekarang pekerjaan melaksanakan kerja² perubatan sangat sulit di-Trengganu dan sa-harus-nya-lah ia mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Kesihatan terutama-nya tentang staff nurse dan nurse yang maseh tidak ada dan sekarang hanya bergantung kepada assistant nurse². Ini harus-lah, Tuan Yang di-Pertua, mendapat perhatian dari pihak Kementerian yang bersangkutan, bagitu juga di-Trengganu walau pun ada orang yang melahirkan anak, tetapi tidak ada sa-orang doctor Perbidanan pun ditempatkan di-sana, dan kira-nya berlaku sa-suatu kechemasan maka terpaksa-lah di-kejarkan ka-tempat lain bagi mendapatkan rawatan yang sesuai. Sabagaimana yang telah saya katakan bahawa negeri Trengganu ada-lah negeri yang paling mundur dan sakira-nya betul-lah dasar Kerajaan Perikatan itu dasar keadilan yang berdasarkan kepada "Right is might dan bukan-nya might is right" maka sa-harus-nya-lah di-beri bantuan untuk menyamakan taraf hidup penduduk² T r e n g g a n u dengan penduduk² negeri² lain yang makin bertambah maju itu—tetapi daripada apa yang berlaku dapat-lah saya katakan Kerajaan Perikatan menjalankan dasar keadilan "Might is right bukan-nya right is might". Ini-lah yang menjadikan puncha perselisihan di-antara Kerajaan PAS dengan Kerajaan Pusat. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam menuntut hak ini, saya rasa harus-lah Kerajaan mengadakan satu dasar yang tetap dalam memberi bantuan dan pertolongan kepada Kerajaan² Negeri itu seperti dasar yang di-pakai dalam Capitation Grants. Kalau satu dasar tetap seperti ini dapat di-adakan, tentu-lah tidak akan timbul kemushkilan kerana laku-nya telah terjamin, sebab Kerajaan Pusat tidak mengadakan satu dasar yang tetap, tetapi dasar pilih kaseh, itu-lah sebab-nya timbul kemushkilan dan tidak puas hati daripada Kerajaan² Negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan bahawa sa-harus-nya-lah Kerajaan Pusat mengadakan satu dasar yang tetap dalam pembahagian kemajuan negeri

dengan berdasarkan bahawa negeri Trengganu ada-lah menjadi satu anggota dari Persekutuan dan hasil yang di-bayar oleh ra'ayat jelata negeri itu juga termasuk dalam Wang Perkumpulan Kerajaan Pusat. Jadi ada-lah patut sekali satu dasar yang tetap seperti Capitation Grants itu di-adakan bagi memberi bantuan kepada tiap² buah negeri itu supaya dengan-nya segala keributan yang berlaku itu tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun sa-bentar tadi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memberi jaminan bahawa di-Trengganu akan di-perbaiki tentang transport, akan tetapi maseh saya dapati sampai sekarang di-Trengganu belum ada mempunyai satu Pejabat Transport. Ini ada-lah menjadikan kesusahan kepada ra'ayat Trengganu dalam urusan ini. Oleh itu saya harap Kementerian Pengangkutan akan memberi pertimbangan dalam perkara ini. Bukan sahaja Pejabat Transport itu yang kurang tetapi di-Trengganu ini segala²-nya dalam kekurangan, umpama-nya di-Pantai Barat kita ada mempunyai telecome yang memakai microwave, tetapi di-Trengganu Pejabat Telecome itu ada-lah merupakan seperti bangsal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya hendak menarek perhatian pihak Kementerian Buroh. Dalam negeri Trengganu telah ada Kesatuan Buroh didirikan dan telah pun di-registerkan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Kesatuan ini belum lagi di-akui di-i'tiraf oleh pihak majikan. Saya harap kira-nya pihak Kementerian Buroh dapat membetulkan perkara ini. Saya rasa elok-lah Kerajaan mengadakan satu undang² supaya tiap² Kesatuan Buroh yang telah di-registerkan oleh pemerintah itu mestilah di-akui oleh majikan. Kalau majikan tidak mahu mengaku Kesatuan Buroh ini berpanjangan saya takut akan berlaku pemogokan dan kalau-lah pemogokan ini berlaku maka akibat-nya burok sa-kali kepada ra'ayat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan Pusat dalam hal ekonomi ada-lah dua chara yang di-jalankan ia-itu satu chara di-jalankan dengan sa-chara free enterprise dan satu lagi dengan sa-chara

co-operative, maka oleh kerana dua dasar ekonomi yang bertentangan ini di-jalankan saya dapati berapa kerumitan telah berlaku sa-hingga berpuluh² buah co-operative terpaksa di-tutup. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, mustahil dasar co-operative boleh berjalan dengan lancar sa-lagi dasar free enterprise dalam lapangan itu juga di-benarkan berjalan bersama. Co-operative akan menjadi alat sa-mata² kapada free enterprise yang sa-makin hari sa-makin meluas dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ranchangan² kemajuan 5 tahun itu saya dapati bahawa soal yang di-utamakan oleh Kerajaan Pusat ia-lah berkaitan dengan membangunkan bangunan² yang chantek saperti mengadakan lapangan terbang yang chantek sa-kali di-seluruh Tenggara Asia. Kita mengetahui bahawa ra'ayat jelata di-kampong² maseh perlu di-bantu untuk memperbaiki taraf hidup-nya. Kita tahu bahawa penduduk² di-luar bandar pada hari ini sa-tengah-nya berpendapatan sa-banyak \$45 sahaja sa-bulan. Jika di-bandingkan dengan taukeh² yang mempunyai pendapatan sampai 50,000 ringgit sa-bulan. Bila di-bandingkan ini ada-lah sa-umpama langit dengan bumi perbedzaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kesihatan saya merasa bahawa di-dalam negeri Trengganu kurang rumah² kesihatan dan ini ada-lah menjadi kesusahan kapada ra'ayat untuk mendapat nasihat² daripada doktor² untuk kebaikan mereka itu dalam soal kesihatan. Saya telah memperhatikan juga daripada estimate 1961 ini saya dapati hanya beberapa perkara sahaja yang telah di-setujui untuk keperluan kemajuan² bagi negeri Trengganu. Maka ini-lah dasar-nya yang saya katakan membedza²kan antara Kerajaan yang berlainan pemerintah dalam negara kita ini. Dan dasar yang di-jalankan oleh Kerajaan ini ia-lah "might is right" kerana kalau-lah "right is might" maka tentu-lah Kerajaan akan beri kapada semua negeri² dengan tidak membedza²kan apa-kah faham politik yang memerintah negeri itu. Jadi saya harap dalam chara pemerintahan jangan-lah hendak-nya soal² politik itu di-masok²kan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat ketahu² ia-itu sa-buah Jabatan Khas Penerangan akan di-adakan. Dan tujuan Jabatan Khas Penerangan ini ada-lah di-tujukan untuk memberi penerangan berkaitan dengan ugama Islam. Saya merasa sangsi ada-kah ini bererti Kerajaan Pusat hendak merampas kuasa² Duli Yang Maha Mulia Raja² Melayu kerana hak ugama itu mengikut Perlembagaan negeri ini ada-lah dalam tangan Duli² Yang Maha Mulia Raja², dan dengan tertuboh-nya satu Jabatan Khas Penerangan ini saya bimbang sa-olah² Kerajaan Pusat chuba hendak merampas kekuasaan Duli² Yang Maha Mulia Raja² yang termaktub di-dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya insaf bahawa baharu² ini satu Pusat Ekonomi telah di-tubuhkan dalam Kementerian Perdagangan dan oleh kerana baharu-nya persetujuan itu saya rasa tentu-lah kita belum dapat melihat apa-kah suatu usaha akan di-jalankan bagi menaikkan perniagaan orang² Melayu. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa harus-lah Kerajaan sedar bahawa walau apa chara pun yang di-jalankan ekonomi orang Melayu itu tentu-lah susah dapat di-jayakan kerana memang orang² kita Melayu tidak mempunyai modal. Saya rasa dalam negeri kita ini ada maseh banyak tanah² yang mengandongi bijeh² yang berharga. Maka sa-harus-nya-lah Kerajaan mempunyai satu dasar yang tetap dalam perkara mining ini untuk membolehkan orang² kita Melayu mengambil bahagian bersama. Dengan ini sahaja-lah boleh menaikkan ekonomi orang² kita Melayu sa-tingkat dengan orang² lain. Sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, belum pernah kita melihat ada orang² Melayu yang menjalankan pekerjaan² Importer and Exporter, menjalankan bank, pejabat² Insurance, Shipping; dalam lapangan ini semua-nya belum ada kita lihat orang Melayu yang mengambil bahagian. Jadi ini menunjukkan kelemahan yang ada dalam ekonomi orang² Melayu.

Ranchangan² Kemajuan Luar Bandar itu hanya akan memberi jaminan hidup k a p a d a penduduk² di-luar bandar sahaja. Kerajaan harus-lah mengadakan satu dasar yang tetap sa-suai dengan

dasar free enterprise bagi menolong orang² Melayu meninggikan ekonominya di-dalam lapangan² perniagaan yang saya telah sebutkan tadi itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada sa-perkara lagi yang saya rasa perlu saya sebutkan di-sini ia-itu banyak cherita² yang telah kita dengar ia-itu negeri² luar maseh belum kenal negeri kita ini. Ada di-antara mereka saperti di-Amerika yang maseh menganggap kita orang² Malaya maseh tinggal di-atas pokok kayu. Saya rasa ada baik-nya kalau Kerajaan dapat mengadakan satu siaran khas di-radio yang di-namakan "Suara Malaya", supaya dengan jalan ini kedudukan Malaya yang sa-benar dapat di-ketahui oleh dunia dengan jelas dan terang. Pada masa ini penerangan tentang kedudukan orang Melayu tidak bagitu terkenal di-luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah di-Raja ini saya dapati ia-itu soal ugama yang di-sebutkan ia-lah tentang pertandingan Kuran sahaja sa-olah² ia menjadi satu soal Ugama yang besar, dan kerana berjaya-nya kita mengadakan pertandingan Kuran antara bangsa, maka kita telah dapat melaksanakan hukum² Islam. Ini ada-lah terlampau jauh dari maksud Ugama yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua. Satu langkah yang lebeh tepat dengan kehendak Islam, ugama rasmi bagi negeri kita ini, patut-lah di-adakan.

Dalam membincangkan dasar luar negeri tadi, Tuan Yang di-Pertua, telah banyak perkara dan fikiran yang saya dengar. Tetapi, pada saya yang menjadi kesamaran ia-lah tentang "friendly countries". Apa-kah yang sa-benar-nya kesamaran ia-lah tentang "friendly countries". Apa-kah yang sa-benar-nya "friendly countries" ini? Ada-kah "friendly countries" ini sa-mata² di-tujukan kepada negara² Commonwealth atau ada-kah ia hanya di-tujukan sa-mata² kepada negeri² yang berbaik² dengan kuasa barat? Sebab sa-panjang yang saya ikuti dasar luar negeri kita yang bebas itu ada-lah chenderong kepada barat, dan juga dalam Persidangan Afro-Asia yang di-adakan di-Bandoeng kita tidak menghantar wakil. Kalau kita mempunyai dasar bebas

tentu-lah kita dapat menghantar sa-orang wakil untuk mengetahui apa-kah yang sa-benar²-nya di-lakukan dalam persidangan itu.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa walau pun sekarang ini dunia sibok membahathkan senjata nuclear, Kerajaan kita maseh belum membunyikan suaranya. Pada fikiran saya Kerajaan perlu juga menyuarakan sama ada kita bersetuju dengan dasar penggunaan nuclear yang menjadi heboh dalam dunia sekarang ini atau pun kita bersetuju supaya senjata nuclear itu di-haramkan.

The Assistant Minister of Rural Development (Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada rakan² saya yang telah membela Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mendengar tadi pada mula-nya Yang Berhormat Enche' Da Jalil mengatakan tidak patut-lah Majlis ini di-jadikan gelanggang perbahathan di-antara parti² politik. Saya pun berasa seronok, boleh jadi perkara perselisihan tidak di-bangkitkan lagi, tetapi dengan mengejut walau pun beliau membuka ucapan-nya itu dengan hasrat tidak hendak menjadikan Majlis ini majlis perbahathan di-antara parti² politik, tetapi beliau dengan sendiri juga-lah membangkitkan segala perselisihan itu. Jadi memandang kepada apa yang di-katakan oleh beliau sendiri dan juga Yang Berhormat Enche' Amaluddin Darus pada mula-nya, maka saya ingat bertanggung jawab-lah saya menjelaskan, bahawasa-nya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, khas-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar bukan-lah tidak mahu hendak memberi bantuan kepada kedua² negeri yang di-kuasai oleh PAS itu. Yang sa-benar-nya, Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang hendak memberi bantuan kepada kedua² negeri yang di-kuasai oleh PAS itu. Tetapi, sa-belum apa² bantuan diberi, yang pertama-nya, kedua² Kerajaan PAS itu kena-lah mengikut dasar Kerajaan Perikatan. Yang kedua-nya, kedua² Kerajaan itu kena-lah menjalankan Dasar Tanah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Sungguh pun kami

sedar bahawa soal tanah ada-lah soal negeri, tetapi kami sedar bahawa tanah ada-lah satu asas bagi kemajuan orang² di-kawasan luar bandar. Dan sebab itu-lah soal tanah dan dasar tanah telah di-jadikan dasar yang terpenting sa-kali bagi Kemajuan Luar Bandar dan bagi pembangunan orang² dalam kawasan luar bandar. Itu-lah sebab-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak dapat hendak mempersetujui kehendak² kedua² Kerajaan Negeri itu sa-lagi, dan sa-lama kedua² negeri itu tidak menjalankan dasar Kerajaan Perikatan berkenaan dengan ranchangan tanah, lebih² lagi dasar ini telah dipersetujui oleh National Land Council.

Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat dari Kelantan dan Trengganu sedia ma'alum bahawasanya sa-belum perkara² yang hendak di-bahatkan dalam National Land Council perkara itu terlebih dahulu telah di-persetujui oleh Kerajaan Negeri masing², dan sukachita saya mengatakan bahawa perkara ini telah pun di-luluskan dalam National Land Council, dan sa-telah di-luluskan oleh National Land Council, dukachita pula saya mendengarkan yang Kerajaan² Kelantan dan Trengganu tidak mahu dan tidak sanggup hendak menjalankan dasar ini.

Oleh sebab itu-lah saya katakan dengan tegas pada hari ini, dan saya harap ini ada-lah kali yang penghabisan, sa-lagi Kerajaan² Kelantan dan Trengganu tidak mengutamakan dan tidak mengikut dasar pembukaan tanah yang di-tetapkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, maka dukachita, Kerajaan Perikatan berasa keberatan hendak memberi bantuan. Dan juga mengikut apa yang di-tetapkan dalam Buku Merah Kerajaan Persekutuan, khas-nya Kementerian Pembangunan Luar Bandar, memang mesti Kerajaan Negeri masing² menjalankan Ranchangan Pembangunan Luar Bandar masing² terlebih dahulu. Ini bukan-lah satu syarat yang di-letakkan baharu ini sahaja untuk hendak menghalang pemberian wang kepada Kerajaan² Kelantan dan Trengganu. Buku Merah ini telah di-chatitkan lama dahulu sa-belum daripada ada apa² perselisihan, lama dahulu sa-belum perselisihan² di-bangkit dan

di-besarkan. Dan kalau-lah Yang Berhormat² dari Kelantan dan Trengganu dapat menyemak dasar pembahagian wang dalam Buku Merah itu, nyata-lah dengan jelas dan terang-nya bahawa sa-lagi Kerajaan Negeri masing² itu tidak terlebih dahulu membelanjakan wang-nya menjalankan ranchangan²-nya, maka Kerajaan Persekutuan dukachita tidak dapat hendak memberi bantuan kepada negeri itu. Malang-nya negeri itu tidak menunjukkan tanda² yang mereka itu hendak menjalankan ranchangan itu, sebab itu-lah saya pun berasa dukachita melambatkan bantuan wang di-kedua² buah negeri itu.

Saya sendiri telah melawat negeri Kelantan sa-telah Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan wang dalam tahun 1960 sa-banyak \$228,000. Saya sendiri telah menyaksikan bahawasanya kebanyakan daripada ranchangan² yang wang itu telah di-untokkan tidak di-jalankan dengan sa-chepat²-nya seperti mana yang di-kehendaki itu. Ini menunjukkan dengan nyata bahawa kebolehan Kerajaan di-kedua² buah Negeri itu khas-nya Kelantan tentang hendak menjalankan ranchangan itu, tidak-lah boleh di-terima oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.....

Enche' Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Abdul Khalid bin Awang Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. Sebab itu-lah baharu² ini Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pada masa itu Pemangku Perdana Menteri selaku juga Menteri Pembangunan Luar Bandar dengan segala tulus ikhlas hendak memberi bantuan pada Negeri Kelantan dan Trengganu, dan beliau dengan sendirinya telah chuba hendak melawat Ranchangan² Pembangunan Luar Bandar di-Kelantan, dan juga suka hendak berjumpa dengan ahli² Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar Kota Bharu dan Kuala Kerai dengan harapan jika sakira-nya Yang Berhormat itu puas hati di-atas kebolehan dan kecekapan Jawatan-Kuasa² itu maka harus Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan dengan murah hati memberi pemberian wang kepada kedua² buah negeri itu, tetapi malang-nya di-dapati

dengan resmi di-Negeri Kelantan khususnya, Yang Berhormat itu tidak dibenarkan bahkan di-tegah, yang saya katakan ini ia-lah dengan resmi-nya, berjumpa dengan ahli² Jawatan-Kuasa yang tersebut itu. Bukti-nya yang Jawatan-Kuasa² ini telah terlebih dahulu di-beri tahu bahawa Yang Berhormat itu akan berjumpa dengan ahli² Jawatan-Kuasa itu, ia-lah di-Kuala Kerai yang pintu² gerbang telah di-siapkan untuk menyambut Yang Berhormat itu, tetapi di-sebabkan sambutan yang hangat telah di-beri kepada Yang Berhormat itu maka Kerajaan Kelantan yang telah membuat sambutan² itu telah dengan serta-merta di-tegah oleh Yang Berhormat Menteri Besar supaya Jawatan-Kuasa Kemajuan Luar Bandar itu jangan menerima Yang Berhormat Tun Abdul Razak, dan dengan serta-merta itu juga pintu gerbang telah diturunkan. Malang-nya kejadian yang seperti itu telah di-bangkitkan oleh pihak Kerajaan Negeri dengan ta' disangka². Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dukachita menyatakan bahawa pemberian wang untuk kedua² buah negeri itu maseh di-timbangkan dan sabagaimana yang telah di-beritahu oleh Yang Berhormat itu kepada saya ia-itu untuk di-sampaikan kepada Majlis ini selagi Yang Berhormat itu tidak di-beri peluang berjumpa dengan Jawatan-Kuasa² Kemajuan Luar Bandar di-Kelantan dan Trengganu, maka selama itu-lah kedua² buah Negeri itu tidak akan mendapat bantuan wang di-bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Saya harap dengan kata² ini jelas-lah bagi pihak Kerajaan Kelantan dan Trengganu untuk menimbangkan, mudah²an daripada apa yang telah saya tegaskan itu dapat-lah kita mengatasi soal ini, dan oleh kerana ra'ayat jelata di-Kelantan dan Trengganu yang miskin dan melarat itu tidak akan terus melarat dan sa-terus-nya akan mendapat segala rancangan di-bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Now, I come to the Honourable Mr. T. H. Tan. I am not going to criticise him but just to point out a minor point. In his speech just now he has said that the Royal Address did not praise the Malayan Public Library Association for its good work in respect of adult

education. If my Honourable friend Mr. Tan would refer to page 2 of the Gracious Speech, he will find a sentence which reads, "My Government would like to take this opportunity to thank the various voluntary organisation..."—and I think the phrase "the various organisations" includes the Malayan Public Library Association. I admit that it is not mentioned in particular, but I can see from the sentence which I read just now that due thanks have been given also to the Malayan Public Library Association indirectly. I hope this will satisfy him. That is all I have to say.

The Minister of Health and Social Welfare (Dato' Ong Yoke Lin): Mr. Speaker, Sir, I fully appreciate the concern of the Honourable Dato' Sheikh Abu Bakar regarding the establishment of a Medical Faculty in Kuala Lumpur. I would like to give an assurance that the Government is very keen to start this Medical Faculty in the University of Malaya in Kuala Lumpur as soon as practicable. A Board of Studies has been formed in the University of Malaya and it has been actively considering this matter, with a view to starting the Faculty as soon as possible. Its Report, which I understand is ready, will be discussed by the University Authorities and by the Government very shortly. The Government is taking all possible and practical steps to increase the number of doctors in this country, in particular to increase the number of doctors in Government Service. We have serious deficiencies existing in the Government Service; we have this big expansion programme of Rural Health Service; and we are conscious of the need to have more doctors in Government Service.

In reply to the Honourable Mr. Yeoh Kian Teik of Ipoh, we have provided just over a million dollars for improving the present Ipoh Hospital, which will no longer be a District Hospital but a General Hospital, because we are going to put up First Class Wards and to increase the number of beds in the Third Class Wards and also to expand the Out-patient Department and improve the Surgical Unit. We have provided \$24 million for improvements to about

49 existing hospitals in the country. (Applause).

The Assistant Minister of Education (Enche' Abd. Hamid Khan bin Sakhawat Ali Khan): Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara² yang telah di-bangkitkan oleh beberapa ahli yang berhormat di-dalam perbahathan titah Di-Raja baharu² tadi ada-lah termasuk perkara² yang berkaitan dengan Kementerian Pelajaran. Di-sini saya suka-lah membuat sedikit penerangan berkenaan dengan perkara² itu. Ada satu dua ahli yang berhormat telah membangkitkan berkaitan dengan pelajaran perchuma, dan juga pelajaran yang akan menaikkan tingkatan umur ka-15 tahun. Atau pun pelajaran yang akan di-beri sa-lepas Primary Education, di-Sekolah² Lanjutan.

Sa-orang daripada yang berhormat itu telah menyatakan ia-itu pada masa memajukan rancangan Penyata Abdul Rahman Talib pada tahun yang sudah Kerajaan telah mengakui supaya Pelajaran Lanjutan itu di-beri sa-lama 3 tahun, atau pun sa-hingga umur 15 tahun. Di-sini saya suka-lah menarek perhatian Majlis ini kapada ucapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada bulan August tahun yang lalu, pada masa beliau itu memajukan Penyata Rahman Talib di-Dewan Ra'ayat di-mana di-dalam ucapan-nya beliau telah menyatakan ia-itu Kerajaan berchadang melaksanakan shor² dan dasar² di-dalam Penyata itu, tetapi sungguh pun bagitu tidak-lah boleh mengikat Kerajaan di-atas pelaksanaan satu persatu dengan sa-penoh-nya. Kerja² ini pada akhir-nya bergantung kapada keadaan keewangan yang dapat di-beri oleh Parlimen untuk pelajaran dari sa-tahun ka-sa-tahun. Jadi di-sini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu orang manusia yang boleh menyatakan dengan tepat banyak manakah pendapatan hasil negara yang boleh kita kumpulkan dari satu tahun ka-sa-tahun. Ini hanya dapat di-tentukan bila masa-nya sampai untuk menimbangkan perbelanjaan tahunan. Bagaimana pun Kerajaan telah mengambil keputusan supaya pada mula-nya diadakan pelajaran di-dalam Sekolah² Lanjutan ini sa-lama dua tahun, mulai tahun 1962 ini. Berkenaan dengan Free

Primary Education atau Pelajaran Perchuma di-Sekolah² Rendah di-dalam titah Di-Raja telah pun menyatakan pelajaran ini akan di-beri dengan sa-chepat mungkin yang boleh.

Ahli Yang Berhormat Dato' Sheikh Abu Bakar telah membangkitkan soal University of Malaya dan rakan saya telah memberi jawapan dalam segi Kementerian-nya. Di-sini saya suka menarek perhatian majlis ini di-dalam belanjawan kemajuan bagi Kementerian Pelajaran ada peruntukan wang sa-banyak 34 juta 200 ribu ringgit bagi rancangan kemajuan 5 tahun yang kedua ini. Wang sa-banyak 20 juta ringgit ada-lah peruntukan bagi mendirikan Faculty of Medicine yang akan dapat di-dirikan bangunan-nya mulai 1962 ini (*Tepok*). Sa-orang daripada ahli yang Berhormat membangkitkan soal Ejaan Indonesia-Malaya (Melindo). Berkenaan dengan soal ini saya suka-lah menyatakan di-sini ia-itu dalam segi ejaan ini Kerajaan Persekutuan telah pun menyelesaikan perkara ini. Hanya kita menunggu jawapan daripada negara tetangga kita Indonesia itu.

Berkenaan dengan kerja² yang di-buat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka saya rasa, Dewan Bahasa dan Pustaka telah juga menjalankan kerja² dan tugas²-nya dengan baik dan memberi puas hati dan saya sa-bagai Penolong Menteri Pelajaran menjemput Ahli Yang Berhormat itu sa-kira-nya setuju, bolehlah melawat ka-Dewan Bahasa dan Pustaka supaya di-tunjokkan dengan jelas-nya apa² kerja² yang di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya akan berhubung dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Syed Nasir bin Ismail.

Ada satu pandangan atau tuduhan daripada Ahli Yang berhormat dari Kelantan tadi bahwa Enche' Muhammad bin Hanif telah juga menjadi mangsa politik. Saya suka menegaskan tidak ada sa-barang tekanan politik telah di-lakukan atas Enche' Muhammad bin Hanif, bahkan sa-bagaimana yang telah di-terangkan oleh sa-orang rakan saya tadi ia-itu beliau ini ada-lah satu pegawai yang bekerja contract sa-lama 3 tahun dan tempoh 3 tahun itu telah pun tammat dan beliau pun

telah di-beri 3 bulan untuk bekerja walau pun contract-nya telah habis dan di-hadapan saya ini ada surat-nya yang di-tulis oleh Enche' Muhammad Hanif itu sendiri kepada Tuan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bertarikh 31-1-61 di-mana beliau itu di-antara lain² telah mengemukakan berbanyak² terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah melakukan keadilan dan budi bahasa yang baik. Jadi perkataan yang mengatakan ia menjadi mangsa politik itu tidak-lah benar.

Berkenaan dengan sekolah² di-Pantai Timor saya suka-lah menyatakan juga ia-itu kalau kita lihat di-dalam rancangan kemajuan bagi tahun 1961 ada peruntukan sa-banyak \$8,645,676 bagi Sekolah² Rendah, \$6,266,500 bagi Sekolah² Lanjutan, \$20,970,213 bagi Sekolah² Menengah, di-tahun 1961. Ini termasuk-lah sekolah² bagi Pantai Timor. Sa-lain daripada itu dalam lawatan saya pada masa dahulu ka-Pantai Timor ada juga sekolah² ra'ayat yang belum dapat bantuan penoh. Pada masa lawatan saya hari itu telah juga saya buka beberapa sekolah ra'ayat yang telah mendapat bangunan yang baik untuk melayakkan diri mereka memenohi satu daripada syarat² untuk mendapat bantuan penoh. Ada peruntukan wang di-bawah Kepala kechil 11 sa-banyak \$350,000 untuk menolong dan di-beri kepada sekolah yang sa-umpama itu supaya dapat melayakkan diri mereka itu menjadi sekolah yang akan mendapat bantuan penoh.

Ada juga Ahli² Yang Berhormat yang membangkitkan sa-tengah² perkara sa-perti soal bahasa dan sa-bagai-nya. Kena apa tidak di-chatitkan dalam ucapan di-Raja itu. Di-sini saya suka mengingatkan, ucapan di-Raja ini ada-lah mengandongi perkara² yang baharu, dan perkara² yang di-chadangkan akan di-jalankan pada tahun 1961 ini. Perkara² yang telah di-persetujukan untuk di-jalankan pada masa yang lalu dan sedang di-jalankan tidak-lah payah kita mengulang sa-mula dalam ucapan di-Raja ini. Tuan Yang di-Pertua, saksikan-lah ucapan saya (*Tepok*).

The Assistant Minister of the Interior (Enche' Mohamed Ismail): Mr. President, Sir, I rise to reply to three points

raised by Honourable Members of this House. First one is the Honourable Dato' Cheah Toon Lok, who said that the citizenship provision whereby a person who was away from the Federation for the purposes of education and who had been continuously absent for more than five years prior to Merdeka day was considered as having lost his citizenship under the present legislation on Federal Citizenship, is out of date. Sir, the point is this: this provision is contained in the Federation of Malaya Agreement, 1948, and was amended in 1952. Sir, this Agreement has been repealed and any person so affected by virtue of his absence is already deemed to have lost his Federal Citizenship status. However, he may on his return to this country apply to the Minister of the Interior to treat his absence abroad as resident in this country in order to obtain the required residential qualification for re-registration. If the Minister is satisfied that his absence was in fact for the purpose of education, then the application is approved and this student can regain his Federal Citizenship by applying for re-registration.

The second point is from the Honourable Enche' Yeoh Kian Teik. He complained the difficulty of getting citizenship forms. The position is that these forms have lately been revised in accordance with the new citizenship rules 1960 and are being printed. The Registration Department is making an estimate of the requirements and in due course sufficient forms will be made available and distributed to all the States and the various Registration Centres concerned.

Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid telah menyatakan berkenaan dengan orang Asli supaya di-beri bantuan tentang pelajaran dan sa-bagai-nya. Saya suka menyatakan bahawa ada-lah sa-memang menjadi dasar Kerajaan Perikatan pada hari ini memberi bantuan berkenaan dengan pelajaran dan perubatan dan sa-terus-nya meninggikan taraf ekonomi orang Asli. Dalam hal ini pada minggu yang sudah Dewan Ra'ayat telah meluluskan wang sa-banyak \$750,000 berkenaan dengan perkara itu (*Tepok*).

Berkenaan dengan P.P.R. menggunakan orang Asli di-Ipoh dengan berpakaian sa-bagai orang Asli membawa sumpit buloh yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka mengatakan Parti Perikatan tidak pernah membuat perkara yang sa-macham itu. Jikalau sa-kira-nya P.P.R. telah membuat sa-macham itu tidak-lah dapat Kerajaan hendak menahan. Saya suka menerangkan di-sini ia-itu dasar Kerajaan sa-memang tidak hendak menunjokkan² orang Asli umpama-nya kapada pelanchong² dari luar negeri datang ka-Tanah Melayu di-bawa ka-tempat (settlement) atau kawasan orang Asli menunjukkan tempat dan chara kedia-man mereka itu dan sa-bagai-nya. Kera-

jaan telah pun mengarah Pejabat Pelanchong (Tourist Bureau) supaya tidak lagi membawa pelanchong dari luar negeri menunjokkan sa-olah² sa-bagai satu perkara yang berlainan dari negeri lain di-tempat orang² Asli itu.

Saya memberi jaminan kapada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan sa-tiap masa memang menchari jalan dan membuat ranchangan untok meninggikan taraf saudara kita orang Asli dalam segala lapangan.

Tok Pangku Pandak Hamid: Terima kasih (*Tepok*).

Adjourned at 4.23 p.m.

